

**SHAMSIAH FAKEH (1924-2008) : KAJIAN TERHADAP  
PERJUANGAN WANITA ISLAM DI TANAH MELAYU**

**AISYAH BINTI AB RAHIM**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKEDEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2012**

**SHAMSIAH FAKEH (1924-2008) : KAJIAN TERHADAP  
PERJUANGAN WANITA ISLAM DI TANAH MELAYU**

**AISYAH BINTI AB RAHIM**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA USULUDDIN  
( SECARA KURSUS DAN DISERTASI )**

**JABATAN SEJARAH DAN TAMADUN ISLAM  
AKEDEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2012**

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah mengenai seorang tokoh pejuang negara bernama Shamsiah Fakeh. Walaubagaimanapun ramai yang mengenalinya sebagai seorang tali barut komunis dan digelar sebagai Wanita Besi Parti Komunis Malaya. Beliau merupakan antara tokoh terawal yang membentuk peranan wanita yang bersifat progresif di Malaya. Beliau berani mencabar budaya konservatif pada masa itu yang menganggap peranan wanita sebagai kurang penting dan terhad kepada peranan di dapur sahaja. Sepanjang kajian ini, kita dapat mempelajari bahawa sehingga ke akhir hayatnya, beliau merupakan seorang nasionalis sejati dan anti-British yang tegar. Terdapat beberapa persoalan yang ingin diketengahkan oleh penulis dalam kajian ilmiah ini. Antaranya seperti latar belakang Shamsiah Fakeh sehingga beliau dikenali sebagai pejuang wanita di Tanah Melayu, bagaimana pergerakan wanita Melayu dalam memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu dan apakah sejarah dan perjuangan yang dilakukan oleh Shamsiah Fakeh di Tanah Melayu serta bagaimanakah penilaian masyarakat terhadap perjuangan dan sumbangan yang dilakukan oleh Shamsiah Fakeh. Penulis berharap dengan adanya kajian seperti ini, segala tanggapan negatif dan tomanan yang dilemparkan kepada Shamsiah Fakeh dapat diubah. Hal ini kerana penulis berpendapat setiap manusia mempunyai hak tersendiri untuk berjuang, terutamanya demi negara tercinta. Walaupun parti yang dianggotai oleh beliau berhaluan kiri dan tidak diterima oleh kerajaan tetapi beliau ikhlas berjuang mempertahankan tanah air daripada penjajah. Semoga Allah S.W.T memberkati perjuangan beliau.

## ABSTRACT

This research is a study about Shamsiah Fakeh, a nationalist figure. However she was famous to many as a veteran Communist leader, known by her nick name “the Italia *Lady* of the Communist Party of Malaya”. She was the pioneer to shape the progressive role of women in Malaya. She dares to challenge the conservative culture and the patriarchy system of the time, which kept the woman role in society as secondary and domestication. Throughout the study, one can sense that she was, until the very end, a strong nationalist and staunchly anti-British. This study is to answer some of the main questions such as Shamsiah Fakeh’s early life and how she become a nationalist and a revolutionaire in Tanah Melayu, the progression of the Malay women movement for the independence of Tanah Melayu, the history and experiences of Shamsiah Fakeh in her fight for Tanah Melayu freedom and also the community’s acceptance of Shamsiah Fakeh and her sacrifices for Tanah Melayu. Hopefully, this study will answers all the negative thought about Shamsiah Fakeh and do her some justice. Every person deserves to fight for something they believe in, especially when it comes to sacrifices their life for their beloved country. Even though at the time, she choose to join left-wing political party, but she sacrificed her life and fought hard from the cruelty of colonizers. May Allah S.W.T. bless her soul.

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T.,Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam kepada nabi junjungan kita Muhammad s.a.w., seluruh keluarga baginda, para sahabat baginda dan mereka yang berjuang untuk Islam selepasnya.

*Alhamdulillah*, setelah bertungkus lumus selama beberapa tahun, walaupun terdapat banyak halangan, akhirnya kajian bertajuk Shamsiah Fakeh : Kajian Terhadap Perjuangan Wanita Di Tanah Melayu Antara Tahun 1924-2008 ini berjaya disiapkan.

Penulis akui bahawa amat sukar untuk menyiapkan latihan ilmiah ini tanpa adanya pertolongan dari Ilahi serta bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Justeru itu, dikesempatan ini, penulis ingin merakamkan kata-kata penghargaan yang tidak terhingga kepada individu dan pihak terbabit.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih buat Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim dan Dr. Abdullah bin Yusof selaku penyelia yang telah banyak meluangkan masa memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Semoga segala jasa baik dan tunjuk ajar yang telah diberikan mendapat ganjaran yang sewajarnya di sisi Allah s.w.t.

Penghargaan dirakamkan buat kakitangan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terutama kepada barisan pensyarah yang telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan sepanjang keberadaan penulis di lembah ilmu perdana ini. Semoga Allah s.w.t melimpahkan nikmat-Nya kepada kalian di dunia dan akhirat.

Segugus jambangan kasih penulis abadikan untuk keluarga, teristimewa buat ayahanda dan bonda tercinta di atas kasih dan sayang, sokongan, dorongan, dan sumbangan material yang diberikan. Sesungguhnya, semuanya itu tidak mungkin anakanda mampu membalasnya. Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat suami tersayang yang tidak jemu-jemu membantu dan memberi sokongan kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini dan anak yang sentiasa menjadi api pendorong. Tidak lupa juga abang-abang, kakak dan adik-adik yang dikasihi, teruskan perjuangan mengejar cita-cita. Semoga Allah memberkati dan merahmati kalian semua.

Ucapan terima kasih seterusnya penulis layangkan buat En. Jamaluddin Ibrahim dan En. Hazman Hashim yang telah banyak memberikan kerjasama kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini, serta individu-individu yang terlibat dalam proses temubual yang dijalankan.

Buat rakan-rakan seperjuangan, semoga ikatan ukhuwah ini berkekalan hingga ke akhir hayat. Akhirnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penulis menyiapkan kajian ini. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas budi kalian.

Sekian, Wassalam.

Aisyah binti Ab.Rahim,  
Kampung Kuala Merah,  
09300 Kuala Ketil,  
Kedah Darul Aman.

23 Mac 2012

## KATA PENGANTAR

*Alhamdulillah*, syukur kehadiran Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya penulis berjaya menyempurnakan kajian ini, yang bertajuk “Shamsiah Fakeh : Kajian Terhadap Perjuangan Wanita Di Tanah Melayu Antara Tahun 1924-2008” sebagai memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Akademi Pangajian Islam, Universiti Malaya untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Usuluddin.

Syukur kepada Tuhan, dengan izin dan bantuan-Nya penulis dapat menyelesaikan kajian ini dengan sempurna. Penulis bersyukur kerana mendapat sokongan dan mendengar sendiri kisah Shamsiah daripada anakanda beliau, En.Jamaluddin Ibrahim. Daripada anakanda beliau, penulis dapat mengenali serba sedikit tentang latar belakang Shamsiah Fakeh. Jutaan terima kasih diucapkan kepada En.Jamaluddin Ibrahim atas kerjasama yang diberikan kepada penulis.

Penulis memilih tajuk ini kerana penulis mendapati kisah perjuangan beliau begitu menarik dan sangat sesuai untuk dikaji. Hal ini kerana beliau merupakan tokoh kemerdekaan wanita yang lain dari tokoh wanita yang lain. Beliau adalah pemimpin wanita yang berjuang memerdekakan tanah air daripada penjajah British, sehingga sanggup masuk dan tinggal di dalam hutan. Beliau adalah wanita Melayu yang berani berjuang dengan mengangkat senjata.

Mendalami kajian mengenai Shamsiah Fakeh, membuka mata penulis supaya melihat kisah perjuangan menuntut kemerdekaan daripada perspektif berbeza dan

dengan lebih luas lagi. Mungkin kisah beliau dan rakan-rakan tidak dianggap penting dalam sejarah tanah air bagi sebilangan masyarakat. Namun bagi penulis, usaha yang dilakukan oleh beliau dan semangat pengorbanan yang bukan calang-calang itu, perlu diangkat ke satu aras yang lebih tinggi.

Seputih mana pun sehelai kain, jika terpalit lumpur kotor juga jadinya. Begitulah pandangan ramai terhadap Shamsiah Fakeh. Tidak dinafikan betapa komunisme pernah menjadi satu pengalaman pahit dalam sejarah negara. Kekejaman dan tipu daya komunis tiada bezanya dengan kejahatan penjajah British. Dan kita sebagai generasi penerus masa depan negara amat bersyukur kerana kita merdeka dan diperintah melalui demokrasi berperlembagaan.

Tetapi siapa kita untuk menghukum dan melabel? Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat sedikit sebanyak memberikan gambaran kepada pembaca mengenai situasi sebenar yang berlaku di Tanah Melayu dalam menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Selain itu, penulis berharap kajian ini dapat membantu menjawab pelbagai persepsi dan persoalan yang timbul di fikiran rakyat, apabila mendengar nama Shamsiah Fakeh.

Mudah-mudahan roh Allahyarhamah Shamsiah Fakeh ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan dikasih Tuhan. Al-Fatihah.



# TRANSLITERASI

## Konsonon

Huruf Jawi	Huruf Rumi	Huruf Jawi	Huruf Rumi
ء	–	ع	‘
ا	A	غ	Gh
ب	B	ف	F
ت	T	ق	Q
ث	Th	ك	K
ج	J	ل	L
ح	<u>H</u>	م	M
خ	Kh	ن	N
د	D	و	W
ذ	Z	ه	H
ر	R	ي	Y
ز	Z	ة	-t
س	S		
ش	Sy		
ص	Sh		
ض	Dh		
ط	Th		
ظ	Zh		

**Vokal Pendek**

..... a

..... i

..... u

**Vokal Panjang**

ا ..... a

ي ..... i

و ..... u

**Diftong**

اي ..... ay

او ..... aw

*Sumber :*

Pedoman Transliterasi Huruf A'rab ke Huruf Rumi, ( 1998 ), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, bagi Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia.

# DAFTAR ISI

## SHAMSIAH FAKEH (1924-2008) : KAJIAN TERHADAP PERJUANGAN WANITA ISLAM DI TANAH MELAYU

KANDUNGAN	HALAMAN
ABSTRAK	ii
PENGHARGAAN	iv
KATA PENGANTAR	vi
TRANSLITERASI	viii
DAFTAR ISI	x
SINGKATAN PERKATAAN	xiv
SENARAI JADUAL	xvi

### BAB SATU PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Metodologi Kajian	14
1.7.1 Metode Pengumpulan Data	15
1.7.2 Metode Analisa Data	17
1.8 Kajian-kajian Terdahulu	18
1.9 Sistematika Penulisan	21
1.10 Penutup	23

**BAB DUA**  
**PERGERAKAN WANITA ISLAM DI TANAH MELAYU SEBELUM**  
**MERDEKA DAN BIOGRAFI SHAMSIAH FAKEH**

2.1 Pengenalan	25
2.2 Pergerakan Wanita Islam Di Tanah Melayu	28
2.2.1 Penglibatan Wanita Dalam Gerakan atau Persatuan	31
2.3 Latar Belakang Shamsiah Fakeh	36
2.4 Pendidikan Shamsiah Fakeh	39
2.5 Perkahwinan Shamsiah Fakeh	44
2.5.1 Perkahwinan Pertama Shamsiah Fakeh	44
2.5.2 Perkahwinan Kedua Shamsiah Fakeh	46
2.5.3 Perkahwinan Ketiga Shamsiah Fakeh	48
2.5.4 Perkahwinan Keempat Shamsiah Fakeh	51
2.5.5 Perkahwinan Kelima (Terakhir) Shamsiah Fakeh	53

**BAB TIGA**  
**SEJARAH DAN PERJUANGAN SHAMSIAH FAKEH DI TANAH MELAYU**  
**ANTARA TAHUN 1945-2008**

3.1 Pengenalan	55
3.2 Sejarah Shamsiah Fakeh Sebelum Terlibat Dalam Perjuangan Di Tanah Melayu	57
3.3 Penglibatan Shamsiah Fakeh Dalam Parti-parti Politik Sebelum Kemerdekaan Di Tanah Melayu Dari Tahun 1945 hingga 1957	61
3.3.1 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	61
3.3.2 Angkatan Wanita Sedar (AWAS)	65
3.3.3 Parti Komunis Malaya (PKM)	73
3.3.4 Rejimen Ke-10	80
3.3.5 Misi Perjalanan Jauh ke Sempadan	98
3.3.6 Dihantar ke China	105
3.4 - Perjuangan Shamsiah Fakeh Dari Tahun 1957 hingga 1994	107
3.4.1 Dari China ke Indonesia	107
3.4.2 Penahanan di Indonesia	109
3.4.3 Dipecat Keanggotaan dari PKM	112
3.4.4 Perubahan Polisi Kerajaan Malaysia dan Hasrat Ingin Pulang ke Malaysia	115
3.5 - Kehidupan Shamsiah Fakeh Dari Tahun 1994 hingga 2008	121

**BAB EMPAT**  
**ANALISA SUMBANGAN DAN PERJUANGAN SHAMSIAH FAKEH**  
**TERHADAP MASYARAKAT MELAYU ANTARA 1924-2008**

4.1 - Pengenalan	124
4.2 - Sumbangan Shamsiah Fakeh Terhadap Masyarakat Melayu Di Tanah Melayu	125
4.3 - Pandangan masyarakat terhadap perjuangan Shamsiah Fakeh Tanah Melayu	133
4.4 - Penilaian Umum Terhadap Perjuangan Shamsiah Fakeh Di Tanah Melayu	150

**BAB LIMA**  
**PENUTUP**

5.1 - Kesimpulan	159
5.2 - Saranan	171
5.3 - Penutup	173

## SINGKATAN PERKATAAN

AJU	Anti-Japanese Union
AMCJA	All Malayan Council of Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
a.s	‘Alaihissalam
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
B	Bin
BATAS	Barisan Tani Malaya
Bil	Bilangan
Bt	Binti
Cet.	Cetakan
DAP	Democratic Action Party
Dr.	Doktor
Ed.	Editor
En.	Encik
FTU	Federal Trade Union
GEMPAR/GMPR	Gabungan Melayu Petani Raya
GERAM	Gerakan Angkatan Pemuda Malaya
Hlm.	Halaman
Hj.	Haji
Ibid	Ibiden
IMP	Independence Malaya Party
ISA	Internal Security Act

Jil.	Jilid
JSFTU	Johore South Federation of Trade Union
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KRIS	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung
MATA	Majlis Agama Tinggi SeMalaya
MCA	Persatuan China Malaysia
MIC	Malayan Indian Congress
MPAJA	Malayan People Anti-Japanesse
NDYL	Liga Pemuda Demokrasi
OCPD	Officer in Charge of Police District
Op.cit	Opera Citato
PAS	Parti Islam Semalaya
PBM	Parti Buruh Malaya
PEKEMAS	Parti Keadilan Masyarakat
PEKEMBAR	Pertubuhan Kabangsaan Melayu Bersatu
PERAM	Pemuda Radikal Melayu
PIM	Parti Indonesia Merdeka
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kabangsaan Melayu Malaya
PMFTU	Pan Malayan Federation Of Trade Union
PMP	Persatuan Melayu Perak
PNI	Parti Nasionalis Indonesia
Prof.	Profesor
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat



s.a.w	Sallallah'alaihi wassalam
s.w.t	Subhanahu wa-Ta'ala
terj.	Terjemahan
Tn.	Tuan
t.t	Tanpa Tarikh
TPNM	Tentera Pembebasan Naional Malaya
UDP	United Democratic Party
UMNO	United Malays National Organization
WFTU	World Federation of Trade Union

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 4.1 : Reaksi Terhadap Kepulangan Shamsiah Fakeh Ke Malaysia

# **BAB 1**

# **BAB SATU**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Dalam perjuangan meninggikan martabat bangsa setelah mencapai kemerdekaan menjelang pertengahan kurun ke-20, ungkapan “perjuangan kebangsaan” dan “semangat nasionalisme” merupakan lumrah yang biasa digunakan dalam masyarakat Melayu. Pada hari ini, masyarakat Malaysia boleh berbangga kerana sebagai satu bangsa dan sebagai satu negara, masyarakat negara ini telah diiktiraf sebagai lambang kejayaan negara dunia ketiga dan sebuah negara pimpinan umat Islam contoh oleh seluruh dunia. Dalam pada kita berbangga dengan kemajuan yang tercapai, kita harus ingat dan tidak lupa sama sekali bahawa segala nikmat yang kita ada pada hari ini tidak akan tercapai jika kita masih lagi dijajah oleh kuasa asing. Kesemua ini berubah hanya apabila Malaysia mencapai kemerdekaan pada tarikh keramat 31 Ogos tahun 1957<sup>1</sup> melalui gerakan perjuangan oleh tokoh-tokoh pejuang yang bermula sejak lebih seabad lalu.

Kemerdekaan itu sendiri mempunyai pengertian yang berbeza-beza bagi setiap individu. Ungkapan kemerdekaan merupakan suatu khazanah yang tidak ternilai buat golongan yang telah berjuang dengan darah dan air mata. Bagi sesetengah golongan lain pula, pengertian kemerdekaan tidak lebih dari sekadar cuti umum sahaja. Setelah setengah abad mencapai kemerdekaan, ternyata bahawa kita sebenarnya masih belum

---

<sup>1</sup> Suriani Abdullah (1999), *Rejimen Ke-10 dan Kemerdekaan*, Hong Kong : Nan Dao Publisher, h. 244.

bebas dari penjajahan. Bentuk penjajahan itu sendiri telah mengalami evolusi sejajar dengan masa. Sekiranya dahulu penjajahan datang dengan kapal dan senjata, kini dengan dunia tanpa sempadan, penjajahan datang melalui fiber optik, satelit dan kemajuan teknologi yang disalah aplikasikan untuk memanipulasi kuasa politik, ekonomi dan sosial negara umat Islam. Bak kata pepatah, “*mencegah adalah lebih baik dari mengubati*”, masih belum terlambat untuk kita menghalang negara dan generasi kini daripada dijajah sekali lagi. Namun untuk merealisasikan perkara ini, persiapan haruslah di buat dari akar umbinya. Dan semestinya akar tersebut adalah generasi-generasi muda yang akan menjadi bakal pemimpin negara suatu hari nanti. Terlebih dahulu, para generasi muda perlu didedahkan mengenai sejarah sebenar kemerdekaan agar mengambil iktibar dari perjuangan generasi lalu.

Gerakan nasionalisme untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu diusahakan oleh dua kumpulan yang dikenali umum sebagai aliran kiri dan aliran kanan. Aliran kanan dipelopori oleh persatuan negeri-negeri Melayu yang kemudiannya diterajui oleh parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)<sup>2</sup>. UMNO seterusnya berjaya mencapai kemerdekaan melalui gabungan parti-parti politik arus perdana yang

---

<sup>2</sup> Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) ditubuhkan pada 11 Mei 1946 dengan tujuan mengumpulkan kekuatan orang Melayu untuk menentang Malayan Union ciptaan penjajah British. Dato Onn Jaafar selaku wakil Persatuan Melayu Johor telah dipilih menjadi pengerusi kongres itu yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru di Kuala Lumpur pada awal Mac 1946. Lebih 40 pertubuhan Melayu yang menyertai kongres itu bersatu meluluskan tiga usul utama, membantah penubuhan Malayan Union, menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu atau UMNO, dan mengutip derma pelajaran untuk anak-anak Melayu. Dato Onn mencadangkan bahawa keahlian parti dibuka kepada seluruh penduduk Tanah Melayu tanpa mengira kaum dan UMNO ditukar menjadi “Pertubuhan Kebangsaan Penduduk Tanah Melayu Bersatu”. Disebabkan cadangan itu ditolak, Dato Onn meletak jawatan sebagai Presiden UMNO dalam perhimpunan parti pada 1951. Lihat Mohamed Rahmat(2009), *UMNO:Akhir Sebuah Impian*, Selangor : The Malaysian Insider Sdn. Bhd., h. 17-21.

mewakili pelbagai etnik masyarakat seperti Persatuan Cina Malaysia (MCA)<sup>3</sup>, Kongres India Malaysia (MIC)<sup>4</sup> dan lain-lain yang kemudian bergabung membentuk perjuangan bersama dan dikenali sebagai Parti Perikatan. Perjuangan nasionalisme aliran kiri, walaupun tidak berjaya mencapai matlamatnya akibat tekanan pihak penjajah, juga tidak dinafikan signifikannya. Walaupun berbeza aliran politik, namun matlamat mereka tetap sama, iaitu memperjuangkan martabat Tanah Melayu dan membebaskan bangsa daripada penjajah barat iaitu British pada masa itu.

Perjuangan kemerdekaan ini tidak hanya terhad kepada kaum lelaki, tetapi juga para wanita. Sejak sebelum zaman kemerdekaan lagi, wanita-wanita di Tanah Melayu sentiasa memainkan peranan penting dalam pergerakan politik yang membawa kepada kemerdekaan negara. Para wanita ketika itu sesungguhnya layak digelar sebagai srikandi. Penjajahan telah banyak memberi kesedaran kepada rakyat betapa mereka perlu berusaha untuk membebaskan diri daripada cengkaman penjajah. Perang Dunia Kedua merupakan titik tolak perubahan sikap masyarakat terhadap peranan wanita. Wanita telah mula keluar rumah mencari rezeki bagi membantu suami dan keluarga. Keadaan memaksa mereka untuk keluar bekerja, kerana jika mereka masih dikurung di rumah, maka lebih ramai yang akan mati kebuluran. Susulan daripada penubuhan Malayan Union pada 1945, wanita dan kaum ibu yang sebelum ini lebih tertumpu pada pertubuhan berunsurkan kebajikan akhirnya melibatkan diri dalam gerakan politik dan

---

<sup>3</sup> Persatuan Cina Malaysia (MCA) merupakan sebuah parti politik yang diasaskan pada 27 Februari 1949 di Malaysia untuk mewakili etnik Cina Malaysia, satu daripada tiga parti komponen utama bagi parti gabungan di Malaysia yang dipanggil sebagai Barisan Nasional (BN).  
Lihat [http://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian\\_Chinese\\_Association](http://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian_Chinese_Association), diakses pada 20 Julai 2010.

<sup>4</sup> Kongres India Se-Malaysia adalah sebuah parti minoriti India yang ditubuhkan pada Ogos 1946. Dan merupakan sebuah parti politik di Malaysia dan satu daripada anggota pengasas parti gabungan, Barisan Nasional, sebelumnya dikenali sebagai Parti Perikatan. MIC ditubuhkan selepas satu persidangan diadakan di Dewan Orang Ramai Chettiar, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.  
Lihat [http://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian\\_Indian\\_Congress](http://en.wikipedia.org/wiki/Malaysian_Indian_Congress), diakses pada 20 Julai 2010.

nasionalisme secara terbuka buat pertama kalinya. Cadangan Malayan Union yang antara lain adalah cuba menamatkan hak istimewa kaum Melayu ini telah membangkitkan penentangan secara besar-besaran oleh komuniti masyarakat Melayu di Tanah Melayu.<sup>5</sup>

Di bawah rancangan Malayan Union ini, Inggeris ingin menubuhkan sebuah negeri bersatu dan menciptakan satu kewarganegaraan yang sama rata untuk semua kaum. Orang Melayu akan menjadi warganegara “Malayan Union” dengan automatik, manakala orang bukan Melayu yang ingin menjadi warganegara perlu memenuhi kelayakan-kelayakan bermastautin, kelahiran dan lain-lain. Melalui penubuhan Malayan Union, Raja-raja Melayu akan menyerahkan kedaulatan di negeri masing-masing kepada pihak Inggeris yang kemudiannya akan menggunakan kuasa-kuasa itu untuk memperkenalkan undang-undang baru bagi pihak Raja-raja Melayu. Ini bererti, Inggeris akan terus merampas negeri-negeri Melayu sebagai jajahannya dan kuasa Raja-raja Melayu hanya tertakluk kepada bidang pentadbiran agama Islam sahaja. Orang Melayu memandang Malayan Union sebagai satu ancaman terhadap hak-hak Melayu dan hanya berfaedah kepada orang bukan Melayu. Orang Melayu membantah keras terhadap rancangan Malayan Union ini dan kemudian membuat keputusan untuk menubuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) agar dapat melancarkan kempen bantahan secara besar-besaran terhadap rancangan Malayan Union itu.<sup>6</sup>

---

<sup>5</sup> Abdullah C.D. (2007), *Memoir Abdullah C.D. : Penaja dan Pemimpin Rejimen Ke-10*, Selangor : Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), h. 157.

<sup>6</sup> J. De V. Allen (1970), *The Malayan Union*, Yale University Press, h. 117.

Memandangkan sikap sederhana orang bukan Melayu dan tentangan hebat daripada orang Melayu, maka akhirnya Kerajaan Inggeris telah berunding dengan Raja-raja Melayu dan UMNO. Pada bulan Disember 1946, satu perjanjian telah dicapai untuk membubarkan Malayan Union. Raja-raja Melayu telah bersetuju untuk menggantikannya dengan “Persekutuan Tanah Melayu”, iaitu terdiri atas negeri-negeri Melayu serta Pulau Pinang dan Melaka pada 1 Februari 1948. Raja-raja Melayu telah mendapat kembali hak-hak kedaulatannya dan telah bersetuju menawarkan kewarganegaraan “Persekutuan” kepada orang bukan Melayu yang layak menjadi warganegara.<sup>7</sup>

Pemberontakan komunis pada tahun 1948 telah meletakkan Kerajaan Inggeris dalam keadaan rumit kerana selepas Perang Dunia Kedua, dunia telah menjadi semakin mengakui hak kebebasan dan pemerintahan sendiri sebagai hak-hak yang sah rakyat negeri-negeri yang dijajah terutamanya oleh Bangsa-Bangsa Bersatu. Kerajaan Inggeris ingin mengatasi masalah ini tetapi tidak mahu memberikan kejayaan kepada pemberontak-pemberontak komunis. Permusuhan antara kapitalisme dan komunisme menyebabkan pihak Inggeris ingin menyerahkan kuasa kepada satu perikatan bukan komunis yang mewakili ketiga-tiga kaum terbesar di Tanah Melayu. Akhirnya, pada 31 Ogos 1957, kerajaan perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman yang mewakili ketiga-tiga kaum majoriti telah mencapai kemerdekaan buat Tanah Melayu.<sup>8</sup>

---

<sup>7</sup> Cheah Boon Kheng (1983), *Perpecahan dan Perpaduan dalam Gerakan Kemerdekaan di Semenanjung Tanah Melayu Selepas Perang Dunia Kedua : Satu Perspektif mengenai Asal-usul “ Nasionalisme Malaya”*, persidangan Antarabangsa : Modernisasi dan Keperibadian Budaya-Bangsa, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Universiti Malaya pada 10-12 Januari 1983, h. 8-15.

<sup>8</sup> *Ibid.*

Selain pejuang lelaki, pejuang-pejuang wanita juga turut berbakti menanam semangat kemerdekaan dalam sanubari kita melalui pengorbanan mereka. Setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua, pandangan rakyat terhadap penjajah telah berubah. Rakyat tidak lagi hanya tahu berdiam diri dan menerima apa sahaja yang dilakukan oleh British kepada mereka. Kaum wanita juga menunjukkan reaksi yang positif terhadap perjuangan kemerdekaan. Perubahan sikap masyarakat terhadap wanita merupakan faktor yang mendorong mereka untuk tampil bersama-sama kaum lelaki dalam perjuangan. Telah disebut dalam fakta sejarah, bagaimana para wanita ketika itu sanggup menyerahkan barangan kemas milik mereka bagi membantu delegasi negara dalam usaha mencapai kemerdekaan. Sejarah juga turut menjadi saksi terdapat antara golongan ibu ini sanggup berjuang mengangkat senjata demi memperjuangkan nasib negara. Benarlah kata pepatah, *“tangan yang menghayun buaian juga mampu menggoncang dunia”*. Pejuang-pejuang ini telah berkorban untuk mempertahankan negara dari terjajah. Ada yang kecondang, ada yang dibuang negeri, ada yang dibunuh dan dihukum gantung. Namun, semangat mereka tidak pernah patah. Dengan semangat pengorbanan dan kegigihan, mereka telah membangkitkan semangat nasionalisme yang akhirnya membawa kita kepada kemerdekaan. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam ini hendaklah dikenang tanpa mengira fahaman politik dan ideologi. Sumbangan pejuang-pejuang ini memberi pengajaran dan panduan kepada kita semua bagi membangunkan negara ini selari dengan tuntutan Al-Quran dan Sunnah yang menuntut umat manusia agar menjadikan kisah dan sejarah sebagai iktibar.



## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

*“Sebenarnya aku bukanlah pemimpin wanita Parti Komunis Malaya atau seorang tokoh wanita yang terkemuka. Aku hanya seorang pejuang wanita yang berjuang melawan British untuk kemerdekaan tanahair dan untuk kebebasan wanita.”<sup>9</sup>*

- Shamsiah Fakeh -

Nama Shamsiah Fakeh tidak dapat dipisahkan dari PKMM dan Parti Komunis Malaya (PKM) dalam sejarah Tanah Melayu. Melalui organisasi politik inilah nama Shamsiah Fakeh menjadi popular dalam politik Malaya. Persoalan demi persoalan diajukan bagaimana seorang srikandi Melayu berketurunan Minangkabau yang pernah dididik di sekolah agama itu dapat menggegarkan politik Malaya melalui PKM.

Shamsiah Fakeh dilahirkan pada tahun 1924 di Kampung Gemuruh, kira-kira satu batu dari pekan Kuala Pilah. Shamsiah merupakan puteri kepada Sutan bin Sulaiman dan Saamah binti Nonggok. Dilahirkan dalam masyarakat yang memegang kuat pada adat perpatih, beliau dididik dengan ciri-ciri wanita Melayu yang lemah-lembut tutur kata dan perilaku. Shamsiah telah menerima pendidikan di Sekolah Melayu Kampung Parit, Sekolah Melayu Bandar Kuala Pilah, Sekolah Agama Rahmah Al-Yunusiah<sup>10</sup> di Sumatera dan Madrasah Aliyah Islamiyah<sup>11</sup> di Pelangai, Kuala Pilah.

---

<sup>9</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Memoir Shamsiah Fakeh : Dari Awas ke Rejimen ke-10*, Edisi Baru, Selangor : Strategic Information and Research Development Centre, h. 12-15.

<sup>10</sup> Sekolah agama ini didirikan pada tahun 1923. Sekolah ini diasaskan oleh Ramah El-Yunusiah. Sekolah ini juga dikenali sebagai Perguruan Diniyyah Puteri. Sekolah ini juga dinamakan mengikut nama sepasang suami isteri yang mengusahakannya iaitu Rahmah dan Yunus. Sekolah agama ini mengamalkan konsep ‘boarding school wanita’. Tercatat ratusan pelajar dari Malaysia dan Singapura yang menuntut di sekolah tersebut. Visi dan perjuangan sekolah ini ialah membentuk puteri berjiwa Islam dan ibu pendidik yang cekap dan aktif serta bertanggungjawab pada kesejahteraan masyarakat dan tanah air atas perabdian kepada Allah. Sekolah ini juga melahirkan ramai tokoh-tokoh yang terkemuka seperti Tan Sri Aisyah Ghani sebagai Menteri Am Kebajikan Malaysia, Datin Sakinah, Siti Zubaidah sebagai ketua Dewan Muslimat PAS yang pertama dan ramai lagi. Lihat dari <http://ranahbundo.blogspot.com>, pada 17 May

Sepanjang hidupnya Shamsiah Fakeh telah berkahwin sebanyak lima kali. Antara bekas-bekas suami beliau ialah Yasin Kina<sup>12</sup>, Rusdi, Ahmad Boestamam, Wahi Anuwar dan suami beliau yang terakhir iaitu Ibrahim Mohamad.<sup>13</sup>

Perjalanan Shamsiah Fakeh dalam perjuangan menentang penjajah bermula dari tahun 1945 apabila beliau mula menyertai Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).<sup>14</sup> Beliau mula tertarik kepada perjuangan kebangsaan atau perjuangan untuk menuntut kemerdekaan ketika belajar agama di sekolah Bagan Serai. Di sinilah beliau mengenali PKMM yang pada ketika itu dianggap sebagai sebuah parti sayap kiri. Beliau menyertai PKMM kerana PKMM adalah sebuah parti yang progresif dan berpendirian melawan penjajah. Beliau mula aktif dalam PKMM sekitar awal tahun 1946 dan Shamsiah kemudiannya dilantik menjadi Ketua Bahagian Wanita PKMM yang lebih

---

2010. Lihat juga Fatini Yaacob, *Pendidikan, Perkahwinan, dan Penceraian Shamsiah*, Dewan Masyarakat, Mac 1991, h. 21-22.

<sup>11</sup> Sekolah ini dikenali juga sebagai The High Islamic School. Sekolah ini ditubuhkan pada 15 Januari 1939. Pengasasnya ialah Tuan Guru Muhammad Maadah bin Layang atau lebih dikenali sebagai Lebai Maadah. Corak pengajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut berbeza dengan sekolah-sekolah lain yang ada di Tanah Melayu pada masa itu. Sekolah ini mempunyai keistimewaannya tersendiri. Pengajian utama di sekolah ini ialah pengajian al-Quran dan Hadis. Pengajian dimulakan dengan kursus penterjemahan al-Quran secara harfiah yang diikuti dengan kefahaman keseluruhan terjemahannya. Lihat Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mac 1991, h. 21-22.

<sup>12</sup> Yasin Kina merupakan suami Shamsiah yang pertama. Mereka berkahwin ketika masih belajar di Sekolah Agama Madrasah Aliyah Islamiah di Pelangai. Yasin tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan hanya mendapat duit belanja dari keluarganya sebanyak sepuluh ringgit. Mereka dikurniakan dua orang cahayamata tetapi kedua-duanya meninggal dunia ketika masih kecil. Shamsiah diceraikan oleh Yasin pada tahun 1944 tanpa pengetahuan Shamsiah. Yasin hanya meninggalkan sepucuk surat kepada ayah Shamsiah. Lihat lanjut Memoir Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.* h. 19-21. Lihat juga Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mac 1991, h. 23-26.

<sup>13</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 12-15.

<sup>14</sup> Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. Parti ini merupakan parti politik Melayu yang pertama ditubuhkan selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Matlamat utama penubuhan PKMM ialah untuk menuntut kemerdekaan penuh bagi Tanah Melayu dan menentang sebarang bentuk penjajahan Inggeris. PKMM juga berusaha mengatasi masalah orang Melayu dari segi pelajaran, sosial dan ekonomi serta kebebasan mencetak dan bersuara. PKMM pada mulanya tidak condong kepada komunisme tetapi apabila Mokhtaruddin Lasso dilantik sebagai presidennya yang pertama pada bulan Oktober 1946, parti ini dipengaruhi oleh komunis. PKMM diasaskan oleh Mokhtaruddin Lasso, Dr. Burhanuddin Helmy, Dahari Ali, Arshad Ashaari dan Ahmad Boestamam. Mereka memainkan peranan dalam pucuk pimpinan awal parti itu. PKMM menyebarkan pengaruhnya melalui akhbar-akhbar hariannya iaitu Suara Rakyat, Pelita Malaya dan Semboyan Baharu dan terbitan bulanan iaitu majalah Berjuang dan Voice of the People. Untuk rujukan lanjut lihat Ramlah Adam (1993), *Dr. Burhanuddin Al-Helmy : Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 2-3.

dikenali sebagai Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Gandingannya dengan Ahmad Boestamam, Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API) telah membakar semangat sebilangan pemuda-pemudi Tanah Melayu untuk mengangkat senjata menentang penjajah. Oleh itu, AWAS kemudian diharamkan oleh kerajaan pada tahun 1948. Apabila PKMM diharamkan, beliau telah menyertai perjuangan bersenjata dan meredah rimba Tanah Melayu bagi menentang penjajahan British. Shamsiah menyertai Rejimen Ke-10 yang merupakan sayap Melayu Parti Komunis Malaya (PKM).<sup>15</sup>

Pada sekitar tahun 1956, Shamsiah dihantar berhijrah ke China untuk belajar atas arahan PKM. Pada tahun 1965, Shamsiah dan Ibrahim ditugaskan ke Indonesia yang ketika itu mengamalkan NASAKOM iaitu Nasionalisme, Sosialisme dan Komunisme sebagai ideologi kebangsaan di bawah pemerintahan Soekarno. Apabila tercetusnya ketegangan di Jakarta dan berlaku rampasan kuasa tentera di mana Suharto mengambil-alih kuasa pemerintahan, beliau dan rakan-rakannya telah ditangkap oleh kerajaan Indonesia pada tahun 1965 sehinggalah dibebaskan pada tahun 1967 dengan bantuan kedutaan Vietnam. Setelah itu beliau diterbangkan ke Vietnam dan kemudian kembali ke China.<sup>16</sup>

Shamsiah sekeluarga akhirnya kembali ke Malaysia pada 23 Julai 1994, selepas termeterainya Perjanjian Damai antara PKM dengan kerajaan Malaysia dan kerajaan

---

<sup>15</sup> Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditubuhkan pada 30 April 1930. Pada awalnya, PKM dianggotai oleh orang Tionghua. Untuk rujukan lanjut lihat Momoir Abdullah C.D. (2005), Selangor : Strategic Information Research Development (SIRD), h. 91.

<sup>16</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 89-115.

Thailand pada 2 Disember 1989.<sup>17</sup> Shamsiah Fakeh telah menghembuskan nafas terakhir pada 20 Oktober 2008, ketika berusia 84 tahun.<sup>18</sup>

Latar belakang kehidupan dan sejarah perjuangan Shamsiah Fakeh akan dibincangkan dengan lebih komprehensif dalam bab kedua dan bab ketiga.

### **1.3 PERMASALAH KAJIAN**

Penulis telah memilih tajuk ini berdasarkan beberapa permasalahan kajian.

Antaranya ialah:

- i. Bagaimana latar belakang Shamsiah Fakeh sehingga beliau dikenali sebagai pejuang wanita di Tanah Melayu.
- ii. Bagaimana pergerakan wanita Melayu dalam memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu ini.
- iii. Apakah sejarah dan perjuangan yang dilakukan oleh Shamsiah Fakeh di Tanah Melayu.
- iv. Bagaimanakah penilaian masyarakat terhadap perjuangan dan sumbangan yang dilakukan oleh Shamsiah Fakeh di Tanah Melayu.

---

<sup>17</sup> Rashid Maidin (2005), *Memoir Rashid Maidin : Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian*, Selangor : Strategic Information Research Development (SIRD), h. 22.

<sup>18</sup> Sumber internet :[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1021&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_13.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1021&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_13.htm), lihat pada 27 Februari 2010.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Penulis memilih membuat penyelidikan mengenai perjuangan Shamsiah Fakeh dari tahun 1924 hingga 2008 di Tanah Melayu untuk memenuhi beberapa tujuan. Antaranya,

- i. Untuk mengetahui latar belakang Shamsiah Fakeh sebagai seorang pejuang kemerdekaan di Tanah Melayu.
- ii. Untuk mengetahui sejauh mana gerakan perjuangan wanita Melayu dalam menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu.
- iii. Untuk mengetahui sejauh mana sejarah dan perjuangan Shamsiah Fakeh dalam arena politik dan perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu.
- iv. Untuk menilai sejauh mana perjuangan dan sumbangan Shamsiah Fakeh dalam menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian biografi secara akademik merupakan satu bidang yang baru diterokai di Malaysia. Justeru itu, kajian berkaitan tokoh adalah kurang dihasilkan di negara ini. Sesungguhnya terdapat ramai tokoh-tokoh yang telah memberi impak terhadap sejarah dan perkembangan Malaysia sejak sebelum negara ini mencapai kemerdekaan lagi. Namun kurangnya kajian mengenai sebahagian besar tokoh-tokoh ini membuatkan generasi kini tidak mengenali siapa mereka dan bagaimana perjuangan mereka mempengaruhi kehidupan kita pada hari ini. Kajian terhadap tokoh-tokoh politik terdahulu adalah terlalu kurang dan amat sukar di cari. Inilah antara faktor utama yang

mendorong penulis untuk melakukan kajian mengenai Shamsiah Fakeh, seorang tokoh wanita Islam, pejuang kemerdekaan, srikandi dan reformis yang gigih memperjuangkan Tanah Melayu daripada penjajah.

Penulisan tentang tokoh dalam pelbagai bidang sama ada politik, ekonomi, sosial serta budaya mempunyai banyak kepentingan kepada masyarakat untuk menghayati idea pemikiran, wawasan serta aspirasi tokoh tersebut. Selain itu, kajian ini sangat penting agar masyarakat dapat menilai kembali usaha dan perjuangan yang telah dilakukan oleh mereka.

Kajian terhadap tokoh dalam sesebuah masyarakat juga akan memberi kesan kepada institusi masyarakat itu sendiri di mana tokoh tersebut boleh menjadi satu simbol kebanggaan kepada pembinaan kebudayaan bangsa dan masyarakat tersebut. Kajian penulis terhadap tokoh bernama Shamsiah Fakeh ini juga bertujuan untuk mengkaji dan memahami, kenapa insan yang tebal keinginannya untuk belajar agama ini mengambil keputusan memasuki PKM sedangkan pada ketika itu propaganda bahawa komunis itu fahaman yang tiada bertuhan dan kejam terhadap umat Islam sedang giat dijalankan. Apakah melalui penyertaan orang Melayu yang beragama Islam dalam PKM juga menyebabkan mereka turut menganuti fahaman tidak bertuhan komunis, atau ianya hanya sekadar wadah perjuangan untuk mencapai kemerdekaan? Sekiranya penyertaan masyarakat Melayu beragama Islam dalam PKM adalah sekadar wadah perjuangan untuk mencapai kemerdekaan, bagaimanakah mereka melaksanakan tuntutan agama semasa dalam pasukan komunis?

Penulis juga berhasrat agar melalui kajian ini, masyarakat dapat mengetahui sedikit-sebanyak mengenai riwayat hidup seorang wanita Melayu yang berjihad besar ini dan bersama-sama berkongsi kisah suka-duka beliau. Siapakah beliau? Apakah latar belakang pendidikan beliau? Bagaimanakah api semangat juang boleh tercetus pada diri beliau? Apakah cabaran-cabaran yang terpaksa diharungi oleh beliau? Mengapakah beliau sanggup memilih jalan yang sukar ini? Inilah antara persoalan-persoalan yang cuba dirungkai dalam kajian ini. Penulis cuba mengajak para pembaca untuk mengenali Shamsiah Fakeh seterusnya menilai sendiri perjuangan tokoh wanita ini.

Selain mahu mengetengahkan perjuangan seorang tokoh wanita untuk dijadikan tauladan, penulis juga cuba untuk mengupas mengenai perjuangan kemerdekaan dari sisi neutral, tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pengaruh aliran politik baik kiri mahupun kanan. Penulis cuba sedaya-upaya untuk mengkaji dan memahami peristiwa sebenar rentetan perjuangan kebebasan sehingga membawa kepada kemerdekaan, dengan mengasingkan propaganda-propaganda dan penceritaan yang tidak mempunyai sumber sahih. Penulis juga berharap sedikit sebanyak, hasil kajian ini dapat membantu memperkayakan pengetahuan mengenai sejarah perjuangan nasionalisme dan kemerdekaan negara untuk rujukan generasi hadapan. Semoga yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan.

## **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian yang berkaitan mengenai seorang tokoh wanita di Tanah Melayu iaitu Shamsiah Fakeh yang berjuang untuk Tanah Melayu dalam menuntut kemerdekaan. Kajian ini lebih memberi fokus kepada latar belakang

Shamsiah Fakeh sebagai seorang pejuang kemerdekaan di Tanah Melayu sebelum merdeka. Kajian ini juga menyentuh sedikit sebanyak tentang gerakan wanita Melayu Islam di Tanah Melayu dalam memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Seterusnya, adalah mengenai impak perjuangan Shamsiah Fakeh terhadap masyarakat di Tanah Melayu, pandangan masyarakat terhadap sumbangan Shamsiah Fakeh di Tanah Melayu dan penilaian umum terhadap perjuangan serta sumbangannya sebelum kemerdekaan.

## **1.7 METODOLOGI KAJIAN**

Metode berasal dari 2 perkataan yang berasal dari Yunani iaitu metode dan logos. Metode merupakan satu cara atau jalan. Ia merupakan satu kaedah yang meletakkan sesuatu agar bersesuaian dengan tajuk kajian. Sementara logos pula beerti ilmu.<sup>19</sup> Oleh yang demikian, perkataan metodologi penyelidikan bermaksud ilmu tentang cara untuk membuat penyelidikan.

Untuk melaksanakan kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah penyelidikan bagi mengumpul data dan maklumat, seterusnya menganalisa serta menyelidik. Kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan adalah seperti berikut:-

1. Metode Pengumpulan Data

2. Metode Analisa Data

---

<sup>19</sup> Koentjaraningrat (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : PT Gramadie, h. 7.



### **1.7.1 Metode Pengumpulan Data**

Dalam pengumpulan data, penulis akan menggunakan dua bentuk kajian untuk mendapatkan maklumat dan data-data. Antara kajian tersebut ialah : -

#### **1) Kajian Perpustakaan**

Melalui metode ini, penulis akan membuat rujukan di beberapa perpustakaan untuk mendapatkan maklumat dan data yang relevan dengan kajian. Segala maklumat yang akan diperolehi adalah merujuk kepada bahan-bahan seperti buku, artikel-artikel dalam jurnal, majalah, kertas kerja persidangan, surat khabar dan latihan ilmiah yang berkaitan. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia dan Perpustakaan Pusat Islam.

#### **i) Metode Historis**

Metode Historis ialah satu metode yang menyelusuri sejarah perkembangan sesuatu subjek. Dalam kajian ini penulis mengaplikasikan metode historis dalam bab dua untuk mengetahui sejarah gerakan wanita di Tanah Melayu dan latar belakang kajian. Selain itu, metode ini digunakan dalam bab tiga untuk mengetahui tentang sejarah perjuangan Shamsiah Fakeh.

## **ii) Metode Dokumentasi**

Metode ini digunakan oleh penulis dalam pengumpulan bahan sama ada dokumen, buku, jurnal, kertas kerja persidangan, ensiklopedia, kajian ilmiah dan pelbagai lagi yang berkaitan.

## **2) Kajian Lapangan**

Di samping itu, kajian ini memerlukan penulis membuat kajian lapangan untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data yang lebih terperinci dan terkini. Di antara metode yang digunakan dalam kajian ini ialah : -

### **a) Metode Temubual**

Penulis akan menemubual beberapa responden untuk mendapatkan keterangan secara lisan dengan lebih mendalam mengenai perjuangan Shamsiah Fakeh. Penulis akan mengajukan soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk dan pandangan daripada mereka yang akan dimuatkan dalam kajian ini sebagai satu bahan rujukan.

Antara individu-individu yang telah dikenal pasti untuk ditemubual ialah En. Jamaluddin Ibrahim yang merupakan anak lelaki arwah Shamsiah Fakeh, En. Hazman Hashim yang merupakan kenalan rapat dengan keluarga Shamsiah dan sentiasa mengikuti perkembangan Shamsiah, seterusnya anak saudara Shamsiah iaitu Dato' Norhayati Omar, Tan Sri Aishah Ghani yang merupakan kenalan rapat Shamsiah

semasa belajar di Diniyah Puteri<sup>20</sup> dan beberapa lagi individu-individu lain yang berkaitan dengan tokoh sama ada secara langsung atau tidak.

Metode ini penting kerana ia merupakan satu cara untuk penulis mendapatkan maklumat di samping dapat membuat perbandingan dengan data-data yang terdapat dalam dokumen bagi menjamin kesahihannya. Dalam temubual tersebut penulis memilih responden yang tertentu berdasarkan ciri-ciri berikut :-

- I) Kesediaannya untuk ditemu bual
- II) Pengetahuan dan pengalamannya dengan bahan kajian
- III) Kepentingan dalam bahan bacaan

### **1.7.2 Metode Analisa Data**

Setelah penulis berjaya mengumpul semua data dan maklumat, penulis akan menganalisa data-data tersebut melalui dua cara iaitu :

#### **a) Metode Induktif**

Metode ini merupakan satu proses menganalisis data-data melalui pola berfikir dan mencari pembuktian dari perkara-perkara yang khusus kepada dalil-dalil yang bersifat umum.

---

<sup>20</sup> Aishah Ghani (1992), *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur : Deawan Bahasa dan Pustaka, h. 32.

## **b) Metode Komparatif**

Metode ini digunakan apabila penulis membandingkan antara data dan fakta yang diperolehi dan seterusnya membuat kesimpulan. Contohnya tentang sumbangan Shamsiah Fakeh kepada masyarakat di Tanah Melayu.

## **1.8 KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU**

Sebelum melaksanakan penyelidikan ini penulis telah mengenal pasti kajian-kajian terdahulu yang pernah dibuat berkaitan topik kajian iaitu gerakan perjuangan wanita Islam dalam memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu. Terdapat beberapa penulisan yang menceritakan tentang perjuangan wanita Islam dalam memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu.

Antaranya, tulisan Virginia H. Danez yang bertajuk *Women and Party Politics in Penisular Malaysia*,<sup>21</sup> membincangkan perkembangan penglibatan kaum wanita dalam politik tanah air, khususnya di Semenanjung Tanah Melayu dalam tempoh 1945-1980. Virginia turut membincangkan peranan wanita Cina dan India.

Selain itu, tulisan oleh Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita Dalam Islam : Kedudukannya Dalam Syariah*<sup>22</sup> juga mengetengahkan beberapa tokoh pemimpin wanita Melayu. Beliau mengupas konsep kepemimpinan wanita dalam Islam.

---

<sup>21</sup> Virginia H. Danez (1987) , *Women and Party Politics in Penisular Malaysia*, Est Asian Social Science Monographs, Oxford University Press, Singapore.

<sup>22</sup> Andek Masnah Andek Kelawa (1999), *Kepimpinan Wanita Dalam Islam : Kedudukannya Dalam Syariah*, Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) yang disentuh menerusi Biografi Wanita Malaysia<sup>23</sup> turut memperhalusi sumbangan-sumbangan wanita tanah air sejak kemerdekaan sehinggalah era 1990-an dengan bentuk dan matlamat perjuangan yang berbeza.

Meneliti Wanita, Politik dan perubahan : Kaum Ibu Umno Malaysia 1945-1972,<sup>24</sup> Manderson membincangkan secara menyeluruh struktur, aktiviti dan pencapaian Kaum Ibu UMNO dari tahun 1945-1972. Beliau juga menyoroti secara ringkas barisan kepimpinan Kaum Ibu UMNO sepanjang tempoh tersebut.

Tulisan Makmor Tumin yang bertajuk NGO Wanita Dalam Sistem Politik Malaysia : Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)<sup>25</sup> membincangkan tentang pertubuhan-pertubuhan NGO wanita, pergerakan wanita dan peranan wanita di Tanah Melayu. Selain itu, beliau membincangkan tentang isu-isu dan masalah kaum wanita supaya mendapat perhatian dan tindakan daripada kerajaan yang sewajarnya. Beliau juga turut membincangkan secara ringkas tentang pertubuhan AWAS yang dipimpin oleh Shamsiah Fakeh.

Memoir Abdullah C.D : Zaman Pergerakan sehingga 1948 yang diterbitkan oleh Strategic Information and Research Development Centre pada tahun 2005 turut

---

<sup>23</sup> Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) (1992), Biografi Wanita Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

<sup>24</sup> Lenore Manderson (1981), Wanita, Politik dan perubahan : pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972 (terjemahan Shamsuddin Jaapar), Fajar Bakti, Selangor.

<sup>25</sup> Makmor bin Tumin (2004), NGO Wanita Dalam Sistem Politik Malaysia : Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

menceritakan secara ringkas tentang perjuangan kaum wanita di Tanah Melayu. Penulis juga menyentuh tentang Shamsiah Fakeh dalam pergerakan wanita Malaya. Selain Shamsiah, terdapat beberapa orang wanita yang turut terlibat dalam pergerakan wanita Malaya. Antaranya seperti Khatijah Ali, Aishah Ghani, Zainab Mahmud dan ramai lagi.

Selain itu, dalam Memoir Ibrahim Chik : Dari API ke Rejimen ke-10 yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2004 pula tidak banyak menceritakan tentang perjuangan wanita dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Penulis hanya menyebut serba ringkas tentang Shamsiah dan juga gerakan wanita Malaya dalam memperjuangkan kemerdekaan tanahair ini.

Penulisan dalam bentuk artikel juga turut diusahakan oleh beberapa penulis. Antaranya Wazir Jahan Karim dalam artikelnya “*Malay Women Movement : Leadership and Processes of Change*”.<sup>26</sup> Beliau mengupas tentang perjuangan politik wanita Asia, dengan mengambil contoh beberapa tokoh wanita seperti Raden Adjeng Kartini,<sup>27</sup> Sorojini Naidu,<sup>28</sup> Khadijah Sidek<sup>29</sup> dan Aishah Ghani.<sup>30</sup> Beliau juga membincangkan bentuk-bentuk perjuangan dan sumbangan mereka kepada Negara masing-masing.

---

<sup>26</sup> Wazir Jahan Karim (1983), “Malay’s Women Movements : “Leadership and Processes of Change”, dalam *Internasional Social Science Journal*, Vol.34, 4.

<sup>27</sup> Raden Adjeng Kartini (1879-1904), merupakan nasionalis wanita Indonesia yang memperjuangkan nasib wanita tempatan agar diberi pendidikan yang sempurna untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Beliau telah menubuhkan sebuah sekolah di Japara, Indonesia untuk anak-anak pegawai Indonesia pada 1902. Kartini berpendapat keadaan bangsanya dapat diperbaiki melalui pendidikan sama ada bercorak Barat atau Indonesia. Usaha-usaha Kartini menubuhkan sekolah telah menyemai bibit-bibit kesedaran dikalangan rakyat Indonesia. Sila rujuk J.S. Furnivall, *Hinddia Belanda : Satu Pengkajian Ekonomi Majmuk*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1983, h. 330. Wazir Jahan Karim, “Malay’s Women Movements : Leadership and Processes of Changes”, dalam *International Social Science Journal*, Vol.34,4,1983, h. 730.

<sup>28</sup> Sarojini Naidu (1879-1949), lahir di kalangan keluarga Nehru yang terkenal. Beliau adalah Presiden Kongres Kebangsaan India pada 1925. Beliau menyalurkan sentiment anti British melalui penulisan sajak dan buku-buku semasa pergerakan pembebasan India. Wazir Jahan Karim “Malay’s Women movement : Leadership and Processes of Changes”, h.730.

Begitu juga Roose Hashinah dalam artikelnya “*Changes in the Position of Malay Women*”.<sup>31</sup> Penulisan beliau berkisar tentang perubahan sikap wanita Melayu dalam politik sebelum merdeka dan selepasnya. Beliau juga membandingkan penyertaan wanita dalam pilihan raya dalam tempoh 1950-1960-an.

Sehingga kini, Memoir Shamsiah Fakeh yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2004, kira-kira 4 tahun sebelum beliau meninggal dunia, merupakan satu-satunya penulisan yang boleh dikatakan agak lengkap kerana keseluruhan riwayat hidup beliau dan juga perjuangan beliau dibincangkan di dalam memoir ini.

## 1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Secara umumnya, kajian ini mengandungi beberapa bahagian iaitu bahagian pendahuluan, teks dan suplementari. Bahagian pendahuluan mengandungi abstrak,

---

<sup>29</sup> Khadijah Sidek (1918-1982), dilahirkan di Sumatera Barat pada 1918. Beliau banyak berjuang untuk kebebasan Indonesia. Khadijah dijemput ke Tanah Melayu untuk menyemarakkan semangat wanita Tanah Melayu untuk keerdekaan Tanah Melayu. Beliau pernah menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Johor Bharu sebelum dilantik menjadi Ketua Kaum Ibu UMNO pada 1954. Setelah keluar dari UMNO beliau menyertai PAS dan memenangi kerusi Parlimen Dungun pada 1959. Aishah Ghani, “Peranan Wanita UMNO Dalam Politik Kebangsaan”, Wan Hashim Wan The (ed.), *UMNO Dalam Arus Perdana Politik Kebangsaan*, Penerbit Mahir Publications Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1993, h. 262. Ramlah Adam, “Dr. Hamzah Haji Taib (1900-1956)”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 19, Persatuan Sejarah Malaysia, 1991, h. 1-17.

<sup>30</sup> Aishah Ghani (1920 sehingga sekarang). Beliau pernah menjadi ahli Jawatankuasa Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Beliau mula bergiat dalam UMNO pada tahun 1949. Menjawat jawatan senator wanita pertama di Negara ini. Beliau telah terpilih menjadi Ketua Wanita UMNO pada 1972-1984. Kini walaupun beliau tidak lagi memegang jawatan penting namun beliau masih lagi cergas selaku Pengerusi Yayasan Dermawani, Koperasi Jayanita, Firma Jaya dan banyak lagi. Virginia H. Danez, *Women and Party Politics in Penisular Malaysia*, East Asian Social Science Monographs, Oxford University Press, Singapore, 1987, hlm. 168. Aishah Haji Abdul Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, h. 45. Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita Dalam Islam, Kedudukannya Dalam Syariah*, Universiti Kebangsaan Makaysia, Bangi, 1999, h. 67.

<sup>31</sup> Roose Hashinah (1963), “Changes In The Position of Malay Women” in Barbara Ward (ed.), *Women in New Asia, The Changing Social Roles of Men and Women in South and Southeast Asia*, Netherlands : UNESCO.

penghargaan, senarai lampiran, senarai kependekan, senarai transliterasi dan isi kandungan. Manakala bab teks pula terbahagi kepada lima bab yang mana setiapnya saling berkaitan antara bab.

Bab pertama memfokuskan kepada pengenalan subjek dan latar belakang, masalah kajian dan seterusnya objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, kajian terdahulu, sistematika penulisan dan penutup.

Bab kedua pula, penulis akan membincangkan tentang pergerakan wanita Islam dalam menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu dan mengenai latar belakang Shamsiah Fakeh. Dalam bab ini juga, penulis akan membincangkan dengan lebih terperinci mengenai latar belakang pendidikan Shamsiah Fakeh dan seterusnya mengenai perkahwinannya.

Seterusnya, pada bab ketiga penulis akan memfokuskan kepada sejarah dan perjuangan Shamsiah Fakeh di Tanah Melayu. Dalam bab ini juga, penulis akan membincangkan tentang penglibatan Shamsiah Fakeh dalam parti-parti politik sebelum merdeka di Tanah Melayu.

Manakala dalam bab keempat, penulis akan menganalisa dan menilai perjuangan dan sumbangan Shamsiah Fakeh terhadap masyarakat Melayu. Penulis akan menganalisa mengenai pandangan masyarakat terhadap sumbangan dan perjuangan Shamsiah Fakeh di Tanah Melayu. Selain itu, penilaian umum terhadap sumbangan Shamsiah Fakeh juga akan dilakukan.



Akhir sekali dalam bab kelima, penulis membuat kesimpulan terhadap kajian yang dilakukan dan juga menyatakan cadangan penulis.

## **1.10 PENUTUP**

Tahukah kita setiap peristiwa bersejarah ada pelakunya? Sedarkah kita setiap cerita kemenangan ada pahlawannya? Seringkali kita terlupa bahawa setiap detik bersejarah selalu ada tokoh yang menjadi pejuang dalam perubahan yang boleh kita contohi kehebatannya. Di sinilah pentingnya kita untuk mengenali setiap tokoh penting dalam sejarah negara kerana terdapat begitu banyak pelajaran positif dan teladan yang dapat kita ambil. Selain itu mungkin terdapat juga kekurangan atau kekhilafan dalam diri tokoh tersebut yang dapat kita jadikan sebagai iktibar. Mempelajari sejarah mereka bukanlah untuk mencari aib mereka, tapi mempelajari hikmah, pengajaran dan sisi keperibadian luarbiasa yang dapat kita ambil untuk kemajuan hidup kita. Dengan mempelajari kehebatan tokoh-tokoh ini, kita dapat mengambil semangat perjuangan mereka supaya kita sentiasa sedar bahawa tidak ada perubahan dan kejayaan besar yang berlaku secara tiba-tiba melainkan semua itu terjadi melalui proses yang begitu panjang dan melelahkan sehingga memerlukan pengorbanan yang begitu besar termasuk mempertaruhkan nyawa. Semua ini dilakukan agar generasi seterusnya dapat mengambil pelajaran dari perjuangan mereka. Dan kerana itulah kita perlu mengenal dan mempelajari sejarah mereka agar semangat mereka selalu hadir di dalam hati kita.

Justeru itu, penulis mendapati bahawa kajian ini sangat penting dan wajar untuk dikaji. Ini kerana sesuatu yang menarik telah didapati di dalam perjuangan Shamsiah Fakeh dari awal penglibatannya. Walaupun beliau ialah seorang wanita yang pada

zahirnya kelihatan lemah, tetapi kekuatan semangat dan keteguhan pendirian tokoh ini dalam memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu tidak kalah bahkan setanding, jika tidak mengatasi para lelaki. Hampir keseluruhan umur mudanya diabdikan untuk kemerdekaan tanah air tercinta. Oleh itu, penilaian terhadap sumbangan yang dilakukan oleh tokoh ini sangat perlu. Hal ini supaya masyarakat terutamanya kaum wanita pada masa kini dapat menilai kembali nilai-nilai murni yang boleh dipelajari dari perjuangan dan sumbangan yang dilakukan oleh Shamsiah Fakeh di negara ini, tanpa mengira fahaman haluan politik. Pejuang tetap pejuang. Tokoh tetap tokoh. Persoalan sama ada perjuangan Shamsiah Fakeh bersama-sama rakan-rakan sealiran ideologi dengan beliau itu betul atau tidak, biarlah sejarah yang menentukan. Tetapi semangat juang dan kesanggupan tokoh untuk berkorban jiwa dan raga inilah yang cuba penulis tonjolkan untuk dijadikan modal insan buat rujukan wanita Islam masa kini.

# **BAB 2**

## **BAB DUA**

### **PERGERAKAN WANITA DI TANAH MELAYU DAN BIOGRAFI SHAMSIAH FAKEH**

#### **2.1 PENGENALAN**

Sebelum tahun 1920-an, pandangan masyarakat Melayu terhadap golongan wanita lebih terkongkong oleh norma-norma masyarakat. Hal ini dapat dilihat apabila golongan wanita pada masa itu lebih tertumpu kepada urusan rumahtangga sahaja. Golongan wanita sebelum 1920-an hanya terikat kepada alam rumahtangga dan menguruskan keluarga. Pada awal 1900 masyarakat Melayu pada ketika itu memandang rendah terhadap golongan wanita dan beranggapan bahawa tugas wanita hanya berkisar kepada fungsi biologi dan sosial sahaja.<sup>32</sup> Sehingga tahun 1920, hanya dua orang kanak-kanak perempuan Melayu sahaja dicatat memasuki sekolah beraliran Inggeris. Mereka ialah Sofiah binti Abdullah yang mendaftar di Sekolah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur dalam tahun 1907 dan Zainun binti Munshi Sulaiman yang memasuki Sekolah Perempuan Rebecca, Melaka dalam tahun 1920.<sup>33</sup> Sir Frank Swettenham iaitu bekas Gabenor British di Tanah Melayu menyatakan pendiriannya terhadap golongan wanita pada ketika itu dengan menyebut :

“ Semua wanita Timur, wanita Melayu mempunyai corak hidup yang tersendiri. Sebagai anak perempuan, mereka hanya bergaul dengan anggota keluarganya dan sekiranya mereka bertemu dengan lelaki, mereka tidak boleh beramah mesra. Mereka juga tidak mempunyai hak

---

<sup>32</sup> Azizah Kassim (1985), *Wanita dan Masyarakat*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd., h. 2.

<sup>33</sup> Asiah Abu Samah (1960), *Emansipation of Malay Women 1945-1957*, Latihan Ilmiah (BA), Universiti Malaya (mikrofilem), h. 2.

untuk mencari jodoh sendiri. Mereka tidak pernah berjumpa dengan bakal suami mereka sehingga pada malam pernikahan mereka. Dari satu sudut, tradisi hidup dan pandangan masyarakat yang perjudis begitu jelas bertentangan dengan kehidupannya. Namun begitu, wanita Melayu mempunyai sifat kewanitaan, kualiti dan keperibadian yang tidak jauh berbeza dengan wanita yang hidup di dalam situasi yang lebih selesa.”<sup>34</sup>

Keadaan yang digambarkan oleh penulis Frank Swettenham itu menunjukkan bahawa golongan wanita Melayu pada ketika itu tidak dibenarkan bergaul bebas antara golongan lelaki dan perempuan. Hal ini kerana pergaulan mereka pada waktu itu terbatas oleh ajaran Islam yang melarang pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim. Selain itu, golongan wanita haruslah sentiasa mengamalkan sifat bersopan santun selaras dengan adat ketimuran yang dipraktikkan dan hubungan sosial mereka dikawal oleh setiap ibu bapa mereka.

Masyarakat pada waktu itu juga beranggapan bahawa golongan wanita tidak perlu diberikan taraf pendidikan yang sempurna kerana masyarakat Melayu pada ketika itu hanya mengaitkan wanita dalam aspek rumahtangga sahaja. Apa yang jelas ibu bapa menganggap anak perempuan mereka sebagai “permainan laki-laki” atau “buat jadi penghulu dapur sahaja”.<sup>35</sup> Ini bermakna anak-anak lelaki lebih ramai yang dihantar ke sekolah, manakala anak-anak perempuan diajar di rumah dengan adat dan kepercayaan tradisional oleh ibu mereka yang juga buta huruf.<sup>36</sup>

---

<sup>34</sup> Raja Rohana Raja Mamat (1991), *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia daripada Perspektif Sosial dan Undang-undang*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21.

<sup>35</sup> Sila lihat Abdul Rahim B. Abdullah (1980), “*Melaka: Orang Melayu dan Pendidikan Sekular*”, dalam Mohd Fadzil Othman, *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia, h.22.

<sup>36</sup> Ester Boserap (1970), *Women’s Role in Economic Development*, New York : St. Martin’s Press, h. 61.

Dalam masyarakat Melayu, lelaki lebih dominan dan dianggap sebagai pemimpin. Malah biasanya kurang manis apabila kaum wanita turut mengambil bahagian dalam masyarakat.<sup>37</sup> Ini sedikit sebanyak mempengaruhi pemikiran dan penerimaan oleh masyarakat Melayu bahawa tugas wanita hanya tertumpu kepada urusan rumahtangga dan bukannya terlibat dalam politik.<sup>38</sup>

Walau bagaimanapun, nilai dan budaya bukanlah sesuatu yang statik sebaliknya sering mengalami perubahan dari semasa ke semasa.<sup>39</sup> Begitu juga pemahaman masyarakat yang sentiasa berkembang mengikut budaya sesebuah masyarakat.<sup>40</sup> Inilah yang berlaku dengan masyarakat Melayu di mana peranan wanita yang pada mulanya hanya terhad di rumah suatu masa dahulu sudah berkembang sehingga ke tahap menjadi pemimpin politik di dalam masyarakat.

Selain itu, agama juga merupakan antara faktor yang banyak mempengaruhi cara hidup dan pemikiran masyarakat. Agama sering dijadikan kayu pengukur dalam menilai perbuatan seseorang. Malah pengetahuan, pemahaman dan kesedaran politik juga dipengaruhi oleh faktor agama. Faktor agama yang mempengaruhi pemikiran masyarakat dalam Islam termasuklah faktor sumber-sumber yang berautoriti seperti al-Quran dan al-Sunnah.<sup>41</sup> Contohnya, di Iran pemahaman masyarakat semasa pemerintahan Shah Reza Pahlavi (1941 – 1979) mengenai hak wanita dalam politik

---

<sup>37</sup> Wan Abdul Kadir Yusoff (1998), “*Nilai dan World – View Orang Melayu Tentang Gender*”, dalam Rokiah Talib dan Shanti Thambiah (ed.), *Gender, Budaya dan Masyarakat*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 9.

<sup>38</sup> Lihat artikel Rogers Marvin L. (1969), *Politicization and Political Development In a Rural Malay Community* (Risalah), Kuala Lumpur : Universiti Malaya, h. 925.

<sup>39</sup> Rogers Marvin L. (1969), *Op. Cit.*, h. 14-15.

<sup>40</sup> Mahmood Zuhdi (1997), *Pengajian Syariah : Satu Pentakrifan*, dalam Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid (ed.), *Dinamisme Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd, h. 7.

<sup>41</sup> N. Danziger James (2001), *Understanding the Political World*, c.5. New York : Logman. Inc, h. 9.

dipengaruhi oleh interpretasi al-Quran oleh ulama' mereka bahawa Islam tidak menghalang penglibatan wanita dalam masyarakat termasuklah dalam politik. Oleh itu ramai golongan wanita yang melibatkan diri secara aktif dalam politik ketika itu.<sup>42</sup>

Bab ini akan membincangkan tentang biografi Shamsiah Fakeh dan pergerakan wanita Melayu sebelum merdeka. Perbincangan dalam bab ini di bahagikan kepada lima tahap utama iaitu pengenalan, pergerakan wanita sebelum merdeka, latar belakang Shamsiah, pendidikannya dan perkahwinannya.

## **2.2 PERGERAKAN WANITA ISLAM DI TANAH MELAYU**

Kaum wanita meliputi separuh daripada jumlah umat manusia di dunia. Di Malaysia sendiri, jumlah wanita melebihi 50 peratus dari jumlah keseluruhan penduduk Malaysia yang berjumlah lebih kurang 24 juta orang. Di Malaysia, masyarakat mengiktiraf peranan dan kepentingan sumbangan wanita dalam pembangunan negara. Wanita merupakan simbol tiang negara yang bergerak seiring dengan kaum lelaki dalam pelbagai kegiatan dan bidang. Ini termasuklah ketika era perjuangan kemerdekaan. Salah satu peranan penting wanita ialah turut sama menentang penjajahan British. Salah seorang tokoh politik Tanah Melayu yang terkemuka, Dato'Onn bin Jaafar pernah mengakui mengenai peranan wanita ini dalam petikan ayat beliau yang berbunyi :

*“The voice of The Kaum Ibu will be as powerful as the men. The voice of both will determine the shape of administration of the country.”<sup>43</sup>*

---

<sup>42</sup> *Ibid.*

Pepatah orang tua-tua dahulu pernah berkata, “*tegaknya panji-panji kebesaran kerana tiang-tiangnya daripada kayu yang terpilih*”. Kaum wanita juga merupakan mereka yang terpilih untuk turut mempunyai peranan penting dalam menentukan jatuh bangunnya sesuatu bangsa dan negara. Proses pembangunan akan menjadi lebih sempurna lagi dengan bertambahnya penglibatan kaum wanita dalam projek-projek pembangunan. Peranan wanita, terutamanya di dalam negara yang sedang pesat membangun, adalah sangat besar. Peranan wanita bukan hanya terhadap menjadi suri rumah tangga, mendidik anak-anak, atau menjaga makan dan pakaian suami tetapi juga dari segi sumbangan mental dan fizikal di dalam perkembangan ekonomi, pelajaran, pembangunan, politik dan lain-lain.

Justeru itu, jelas betapa pentingnya aspek-aspek keilmuan terhadap seseorang wanita kerana mereka merupakan pendidik utama kepada anak-anak.<sup>44</sup> Mereka juga dianggap sebagai “sekolah awal” dan pengaruh para ibulah yang banyak mencorakkan kehidupan anak-anak selaku permata ummah, bakal peneraju kepimpinan negara suatu hari nanti. Benarlah kata pepatah yang menyebut “*The hand that rock the cradle rules the world*”. Perkara yang sama juga wujud di kalangan bangsa Arab sehingga pujangga mereka ada menyebutkan :-<sup>45</sup>

---

<sup>43</sup> Lenore Manderson (1980), *Women, Politics and Change : The Kaum Ibu UMNO Malaysia, 1945-1972*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, h. 80.

<sup>44</sup> Abdul Hamid Othman (1983), *Wanita Islam dan Pendidikan dalam Perhimpunan Wanita Islam Malaysia*, Klang : Kolej Islam Kelang, h. 2.

<sup>45</sup> Nik Safiah Karim (1982), *Wanita Malaysia-Kumpulan Essei dan Ceramah*, Kuala Lumpur : Ilmu Raya Sdn. Bhd., h. 13.



Maksudnya :-

“Seseorang ibu samalah dengan sekolah. Apabila engkau perlengkapannya dengan baik, bererti engkau telah mempersiapkan sesuatu umat yang baik keturunannya”.

Kaum ibu juga merupakan orang yang paling rapat dengan anak-anak<sup>46</sup> kerana wanita telah dikurniakan sifat-sifat lemah lembut, penyayang, sensitif dan sabar.<sup>47</sup> Oleh itu, jelaslah betapa besarnya pengaruh seseorang ibu dalam mencorakkan kehidupan anak-anaknya. Maka sewajarnya ibu tersebut mempunyai ilmu pengetahuan yang tidak terbatas dalam proses mendidik anak-anak mereka.

Justeru itu, Islam memberi hak yang sama kepada golongan wanita dan lelaki dalam mencari dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Mereka diwajibkan mempelajari ilmu-ilmu fardu ain seperti akidah, fekah, hadis dan ilmu al-Quran. Mereka juga digalakkan mencari ilmu-ilmu lain dengan syarat ia tidak bercanggah dengan sifat-sifat kewanitaannya dan syariat Islam.<sup>48</sup> Rasulullah s.a.w pernah menyarankan supaya anak-anak perempuan diberi pengetahuan dan pendidikan yang sewajarnya.<sup>49</sup>

Sekiranya diteliti, kemajuan yang dicapai oleh kaum wanita hari ini merupakan hasil daripada perjuangan kaum wanita sendiri. Peranan wanita adalah jelas sekali jika ditinjau dari sudut dan pandangan Islam. Islam menentukan peranan dan kedudukan kaum wanita di dalam masyarakat. Memperjuangkan agama, bangsa, dan negara

---

<sup>46</sup> Sayyid Qutb (1982), *al-Tafsir fi Zilal al-Quran*, T.t.p : Dar al-Syuruq, h. 336.

<sup>47</sup> Sayyid Muhammad ‘Ali Namr (1984), *I’dad al-Mar’ah al-Mualimah*, Riyad : al-Dar al-Sa’udiyah li al-Nasyr wa al-Tawzi, h. 34.

<sup>48</sup> Ahmad ‘Abd al-Aziz al-Husni (1981), *al-Mar’ah wa Makanatuha fi al-Islam*, Qaherah : Maktabi al-Mukhtar al-Islamiah, h. 47.

<sup>49</sup> Ahmad ‘Abd al-Aziz al-Husni (1981), *Op. Cit.*, h. 33.

bukanlah suatu perkara mudah. Peranan wanita amat penting dan besar sekali dalam perjuangan kerana mereka merupakan pendidik anak-anak yang akan dibentuk agar menjadi generasi pembela agama, bangsa dan negara.

Pada zaman silam, ramai wanita Melayu yang terlibat secara aktif dalam urusan negara. Pada suatu ketika pernah wujud seorang tokoh bernama Che Siti Wan Kembang yang menjadi penguasa Kelantan di pantai timur semenanjung Malaysia iaitu Ratu Kerajaan Melayu Petani pada abad ke-17.<sup>50</sup> Sejarah juga menunjukkan adanya wanita-wanita Melayu yang telah menjadi ratu atau penguasa di negara Aceh dalam beberapa ratus tahun terakhir. Sebagai contoh adalah Ratu Shafiuddin, puteri Sultan Iskandar Thani, yang menaiki tahta selepas kemangkatan suaminya, Sultan Iskandar Muda. Malah Aceh pernah secara berturut-turut diperintah oleh ratu selama 50 tahun sesudahnya.<sup>51</sup>

### **2.2.1 Penglibatan Wanita Dalam Gerakan Atau Persatuan**

Pada bulan Ogos 1945, Jepun telah diisytiharkan kalah. Hati rakyat berasa lega sedikit walaupun menyedari bahawa British akan kembali menjajah sekali lagi. Pengalaman pahit yang telah dirasai dalam zaman penjajahan Jepun itu telah meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa rakyat. Zaman peralihan digunakan untuk menyusun strategi bagaimana untuk mencapai kemerdekaan. Berbagai-bagai persatuan

---

<sup>50</sup> Sejarah Che Siti Wan Kembang, [www.kelantan.gov.my](http://www.kelantan.gov.my), diakses pada 6 Mac 2012.

<sup>51</sup> Wan Azizah (2002), Perempuan dalam Politik : Refleksi dari Malaysia, in International IDEA, Perempuan di Parlimen : Bukan Sekadar Jumlah, Stockholm International IDEA, h. 191-202. Rujuk juga Women in Parliament, Stockholm, <http://www.idea.int>, diakses pada 6 Mac 2012.

Melayu ditubuhkan dan bercambah dengan banyak bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan.<sup>52</sup>

Walaupun peperangan membawa bencana dan kecelakaan yang tidak terhitung namun ada juga kebaikannya kepada rakyat dan juga kaum wanita khususnya. Kedatangan Jepun telah banyak memberi kesedaran kepada rakyat bahawa mereka perlu berusaha untuk melepaskan diri daripada cengkaman penjajah. Selagi mereka tidak terlepas daripada belenggu penjajah, selama itulah mereka tidak dapat menjadi tuan dalam negara sendiri. Perang Dunia Kedua merupakan titik permulaan perubahan sikap masyarakat terhadap kaum wanita. Wanita telah mula keluar rumah dan ada yang berniaga naik kereta api sampai ke Siam untuk mencari beras. Wanita perlu bekerja untuk membantu suami mencari rezeki. Keadaan telah memaksa mereka keluar rumah untuk mencari makanan dan pakaian. Wanita-wanita ini juga telah masuk ke kampung-kampung untuk menjual barang-barang dan pakaian terpakai. Malah ada juga yang menjual intan berlian. Pendek kata mereka melakukan apa sahaja untuk membantu keluarga.<sup>53</sup>

Sesudah pendudukan Jepun, kerajaan British cuba memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu. Kesedaran politik yang menyeluruh di kalangan masyarakat Melayu dalam menentang penubuhan Malayan Union secara tidak langsung juga telah membangkitkan kesedaran politik dikalangan wanita. Mereka bukan sahaja hadir dalam rapat-rapat umum tetapi juga mengambil bahagian dalam mesyuarat-mesyuarat dan terlibat dalam tunjuk perasaan. Kehadiran wanita dalam perhimpunan-perhimpunan

---

<sup>52</sup> Aishah Ghani ( 1992 ), *Aishah Ghani : Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 18.

<sup>53</sup> Aishah Ghani ( 1992 ), *Op. Cit.*, h. 16-17.

telah membuka mata dan meninggalkan kesan kepada dua orang perwakilan parlimen British iaitu Kapten L.D. Gammons dan Sir Theodore Adams, yang diutuskan untuk meninjau sejauh mana tentangan orang Melayu terhadap cadangan penubuhan Malayan Union.<sup>54</sup>

Perjuangan wanita atau kaum ibu dalam politik bermula bersama gerakan semangat kebangsaan untuk memerdekakan tanah air. Cadangan penubuhan Malayan Union pada 1945 bagi menamatkan hak orang Melayu telah membangkitkan penentangan secara besar-besaran. Wanita yang sebelum ini lebih tertumpu pada pertubuhan berunsurkan kebajikan telah turut terlibat buat pertama kalinya secara terbuka dalam gerakan politik tanah air. Mereka digerakkan oleh keazaman dan semangat yang bersungguh-sungguh untuk sama-sama berganding bahu dengan lelaki di arena politik. Ini membuktikan peranan wanita sebagai penggerak politik penting dalam menyumbang kepada perkembangan politik di Malaysia.<sup>55</sup>

Manifestasi kesedaran politik wanita terutamanya wanita Melayu yang telah membuka mata pelbagai pihak itu, kemudiannya telah lahir dalam bentuk organisasi seperti Angkatan Wanita Sedar ( AWAS ) yang dipimpin oleh Aishah Ghani<sup>56</sup>. AWAS

---

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Yang Berbahagia Tan Sri Datin Paduka Seri (Dr.) Aishah Ghani telah dilahirkan pada 15 Disember 1923 di Kampung Sungai Serai, Hulu Langat, Selangor. Beliau telah berkahwin dengan Encik Abdul Aziz Abu Hassan dan mereka dikurniakan empat orang anak iaitu Shairudin, Mariati, Datuk Astaman dan Zarin. Pendidikan awal beliau di Sekolah Melayu Bukit Raya, Cheras, Selangor. Kemudian, beliau melanjutkan pelajaran di peringkat menengah di Diniyah Puteri, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia pada tahun 1936-1939. Seterusnya pada tahun 1940-1943, beliau telah memasuki Maktab Perguruan Tinggi Islam di Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia. Kemudian beliau telah mengambil jurusan kewartawanan di Regent Street Polytechnic di London pada tahun 1955-1958. Penglibatan Tan Seri Aishah dalam bidang politik bermula dengan kerjaya sebagai wartawan dalam Pelita Malaya, lidah rasmi Parti Kebangsaan Melayu (PKM), beliau menjadi ahli jawatankuasa dan sekaligus mengetuai sayap wanita yang dikenali sebagai Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Beliau telah keluar dari AWAS pada tahun 1946 dan menjadi ahli UMNO pada tahun 1949. Pada tahun 1959 beliau bekerja

merupakan ‘sayap wanita’ kepada parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Bahagian wanita itu telah ditubuhkan dalam bulan Disember 1945 atas usaha Dr. Burhanuddin Al-Helmy<sup>57</sup>, Presiden PKMM. Beliau berpendapat, wanita juga mempunyai peranan tersendiri dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Pada waktu kemuncaknya, keanggotaan AWAS pernah mencecah sehingga seramai 2000 orang.<sup>58</sup>

Aktiviti-aktiviti utama AWAS termasuklah mengadakan sesi perbincangan bagi meningkatkan kesedaran nasionalisme dan persamaan hak antara lelaki dengan wanita di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, di samping bekerjasama dengan aktivis-aktivis wanita dari Indonesia dan menyediakan forum bagi mereka. Dalam tahun 1947, Shamsiah telah mengambil alih kepimpinan AWAS bagi menggantikan Aishah Ghani. Di bawah kepimpinan Shamsiah AWAS menjadi lebih aktif dan dinamik dalam membangkitkan kesedaran sosial dan politik. Apabila darurat diisytiharkan dalam tahun

---

sebagai watawan di Berita Harian dan Penyunting di kumpulan Akhbar New Straits Times. Pada tahun 1963, beliau menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Naib Ketua Wanita UMNO. Pada tahun 1973, beliau menjadi Menteri Kebajikan Masyarakat selama 11 tahun sebelum beliau menamatkan khidmat pada tahun 1984. Tan seri ialah Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita UMNO Malaysia semenjak 1986 hingga sekarang. Lihat lanjut Aishah Ghani ( 1992 ), *Memoir Seorang Pejuang*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Lihat juga <http://www.carigold.com/portal/forums/printthread.php?&t=78280>, lihat pada 5 Julai 2010.

<sup>57</sup> Dr. Burhanuddin dilahirkan di Changkat Tualang, Perak pada 29 Ogos 1911. Beliau ialah seorang yang sangat alim dalam ilmu dan bidang agama Islam. Ketinggian ilmunya sukar hendak ditandingi. Beliau mendapat pendidikan awl di kelas Al-Quran dan Sekolah Melayu, kemudian beliau dihantar ke Sekolah Agama Sungai Jambu, Sumatera Barat pada tahun 1924-1926. Pada tahun 1926, beliau meneruskan pelajaran di Pondok Pulau Pisang, Jitra Kedah. Kemudian beliau belajar di Madrasah Al-Masyhur Al-Islamiah, Pulau Pinang hingga tamat kelas senawi pada tahun 1934. Beliau telah dianugerahkan PHD daripada Universiti Aligarh, India. Beliau sangat aktif dalam perjuangan di Tanah Melayu. Pada tahun 1930-an beliau pernah menerbitkan majalah Taman Bahagia, Singapura. Pada tahun 1945, beliau menjadi pemimpin Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan Ketua umum PKMM. Pada tahun 1947, beliau menjadi pengerusi PUTERA-AMCJA dan pada tahun 1956 beliau menjadi Yang Dipertuan Agung PAS. Beliau juga telah menghasilkan banyak buku yang bercorak politik. Antaranya, *Perjuangan Kita* (1946), *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1947), *Agama dan Politik* (1954) dan sebagainya. Beliau telah meninggal dunia pada 25 Oktober 1969. Lihat Ismail Said (2008), *Dr. Burhanuddin Al-Helmi : Pejuang Melayu Sejati*, Shah Alam, Karisma Publications Sdn. Bhd, h. 1-27. Lihat juga Kamaruddin Jaafar (1980), *Dr. Burhanuddin Al-Helmi : Politik Melayu dan Islam*, Kuala Lumpur, Yayasan Anda, h. 4.

<sup>58</sup> Asiah Abu Samah (1960), *Op. Cit.*, h.13.

1948 AWAS telah diharamkan bersama-sama dengan beberapa pertubuhan berhaluan kiri yang lain.<sup>59</sup>

Dalam tempoh yang hampir sama, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) wanita Melayu yang tidak dianggap radikal sebagaimana pertubuhan-pertubuhan di atas tumbuh dengan banyaknya di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Antaranya yang terawal ditubuhkan ialah Kaum Ibu Rembau, Negeri Sembilan dalam bulan Mac 1946 di bawah pimpinan Haalimahton Abdul Majid. Pertubuhan ini telah mendapat restu golongan istana dengan kesudian Tengku Ampuan Negeri Sembilan menjadi penaung. Penubuhan Kaum Ibu Rembau itu telah diikuti dengan banyak pertubuhan wanita di Bandar-bandar utama di Semenanjung Tanah Melayu, sama ada di pantai barat mahupun di pantai timur. Sehingga Disember 1946 sahaja, dicatatkan terdapat sekurang-kurangnya 10 pertubuhan wanita Melayu yang aktif di Bandar-bandar utama di Semenanjung Tanah Melayu seperti di Kluang, Muar, Pontian, Taiping, Kuala Krai, Ulu Langat, Melaka, Seremban, Kuantan dan Perak Hilir. Selain Kaum Ibu Rembau, terdapat juga pertubuhan-pertubuhan wanita yang aktif seperti kumpulan Ibu Sepakat, Johor di bawah pimpinan Zainum bte Munshi Sulaiman dan Persatuan Melayu Perak Cawangan Ipoh yang dipimpin oleh Puteh Mariah Rashid.<sup>60</sup>

Pada amnya, pertubuhan-pertubuhan wanita di atas mempunyai matlamat yang hampir sama iaitu meningkatkan status wanita dalam masyarakat, menubuhkan kelas-kelas agama untuk meningkat perpaduan, kecintaan kepada tanah air dan patriotisme,

---

<sup>59</sup> Aishah Ghani (1992), *Op. Cit.*, h. 20.

<sup>60</sup> Virginia H. Dancz (1987), *Women and Party Politic in Penisular Malaysia*, Singapura : Oxford University Press, h. 88.

meningkatkan kadar celik huruf dikalangan wanita dan menentang cadangan penubuhan Malayan Union. Perkembangan signifikan selanjutnya ialah pertubuhan-pertubuhan kaum Ibu UMNO yang diketuai oleh Puteh Mariah dalam bulan September 1946 untuk bersama-sama dengan UMNO meningkatkan status orang Melayu, seterusnya menuntut kemerdekaan.<sup>61</sup>

Penubuhan Kaum Ibu UMNO dan peranannya dalam pilihan raya telah mempengaruhi penubuhan ‘sayap wanita’ parti-parti politik yang lain, sama ada dalam perikatan mahupun parti-parti pembangkang. Sebagai contoh, penubuhan ‘sayap wanita’ cawangan Johor Bharu yang ditubuhkan dalam bulan November 1953, di bawah pimpinan Lim Swee-Sim, Bahagian Wanita Parti Kemerdekaan Tanah Melayu ( Independent Malayan Party – IMP ) dan Parti Negara (kedua-duanya dipimpin oleh Puteh Mariah yang telah keluar dari UMNO), Dewan Muslimat ( bahagian wanita Pan Malaya Islamic Party yang ditubuhkan dalam tahun 1956 di bawah pimpinan Zubaidah Ali dan Wanita Rakyat (bahagian wanita PRM yang ditubuhkan dalam bulan Februari 1957 di bawah pimpinan Zainab Ahmed).<sup>62</sup>

### **2.3 LATAR BELAKANG SHAMSIAH FAKEH**

Shamsiah Fakeh dilahirkan pada tahun 1924 di Kampung Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Sejak kecil beliau diberi nama timangan “Che Yah” oleh

---

<sup>61</sup> Virginia H. Dancz (1987), *Op. Cit.*, h. 89.

<sup>62</sup> Makmur bin Tumin (2004), *NGO Wanita dalam Sistem Politik Malaysia : Kajian Mengenai Peranan dan Kegiatan Wanita Malaysia (NCWO), Latihan Ilmiah (PHD), Universiti Malaya*, h.63.

keluarga dan saudara maranya.<sup>63</sup> Ayahnya bernama Fakeh Sutan Sulaiman. Orang kampung menggelar ayah beliau sebagai Fakeh Godang iaitu Fakeh Besar kerana susuk tubuhnya yang besar. Ayah beliau berasal dari Sumatera, Indonesia. Manakala, ibu beliau pula bernama Saamah Nonggok. Shamsiah adalah anak kedua dari lapan orang adik beradik yang seibu dan sebapa. Beliau juga mempunyai dua orang kakak sebapa tetapi berlainan ibu, hasil daripada perkahwinan ayahnya dengan isteri pertama yang tidak berkekalan.<sup>64</sup>

Antara adik-beradik Shamsiah ialah Mohd.Nur yang sulung, yang kedua ialah beliau sendiri, yang ketiga ialah Mohd. Ramli, keempat Mohd.Nasir, yang kelima Rabiah (Arbi), keenam Darwisah dan yang ketujuh dan kelapan ialah Nur Aminah dan Nurbaiti. Nurbaiti iaitu adik beliau yang bongsu baru berumur dua tahun semasa Shamsiah meninggalkannya. Sehingga waktu beliau dibenarkan pulang ke tanah air pada tahun 1994, sudah 46 tahun beliau telah berpisah dengan ibu bapa dan adik beradiknya.<sup>65</sup>

Shamsiah berasal dari keluarga yang miskin. Bapa beliau seorang penjaja kecil iaitu meraih atau berjaja sayur-sayuran dan juga ikan serta menjual ubat-ubatan buatan sendiri. Bapa beliau terpaksa bekerja keras untuk menyara keluarganya yang besar itu.

---

<sup>63</sup> Temubual bersama Puan Halipah binti Abu Bakar pada 2 April 2011, pukul 8 malam di kediamannya, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau merupakan seorang individu yang sangat rapat dengan keluarga Shamsiah Fakeh. Suami (sudah meninggal dunia) beliau merupakan sahabat dan adik-beradik angkat dengan Shamsiah Fakeh.

<sup>64</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim pada 2 April 2011, pukul 5petang di kediaman ibunya iaitu Puan Halipah binti Abu Bakar, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Encik Hazman merupakan kenalan rapat kepada keluarga Shamsiah Fakeh. Hubungan mereka sangat rapat sehingga anak-anak mereka sekarang. Beliau juga adalah salah seorang yang banyak membantu adik Shamsiah iaitu Haji Ramli untuk membawa Shamsiah pulang ke tanah air. Beliau banyak menyimpan maklumat tentang Shamsiah Fakeh yang diperolehi daripada arwah bapanya iaitu En. Hashim.

<sup>65</sup> *Ibid.*



Namun, bapa beliau tidak pernah merungut atau menyesali takdirnya. Beliau gigih berusaha untuk membesarkan anak-anaknya. Bapanya sering dikejar oleh polis kerana berjaja di kaki lima kedai tanpa lesen berniaga. Bapanya juga pernah ditahan di balai polis selama beberapa hari. Setiap hari, bapanya terpaksa mengayuh basikal sejauh belasan batu untuk mendapatkan barang-barang yang hendak dijualnya. Jika jualannya laris, maka kehidupan Shamsiah sekeluarga senanglah sedikit. Tetapi adat orang berniaga, jualan bapanya tidaklah selalu dapat dijual menyebabkan beliau terpaksa pulang dengan tangan kosong.<sup>66</sup>

Bagi meringankan beban bapanya, ibu Shamsiah terpaksa pergi berjaja kain yang diambilnya dari kedai besar. Pagi-pagi lagi ibu beliau akan keluar pergi berjaja dan pulang pada waktu senja. Ibu beliau juga menemui kesulitan dan kesukaran dalam pekerjaannya. Kadang-kadang jualan ibunya hanya dapat dijual sedikit sahaja dan kadang-kadang juga ibunya pulang dengan tangan yang kosong kerana orang kampung juga miskin. Maka ada pula yang terpaksa berhutang dan tidak mudah pula untuk membayarnya. Hal ini menyebabkan ibu beliau terpaksa pergi berkali-kali untuk menagih hutang.<sup>67</sup>

Shamsiah terpaksa masuk ke dalam hutan untuk ikut serta dalam perjuangan bersenjata melawan penjajah British demi memperjuangkan kemerdekaan Malaya. Ketika itu Shamsiah baru berumur 24 tahun. Sejak itu, beliau telah meninggalkan ibubapa, keluarga dan kampung halaman beliau demi perjuangan kemerdekaan tanah

---

<sup>66</sup> Temubual bersama Puan Halipah binti Abu Bakar pada 2 April 2011, pukul 8 malam di kediamannya, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

<sup>67</sup> *Ibid.*

air. Semasa beliau meninggalkan ibu bapa beliau, mereka sudah lanjut usianya. Bapanya berusia dalam lingkungan 60-an, manakala ibunya lingkungan 50-an.<sup>68</sup>

## 2.4 PENDIDIKAN SHAMSIAH FAKEH

Shamsiah mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu pada tahun 1931 di Sekolah Melayu Kampung Parit, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kemudian beliau berpindah ke Sekolah Melayu Bandar di Kuala Pilah. Beliau belajar di sekolah tersebut sehingga darjah lima.<sup>69</sup>

Pada tahun 1938, beliau di hantar belajar di sebuah sekolah agama di Madrasah Tuddimiah, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia iaitu Sekolah Agama Rahmah al-Yunusiah<sup>70</sup>. Beliau pergi bersama adik beliau iaitu Ramli. Beliau tinggal di asrama sekolah agama tersebut, manakala adiknya tinggal di rumah bapa saudara beliau Rahimin iaitu adik kandung bapa beliau.<sup>71</sup>

Sekolah Agama Rahmah al-Yunusiah merupakan sekolah agama yang terkenal di Sumatera pada masa itu. Selain mengajar soal agama Islam, sekolah itu juga

---

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Sekolah agama ini didirikan pada tahun 1923. Sekolah ini diasaskan oleh Ramah El-Yunusiah. Sekolah ini juga dikenali sebagai Perguruan Diniyyah Puteri. Sekolah ini juga dinamakan mengikut nama sepasang suami isteri yang mengusahakannya iaitu Rahmah dan Yunus. Sekolah agama ini mengamalkan konsep 'boarding school wanita'. Tercatat ratusan pelajar dari Malaysia dan Singapura yang menuntut di sekolah tersebut. Visi dan perjuangan sekolah ini ialah membentuk puteri berjiwa Islam dan ibu pendidik yang cekap dan aktif serta bertanggungjawab pada kesejahteraan masyarakat dan tanah air atas perabdian kepada Allah. Sekolah ini juga melahirkan ramai tokoh-tokoh yang terkemuka seperti Tan Sri Aisyah Ghani sebagai Menteri Am Kebajikan Malaysia, Datin Sakinah, Siti Zubaidah sebagai ketua Dewan Muslimat PAS yang pertama dan ramai lagi. Lihat dari <http://ranahbundo.blogspot.com>, pada 17hb May 2010. Lihat juga petikan Fatini Yaacob, Dewan Masyarakat, Mac 1991, h. 21-22.

<sup>71</sup> Temubual bersama Puan Halipah binti Abu Bakar pada 2 April 2011, pukul 8 malam di kediamannya, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

mendidik dan menanamkan semangat nasionalisme di kalangan generasi muda yang belajar di sekolah tersebut.<sup>72</sup>

Sekolah agama ini terbahagi kepada dua iaitu al-Rahmah untuk pelajar perempuan dan al-Yunusiah yang menempatkan pelajar lelaki. Sekolah ini mempunyai mata pelajaran yang khas bagi menekankan semangat cintakan tanah air dan menentang penjajah. Kurikulumnya memastikan para pelajarnya sentiasa diingatkan tentang perjuangan dan tanggungjawab untuk memerdekakan negara. Setiap pagi para pelajarnya akan mengadakan perhimpunan besar sebelum mereka masuk ke kelas. Dalam perhimpunan ini mereka akan menyanyikan lagu 'Indonesia Raya' dengan penuh semangat. Kemudian mereka akan menggenggam tangan dan melaungkan 'Merdeka!, Merdeka!, Merdeka!' dengan lantang dan penuh semangat.<sup>73</sup>

Mata pelajaran yang diajar di sekolah ini tidak terhad kepada ilmu-ilmu akhirat sahaja tetapi para pelajar juga diwajibkan mempelajari ilmu kemahiran hidup duniawi seperti perdagangan, ekonomi, sains rumah tangga, pertanian, pertukangan dan sebagainya. Selain itu, sekolah ini melatih para pelajarnya menjadi pemimpin yang berkaliber, cekap berhujah dan sentiasa mencetuskan idea-idea yang bernas. Mereka dilatih menerusi program latihan bahas dan pidato umum yang diadakan setiap hujung minggu. Setiap pelajar diwajibkan menyertai latihan tersebut.<sup>74</sup>

---

<sup>72</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim pada 2 April 2011, pukul 5petang di kediaman ibunya iaitu Puan Halipah binti Abu Bakar, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

<sup>73</sup> *Ibid.*

<sup>74</sup> *Ibid.*

Shamsiah ternyata dapat mengasah minatnya berpidato dan menggilap bakat kepimpinannya melalui sekolah ini. Kebolehan berpidato begitu terserlah, semangat beraninya untuk berjuang berkobar-kobar dan jiwanya kini hanya dipenuhi dengan satu cita-cita besarnya iaitu memerdekakan tanah airnya daripada penjajah.<sup>75</sup>

Shamsiah belajar di sekolah tersebut selama dua tahun sahaja. Pada tahun 1940 bapa beliau terpaksa membawa beliau pulang ke Tanah Melayu. Hal ini kerana ketika itu dunia semakin bergolak dengan tanda-tanda ingin berlaku Perang Dunia Kedua. Bapa beliau merasa tidak tenteram jika tidak membawa beliau dan adik beliau pulang ke Tanah Melayu.<sup>76</sup>

Pada tahun 1939, sebuah sekolah agama telah dibuka di Pelangai iaitu di daerah kediaman beliau di Kuala Pilah. Shamsiah melanjutkan pelajaran beliau di sekolah tersebut yang bernama Madrasah Aliyah Islamiah atau nama Inggerisnya, Islamic High School.<sup>77</sup>

Sekolah ini didirikan oleh Tuan Guru Mohammad Maadah Layang atau juga lebih dikenali sebagai Lebai Maadah<sup>78</sup>. Tuan Guru Lebai Maadah pernah belajar agama

---

<sup>75</sup> Temubual dengan Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011, pukul 11 pagi di pejabatnya, Petaling Jaya Selangor. Beliau merupakan anak bongsu kepada Shamsiah Fakeh dan Ibrahim Mohamad. Beliau berjaya membuka stesen radio iaitu Durian FM yang mana lebih tertumpu kepada pendengar China kerana diudarkan dalam bahasa China. Stesen ini beroperasi di Petaling Jaya.

<sup>76</sup> *Ibid.*

<sup>77</sup> Sekolah ini dikenali juga sebagai The High Islamic School. Sekolah ini ditubuhkan pada 15 Januari 1939. Pengasasnya ialah Tuan Guru Muhammad Maadah bin Layang atau lebih dikenali sebagai Lebai Maadah. Corak pengajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut berbeza dengan sekolah-sekolah lain yang ada di Tanah Melayu pada masa itu. Sekolah ini mempunyai keistimewaannya tersendiri. Pengajian utama di sekolah ini ialah pengajian al-Qural dan Hadis. Pengajian dimulakan dengan kursus penterjemahan al-Quran secara harfiah yang diikuti dengan kefahaman keseluruhan terjemahannya. Lihat Fatini Yaakob, *Op. Cit.*, Mac 1991, h.21-22.

<sup>78</sup> Lebai Maadah berasal dari Tengkek, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan di Karachi selama sepuluh tahun. Beliau boleh bertutur dalam empat bahasa iaitu bahasa Urdu, Inggeris, Arab dan Melayu.

Islam selama sepuluh tahun di Karachi, Pakistan dan mempunyai pengetahuan agama yang sangat luas. Sekolah ini mendapat pengiktirafan dan bantuan daripada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan iaitu Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohammad Shah.<sup>79</sup>

Lebai Maadah telah memperkenalkan cara baru dalam pengajarannya. Pengajian utama di sekolah ini ialah al-Quran dan Hadis. Pengajian dimulakan dengan penterjemahan al-Quran secara perkataan demi perkataan iaitu secara harfiah. Para pelajar di sekolah tersebut termasuk Shamsiah sudah boleh menterjemah 30 juz al-Quran dalam masa setahun lebih<sup>80</sup>. Seterusnya dalam masa tidak sampai dua tahun, para pelajar di sekolah tersebut dapat menterjemah 30 juz al-Quran. Hal ini diakui sendiri oleh bekas suami Shamsiah (Yassin Kina) yang sama-sama belajar di sekolah tersebut.<sup>81</sup>

Selain itu, kitab-kitab yang digunakan ialah kitab-kitab asli iaitu karangan ulama luar negeri yang dikarang dalam bahasa Arab dan diterjemahkan secara spontan oleh guru yang mengajar ke dalam bahasa Melayu. Hal ini berbeza dengan sekolah-sekolah pondok yang lain. Mereka menggunakan kitab terjemahan atau kitab Melayu karya ulama-ulama tempatan.<sup>82</sup>

---

Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak istana. Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad Shah iaitu Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan memberi pengiktirafan dan membantu sepenuhnya perjalanan sekolah tersebut sejak awal pembukaannya, termasuk gaji guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut dibiayai oleh pihak istana. Lihat lanjut, Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mac 1991, h. 22.

<sup>79</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim pada 2 April 2011, pukul 5petang di kediaman ibunya iaitu Puan Halipah binti Abu Bakar, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Lihat juga Fatini Yaacob, *Op. Cit.* Mac 1991, h. 23-25.

<sup>80</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h.18.

<sup>81</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim pada 2 April 2011, pukul 5petang di kediaman ibunya iaitu Puan Halipah binti Abu Bakar, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

<sup>82</sup> Shamsiah Faakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 23.

Sistem pengajaran yang unik telah menjadikan penuntut-penuntut yang tamat dari sekolah ini mahir menterjemah al-Quran dan Hadis. Mereka juga mempunyai semangat untuk memperjuangkan nasib bangsa yang tinggi. Ramai daripada pelajar lepasan sekolah ini menceburkan diri dalam politik dan memperjuangkan kemerdekaan sama ada di dalam gerakan kiri ataupun kanan.<sup>83</sup> Sebagai contoh, Ustaz Hashim Abdul Ghani (tokoh Kaum Muda)<sup>84</sup>, Ustaz Hitam Taha<sup>85</sup>, Ustaz Hj. Abdul Aziz Yunus, Hj. Md Zin Ujang dan sebagainya.

Shamsiah yang mendapat pendidikan asas yang baik dari Sumatera, menyambung pengajiannya sehingga ke darjah yang tertinggi iaitu darjah sembilan di sekolah tersebut. Hanya empat orang pelajar perempuan yang berada di tahap ini selain Shamsiah. Antaranya ialah Maheran binti Putih Isa, Khatijah binti Alip dan Asmah binti Usulan.<sup>86</sup>

Shamsiah tidak hanya pandai berpidato dengan baik dalam setiap latihan bahas dan pidato umum di sekolah ini, malahan beliau boleh menterjemahkan al-Quran dengan lancar. Beliau terkenal di seluruh Kuala Pilah dengan kepetahannya berpidato dan kecantikan wajahnya. Bagaimanapun Shamsiah hanya dapat belajar selama setahun lebih sahaja di sekolah tersebut kerana terpaksa berkahwin.<sup>87</sup>

---

<sup>83</sup> Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mac 1991, h. 23.

<sup>84</sup> Ustaz Hashim Ghani dilahirkan di Kampung Sg. Dua Kecil, Kuala Pilah pada 5 Julai 1927. Beliau sangat aktif dalam politik dan memegang jawatan yang penting. Antaranya, menjadi setiausaha dalam satu kongres yang dibuat di Kelab Sultan Sulaiman Kuala Lumpur, pernah menganggotai persatuan ulama' Pulau Pinang dan sebagainya. Lihat kembara2006.Blogspot.com, diakses pada 12 Mac 2012.

<sup>85</sup> Ustaz Hitam Taha merupakan pengasas UMNO Kuala Pilah pada 1948 dan menjadi wakil rakyat di Pahang. Lihat almizaan.wordpress.com, diakses pada 12 Mac 2012.

<sup>86</sup> *Ibid.*

<sup>87</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h.19.

## 2.5 PERKAHWINAN SHAMSIAH FAKEH

### 2.5.1 Perkahwinan Pertama Shamsiah Fakeh

Pada 17 Ogos 1941, ketika Shamsiah Fakeh masih belajar di Sekolah Agama Madrasah Aliyah Islamiah di Pelangai, beliau telah berkahwin dengan seorang pemuda bernama Yasin Kina<sup>88</sup> iaitu teman sekolah beliau yang sama-sama belajar di sekolah agama tersebut.

Perkahwinan beliau dengan Yasin Kina adalah atas dorongan dan pengaturan Tuan Guru Lebai Maadah. Lebai Maadah menggunakan cara ini sebagai strategi untuk meluaskan ajaran agama sekolahnya demi untuk mendapatkan bantuan kewangan dari ibu bapa para pelajar yang terbabit, khasnya dan para pelajar lain amnya.<sup>89</sup>

Perkahwinan Shamsiah dengan suaminya yang pertama iaitu Yasin Kina telah diaturkan oleh Lebai Maadah. Lebai Maadah telah membuat perundingan dengan keluarga Shamsiah dan Yasin Kina. Keluarga Shamsiah dan Yasin Kina telah bersetuju dengan cadangan Lebai Maadah untuk menjodohkan Shamsiah dengan Yasin Kina. Sebagai seorang anak yang patuh dan taat kepada ibu bapa, Shamsiah pun bersetuju dengan perkahwinan tersebut. Shamsiah berusia 17 tahun ketika itu.<sup>90</sup>

---

<sup>88</sup> Yasin Kina merupakan suami Shamsiah yang pertama. Mereka berkahwin ketika masih belajar di Sekolah Agama Madrasah Aliyah Islamiah di Pelangai. Yasin tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan hanya mendapat duit belanja dari keluarganya sebanyak sepuluh ringgit. Mereka dikurniakan dua orang cahayamata tetapi kedua-duanya meninggal dunia ketika masih kecil. Shamsiah dicerai oleh Yasin pada tahun 1944 tanpa pengetahuan Shamsiah. Yasin hanya meninggalkan sepucuk surat kepada ayah Shamsiah. Lihat lanjut Memoir Shamsiah Fakeh, h. 19-21. Lihat juga Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mac 1991, h. 23-26.

<sup>89</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h.19.

<sup>90</sup> *Ibid.*

Suami pertama Shamsiah tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang tetap. Hal ini kerana keluarga Yasin Kina adalah petani dan orang kampung yang berada. Justeru itu, Yasin Kina sangat bergantung hidup dengan kedua ibu bapanya. Walaupun beliau berkahwin dengan anak orang berada tetapi kehidupan beliau dengan suami pertamanya tidak senang. Ini kerana suami beliau tidak mempunyai sumber kewangannya sendiri dan wang yang diperolehi daripada ibu bapanya adalah tidak seberapa. Yasin Kina hanya mendapat sepuluh ringgit (RM10) sahaja dan kadang-kala mendapat dua puluh ringgit (RM20) sebulan daripada bapanya.<sup>91</sup>

Hasil daripada perkahwinan beliau dengan Yasin Kina, beliau dikurniakan dua orang cahaya mata iaitu seorang lelaki dan seorang perempuan. Anak sulung beliau ialah perempuan iaitu Noraini dan anak beliau yang kedua ialah lelaki yang bernama Abdul Munir. Walau bagaimanapun kedua-dua anak beliau tidak dapat hidup lama. Mereka meninggal dunia ketika berusia masih kecil lagi akibat diserang oleh penyakit yang disebabkan oleh kekurangan zat makanan dan tidak mendapat rawatan serta perubatan yang sepatutnya. Anak sulung beliau meninggal dunia ketika berumur setahun setengah manakala anak kedua beliau meninggal dunia ketika berumur lapan bulan. Kehilangan kedua-dua anak beliau yang masih kecil ini sangat memilukan hati beliau dan membuat kehidupan beliau sedih dan menderita.<sup>92</sup>

Shamsiah kemudiannya telah diceraikan oleh Yasin pada Jun 1944 tanpa pengetahuan beliau. Ketika itu, beliau sedang hamil lapan bulan iaitu anak kedua beliau. Semasa beliau bercerai dengan Yasin, mereka masih tinggal di rumah tumpangan di

---

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> *Ibid.*



Pelangai. Beliau ditinggalkan oleh Yasin tanpa pengetahuan Shamsiah sendiri. Yasin hanya meninggalkan sepucuk surat yang telah diserahkan kepada ayah Shamsiah.<sup>93</sup>

### **2.5.2 Perkahwinan Kedua Shamsiah Fakeh**

Setelah bergelar janda, Shamsiah kembali menetap bersama ibu bapanya di Kuala Pilah. Pada suatu hari, Shamsiah telah menerima seutus surat yang isi kandungannya adalah mengenai propaganda impian Jepun untuk membentuk empayar Asia Timur Raya. Setelah beberapa kali berbalas utusan surat dengan pengirim surat tersebut, Shamsiah akhirnya mengetahui identiti pengirim itu. Dengan sekeping gambar yang disertakan bersama suratnya, pengirim surat itu memperkenalkan dirinya sebagai J.M. Rusdi yang berasal dari Sumatera, tempat asal kelahiran bapa Shamsiah. Rusdi mengatakan yang dia merupakan seorang peniaga kain di Parit Buntar, Perak. Rusdi kemudiannya datang berjumpa ibu bapa Shamsiah di Kuala Pilah dan melamar beliau. Lamaran itu diterima oleh bapa Shamsiah setelah mendapat persetujuan daripada Shamsiah sendiri dengan syarat Rusdi berjanji akan menghantar Shamsiah belajar di sekolah agama di Bagan Serai.<sup>94</sup>

Setelah berkahwin, Shamsiah dan Rusdi tinggal di rumah tumpangan yang merupakan sebuah kedai milik seorang Banjar. Ketika itu, barulah Shamsiah mengetahui mengenai perangai sebenar Rusdi yang suka berfoya-foya. Pekerjaan Rusdi sebagai peniaga kain juga merupakan dusta semata-mata. Seringkali Rusdi meninggalkan Shamsiah keseorangan dan jarang-jarang balik ke rumah. Melalui

---

<sup>93</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 20-21.

<sup>94</sup> *Ibid.*

perbualan beliau dengan tuan rumah dan beberapa rakan di situ, Shamsiah menyedari yang Rusdi merupakan seorang yang tidak baik akhlaknya. Ini menjadikan Shamsiah berasa kesal dan marah terhadap dirinya sendiri kerana tidak menyiasat dengan jelas terlebih dahulu akan latar belakang suaminya.<sup>95</sup>

Rusdi bagaimanapun bersetuju memenuhi janjinya menghantar Shamsiah belajar agama di Bagan Serai. Maka mereka suami isteri bersama dengan seorang lagi rakan Rusdi yang bernama Abdul Ghani, telah berpindah ke Bagan Serai. Setelah selesai urusan mendapatkan rumah, Shamsiah kemudian memulakan pembelajarannya di sekolah agama di Masjid Tinggi, Bagan Serai selama sebulan. Abdul Ghani yang berketurunan Indonesia dan bekerja sebagai tukang jahit banyak membantu Shamsiah semasa Rusdi tiada.<sup>96</sup>

Pada suatu masa, Rusdi meninggalkan Shamsiah selama tiga bulan tanpa sebarang khabar. Tiba-tiba pada suatu malam, dalam keadaan terkejut-gapah dan cemas, Rusdi pulang ke rumah. Rusdi kemudiannya menghantar Shamsiah pulang ke Kuala Pilah atas alasan banyak urusan di tempat lain dan keadaan yang memaksa supaya mereka segera meninggalkan Bagan Serai. Shamsiah diserahkan kembali kepada ibu bapanya dan Rusdi menceraikan Shamsiah dengan alasan jodoh mereka sudah tamat. Perkahwinan kedua Shamsiah ini hanya bertahan selama lima bulan sahaja. Selepas kekalahan tentera Jepun, dan tentera British kembali ke Malaya, barulah Shamsiah mengetahui bahawa Rusdi sebenarnya merupakan perisik tentera Jepun.<sup>97</sup>

---

<sup>95</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 25.

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 26-28.

### 2.5.3 Perkahwinan Ketiga Shamsiah Fakeh

Perkahwinan ketiga Shamsiah berlaku ketika Shamsiah telah pun menceburkan diri dalam perjuangan nasionalisme dan menyertai Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). PKMM sudah banyak berkembang pada masa itu dengan jumlah ahli yang mencecah kira-kira 70 000 orang. Shamsiah pula telah dilantik sebagai Ketua Bahagian Wanita PKMM yang kemudiannya ditukar nama secara rasmi pada tahun 1946 menjadi Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Manakala bahagian pemuda pula dinamakan Angkatan Pemuda Insaf (API).<sup>98</sup>

Dalam usaha untuk mengembangkan parti, Shamsiah selaku ketua AWAS sentiasa menjalinkan kerjasama rapat dengan ketua API, Ahmad Boestamam.<sup>99</sup> Perkenalan mereka bermula dalam satu perjumpaan ceramah API di Sekolah Arab Pelangai, Kuala Pilah. Ahmad Boestamam ketika itu merasa tertarik dengan ucapan pidato penuh semangat oleh Shamsiah. Perhubungan antara mereka menjadi semakin rapat sehingga akhirnya membawa kepada pernikahan pada akhir Disember 1946 di Kuala Lumpur. Perkahwinan mereka ketika itu dianggap merupakan suatu perkahwinan politik antara dua orang tokoh pemimpin pertubuhan pemuda dan wanita yang

---

<sup>98</sup> *Ibid.*

<sup>99</sup> Ahmad Boestamam atau nama asal beliau Abdullah Thani bin Raja Kechil adalah seorang aktivis politik anti penjajah Inggeris di Malaysia. Beliau ditangkap dan dipenjarakan sebanyak 3 kali. Kepentingan Boestamam dalam kegiatan politik bermula dengan penglibatannya dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM) sebagai Penolong Setiausaha semasa menjadi pemberita khas akhbar Majlis di Kuala Lumpur yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakob. Ahmad dianggap sebagai seorang aktivis politik antipenjajahan yang berbakat besar. Penangkapan Boestamam pada tahun 1941-1942 bersama-sama dengan 150 orang anggota dan penyokong KMM memulakan kehidupan getir Boestamam sebagai seorang aktivis politik. Beliau telah menjadi lebih terdedah kepada tekanan penjajah, yang secara langsung memberi satu pemantapan kepada sikap antipenjajahannya. Beliau menerbitkan Testamen Politik Api yang mengajukan gagasan 'merdeka dengan darah.' Kerana karya tersebut, beliau dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menghasut pada tahun berikutnya, dan beliau dikenakan denda \$1,200.00. Boestamam kemudian menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Lihat lanjut Ramlah Adam (1994), *Ahmad Boestamam : Satu Biografi Politik*, Selangor : Dewan Bahasa dan Pustaka.

memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Perkahwinan ini telah menjadi suatu simbolik penyatuan cita-cita politik.<sup>100</sup>

Bagi Shamsiah pula, perkahwinan ini juga merupakan satu platform baginya untuk meningkatkan kemajuan diri dari segi politik dan ideologi perjuangan. Bagi seseorang yang masih lagi hijau dalam arena politik pada ketika itu, mendampingi seorang politikus yang berpengalaman seperti Boestamam dapat membantu beliau dari banyak segi. Semuanya adalah demi kepentingan perjuangan kemerdekaan. Perkahwinan mereka diangkat oleh media ketika itu sebagai pernikahan paling sensasi dalam perjuangan nasionalisme Melayu. Shamsiah dinikahkan oleh bapanya di Kampung Gemuruh, Kuala Pilah.<sup>101</sup>

Boestamam pada ketika itu telahpun mempunyai seorang isteri yang bernama Rabitah Mohd Wajib, yang juga merupakan salah seorang pemimpin AWAS di Tanjung Malim, Perak. Terdapat beberapa pendapat mengenai perhubungan antara Shamsiah dan madunya. Menurut Shamsiah Fakeh dalam memoirnya, perkahwinan kedua Boestamam ini mendapat persetujuan dari Rabitah, malah perhubungan antara Shamsiah dengan madunya juga sangat baik. Boestamam dan kedua-dua isterinya tinggal di sebuah rumah sewa di Setapak, Kuala Lumpur dan hidup dalam keadaan aman dan bertoleransi.<sup>102</sup>

Bagaimanapun dalam suatu temuramah bersama Rabitah pada 31 April 1992 di Gombak, Rabitah menyatakan bahawa perkahwinan Boestamam dan Shamsiah pada awalnya tidak diketahui oleh beliau. Rabitah hanya mengetahui mengenai perkahwinan

---

<sup>100</sup> Ramlah Adam(1994), *Op. Cit.*, h. 159-160.

<sup>101</sup> *Ibid.*

<sup>102</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 41.

suaminya itu setelah Shamsiah mengutus surat meminta maaf kerana berkahwin dengan Boestamam. Kakak kepada Bostamam, Rasunin simpati kepada nasib adik iparnya lalu memaksa Bostamam membawa Rabitah bersama-sama anak-anaknya, Rustam dan Norliah tinggal bersamanya di Kuala Lumpur. Hubungan antara kedua-dua wanita yang bermadu ini juga tidak sebaik seperti yang didakwa oleh Shamsiah dalam memoirnya. Menurut Rabitah, Shamsiah tidak pandai menguruskan urusan rumah tangga seperti tidak tahu memasak dan pakaiannya juga terpaksa dicuci oleh Rabitah. Shamsiah cuba berbaik-baik dengan Rabitah seperti mengajak Rabitah pergi bersiar-siar tetapi tidak diendahkan.<sup>103</sup>

Pada April 1947, Ahmad Boestamam telah ditangkap atas tuduhan kerana melakukan kesalahan menghasut melalui buku tulisannya, *Testament Politik API* yang diterbitkan pada 21 Disember 1946. Boestamam didakwa dengan pertuduhan menuturkan kata-kata menghasut, bersubahat menerbit dan mencetak dokumen menghasut. Boestamam telah didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman sembilan bulan penjara atau denda sebanyak \$1,200.00. Boestamam memilih untuk membayar denda dengan bantuan anggota-anggota API. Susulan daripada itu, buku *Testament Politik API* telah diharamkan dan pada Julai 1947, API yang ketika itu baru berusia setengah tahun turut diharamkan oleh British.<sup>104</sup>

Perkahwinan antara Boestamam dan Shamsiah pula hanya bertahan selama tiga bulan sahaja. Perpisahan mereka juga mengundang beberapa pendapat. Antaranya adalah kononnya Shamsiah berasa marah dan kecewa kerana Boestamam tunduk

---

<sup>103</sup> Ramlah Adam(1994), *Op.Cit.*, h. 160.

<sup>104</sup> *Ibid.*

kepada pertuduhan oleh pihak British dengan membayar denda. Shamsiah berpendapat sebagai seorang pejuang, adalah lebih mulia jika Boestamam tidak tunduk kepada British dan tinggal di penjara sebagai membuktikan semangat nasionalismenya. Pada Shamsiah, seorang nasionalis akan lebih rela merengkok di dalam penjara. Namun bagi Ahmad Boestamam, beliau lebih diperlukan diluar. Tindakan Boestamam membayar denda dan tidak rela dipenjara membuatkan Shamsiah Fakeh kecewa dan dikatakan itulah puncanya mereka bercerai.<sup>105</sup>

Bagaimanapun, dalam memoir Shamsiah Fakeh, ada menyebut mengenai punca sebenar perpisahan Shamsiah dan Boestamam, malah punca perpisahan mereka sebenarnya adalah lebih biasa dan normal. Perkahwinan mereka menghadapi keretakan akibat masuk campur oleh pihak keluarga. Perkahwinan antara Shamsiah dan Boestamam mendapat tentangan terutamanya oleh kakak Boestamam. Konfrontasi berlaku ketika kakak dan ibu Boestamam mengunjungi rumah mereka. Tuduhan perampas suami orang oleh kakak Boestamam terhadap Shamsiah mengakibatkan Shamsiah hilang sabar dan mengambil keputusan keluar dari rumah dan membawa kepada penceraian. Penceraian dilakukan secara baik demi menyelesaikan masalah bermadu. Namun hubungan antara mereka kekal baik demi perjuangan kemerdekaan.<sup>106</sup>

#### **2.5.4 Perkahwinan Keempat Shamsiah Fakeh**

Pada tengah malam 20 Jun 1948, Undang-undang Darurat telah diisytiharkan di seluruh Malaya. Ketika itu Shamsiah telah sah menjadi anggota Parti Komunis Malaya

---

<sup>105</sup> *Ibid.*

<sup>106</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 40-43.

(PKM). Parti dan pertubuhan berhaluan kiri seperti PKM, PKMM, AWAS, PETA dan lain-lain telah diharamkan. Beribu-ribu orang telah ditangkap. Keadaan yang semakin tegang telah memaksa Shamsiah dan lebih 20 orang rakan-rakan mereka masuk ke dalam hutan di kawasan Lubuk Kawah. Dari saat itu, maka bermulalah era perjuangan bersenjata buat Shamsiah Fakeh. Pada bulan Ogos 1948, Shamsiah telah berkahwin sekali lagi. Perkahwinan kali keempat ini adalah dengan Wahi Anuwar. Wahi Anuwar pula telah dilantik sebagai komander Rejimen Ke-10 dari Tentera Pembebasan Nasional Malaya.<sup>107</sup>

Kehidupan Shamsiah di hutan amat sukar dan penuh dengan cabaran. Pada akhir tahun 1949, berlaku suatu tragedi yang telah memisahkan pasangan suami isteri ini. Ketika itu Shamsiah sedang sarat mengandung dan akan melahirkan anak pada bila-bila masa. Ketika dalam perjalanan ke utara dari Temerloh bersama-sama pasukan induk Rejimen Ke-10 untuk membuka daerah bebas, mereka telah diserang oleh tentera British di Mentakab. Peristiwa ini dikenali sebagai peristiwa Padang Piul. Susulan serangan hebat itu, pasukan Rejimen Ke-10 telah berpecah belah dan sebahagian anggotanya telah menyerah diri kepada musuh. Pada waktu inilah, Shamsiah telah melahirkan anaknya dan kemudian terpisah dengan suaminya setelah diserang musuh. Itu merupakan kali terakhir Shamsiah melihat suaminya.<sup>108</sup>

Setelah sesat selama 4 hari 4 malam, dan mengalami pelbagai peristiwa serta kesulitan, Shamsiah dan anaknya akhirnya berjaya ditemui oleh rakan-rakan seperjuangan dari PKM dan di bawa ke tempat persembunyian mereka. Ketika inilah

---

<sup>107</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 55.

<sup>108</sup> *Ibid.*

jawatankuasa PKM cawangan tersebut mencadangkan kepada Shamsiah agar menghantar anaknya yang baru lahir itu untuk dipelihara oleh seorang cina yang akan kembali ke negara China memandangkan sukar untuk menjaga anak kecil ketika dalam perjuangan revolusi. Walaupun berat hati, Shamsiah akhirnya akur.<sup>109</sup>

Pada tahun 1952, Musa Ahmad yang juga anggota Markas Rejimen Ke-10 mewakili pimpinan PKM telah menyampaikan suatu berita buruk kepada Shamsiah. Anaknya yang disangkakan telah dihantar untuk dipelihara oleh orang, sebenarnya telah dibunuh oleh ahli jawatankuasa PKM cawangan tempat tersebut. Mengikut disiplin parti, hukuman bagi pembunuh adalah hukuman mati, namun oleh kerana mereka masih dalam perjuangan revolusi, dan yang melakukan kesalahan tersebut adalah tiga orang, maka merupakan suatu kerugian bagi pihak parti. Maka PKM memutuskan memberi peluang mereka menebus kesalahan mereka dengan melakukan kerja-kerja revolusi. Shamsiah menerima keputusan itu dengan tenang kerana kesetiaan beliau terhadap parti dan revolusi. Wahi Anuwar pula sebenarnya telah ditangkap oleh pihak British dan dipenjarakan selama 10 tahun dari tahun 1950 hingga 1960.<sup>110</sup>

### **2.5.5 Perkahwinan Kelima (Terakhir) Shamsiah Fakeh**

Pada akhir tahun 1953, pasukan induk Rejimen Ke-10 telah selamat sampai di kawasan sempadan Malaysia-Thailand dan mula membina massa di kawasan itu.

---

<sup>109</sup> *Ibid.*

<sup>110</sup> *Ibid.*



Mereka berjaya membina basis yang teguh di kawasan yang mendapat sokongan kuat daripada rakyat serta bekalan makanan yang terjamin.<sup>111</sup>

Di situ Shamsiah ditugaskan di jabatan propaganda dan percetakan Rejimen Ke-10. Ketika itulah Shamsiah dan Ibrahim Mohamad, yang juga menggunakan nama Ani mula menjalin hubungan. Shamsiah dan Ibrahim kemudiannya berkahwin pada 1 Jun 1956 setelah dipersetujui oleh pihak pimpinan parti. Ketika itu Ibrahim telah pun bercerai dengan isterinya secara pasah, setelah meninggalkan isterinya selama tiga tahun. Perkahwinan ini merupakan perkahwinan kelima dan terakhir Shamsiah Fakeh.<sup>112</sup> Melalui perkahwinan ini, Shamsiah dikurniakan tiga orang anak lelaki iaitu Jamaluddin, Kamaruddin dan Shamsuddin.<sup>113</sup>

Ini merupakan perkahwinan kali kelima dan terakhir Shamsiah Fakeh. Perkahwinan ini terus berkekalan sehinggalah Ibrahim Mohamad meninggal dunia pada tahun 1996, kira-kira dua tahun selepas mereka dibenarkan pulang ke tanah air.<sup>114</sup>

---

<sup>111</sup> *Ibid.*

<sup>112</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 83.

<sup>113</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim pada 2 April 2011, pukul 5petang di kediaman ibunya iaitu Puan Halipah binti Abu Bakar, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

<sup>114</sup> *Ibid.*

# **BAB 3**

## **BAB TIGA**

### **SEJARAH DAN PERJUANGAN SHAMSIAH FAKEH DI TANAH MELAYU (1945-2008)**

#### **3.1 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan tentang sejarah dan sebuah perjuangan oleh seorang wanita yang gigih dalam mempertahankan tanah airnya. Dalam bab ini, penulis akan membincangkan dengan lebih terperinci tentang penglibatan dan kegiatan Shamsiah dalam perjuangannya di Tanah Melayu. Beliau merupakan seorang yang gigih belajar dan menuntut ilmu agama sejak kecil hingga usianya remaja, walaupun menghadapi pelbagai halangan dan rintangan, namun beliau sentiasa berusaha untuk mendalami ilmu pengetahuan.

Persoalannya, kenapa Shamsiah yang membesar dengan didikan aliran agama tetapi memilih perjuangan berhaluan kiri? Kenapa beliau sanggup menganggotai pasukan komunis walaupun pada masa itu komunis dianggap sebagai pihak yang kejam dan mendukung ideologi tidak mempercayai kepada tuhan? Adakah Shamsiah menganggotai Rejimen ke-10 hanya sebagai wahana untuk beliau berjuang menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan atau sebaliknya? Adakah beliau telah menukar haluan kepada pegangan komunis?

Terlalu banyak yang bermain di minda dan menjadi tanda tanya kepada penulis dan mungkin juga masyarakat tentang perjuangan Shamsiah Fakeh. Justeru itu, dalam

bab ini penulis cuba untuk merungkai sama ada kefahaman dan pengetahuan kita selama ini benar atau tidak benar. Adalah menjadi kewajipan kita sebagai umat Islam untuk mencari sesuatu yang benar dan sahih sebelum meletakkan sesuatu perkara itu baik atau sebaliknya. Ini juga merupakan salah satu proses pembelajaran bagi setiap umat Islam dan dalam kajian sejarah. Oleh itu, menjadi satu tanggungjawab bagi penulis untuk merungkai dan mengkaji tentang seorang tokoh yang telah berjuang untuk melawan musuh negara demi mencapai kemerdekaan tetapi kurang mendapat perhatian dalam sejarah Malaysia.

### 3.2 SEJARAH SEBELUM SHAMSIAH FAKEH TERLIBAT DALAM PERJUANGAN DI TANAH MELAYU

Apabila Jepun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua pada tahun 1945 dan British kembali bertapak di Malaya. Ketika itu Shamsiah Fakeh kembali menuntut ilmu agama di Bagan Serai, Perak selama enam bulan. Ketika menuntut di sanalah, Shamsiah Fakeh mula terdedah dengan perjuangan nasionalis. Minat Shamsiah terhadap isu penentangan penjajahan timbul ketika mendengar ceramah dan penerangan tentang perjuangan menuntut kemerdekaan negara daripada penjajah British oleh anggota pimpinan PKMM.

Setelah tamat belajar, Shamsiah kembali ke kampungnya, Kampung Gemuruh di Kuala Pilah. Di sana Shamsiah sering mengikuti pertemuan yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) atau nama Inggerisnya, United Malaya National Organization (UMNO). Sejak itu, Shamsiah mula tertarik kepada gerakan nasionalis. Selain ceramah dari kalangan orang UMNO, Shamsiah turut didatangi oleh aktivis-aktivis PKMM. Shamsiah juga turut mengikuti pertemuan-pertemuan yang dianjurkan oleh PKMM malah beliau juga turut membuat ucapan dalam satu pertemuan dan disiarkan di akhbar.<sup>115</sup>

Sebelum menyertai PKMM, Shamsiah sering menjadi penceramah undangan di merata tempat. Khabar tentang kepetahan Shamsiah berpidato dengan semangat nasionalisme yang membara telah mendapat perhatian beberapa orang bekas ahli

---

<sup>115</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 30.

Kesatuan Melayu Muda (KMM)<sup>116</sup>. Dalam satu pertemuan anjuran PKMM di Seremban, Shamsiah telah memberikan sebuah ucapan yang telah mendapat tepukan gemuruh daripada para hadirin.<sup>117</sup>

Ucapan Shamsiah ini telah disiarkan di dalam surat khabar Utusan Melayu pada keesokan harinya. Musa Ahmad<sup>118</sup> telah pergi berjumpa dengan Shamsiah bagi menyatakan hasrat PKMM untuk menjemput Shamsiah supaya menyertai bahagian dalam pimpinan wanita PKMM. Tawaran itu, disambut baik oleh Shamsiah, walau bagaimanapun untuk menyertainya secara rasmi, beliau memberi syarat untuk terlebih dahulu mendapat restu kedua ibubapanya. Dr. Burhanuddin Al-Helmy bersama-sama Musa Ahmad dan Abdullah C.D.<sup>119</sup> telah pergi ke rumah Shamsiah dan menjemputnya untuk berkhidmat dengan PKMM. Shamsiah dan keluarganya yang sememangnya

---

<sup>116</sup> Kesatuan Melayu Muda (KMM) merupakan persatuan Melayu pertama yang ditubuhkan bercorak politik pada Mei 1937. Kesatuan ini dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob yang ditubuhkan atas dasar kesedaran mahu memperjuangkan kemerdekaan Negara serta membebaskan tanah Melayu dari jajahan British. Malangnya pertubuhan ini tidak dapat bertahan lama setelah ianya diharamkan oleh Jepun ketika menguasai Tanah Melayu pada tahun 1941-1945 kerana sifatnya yang radikal. Lihat Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid dan Hamidah binti Jalani (2010), *Beberapa Pandangan Mengenai Islam Dari Perspektif Parti Politik Melayu* dalam Jurnal Al-Tamaddun, Universiti Malaya, Bil. 5, h. 121.

<sup>117</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 30.

<sup>118</sup> Musa Ahmad dilahirkan pada tahun 1921 dan merupakan anak kelahiran Pengkalan Baru, Ipoh, Perak. Beliau mempunyai latar belakang pendidikan Melayu, Arab dan Inggeris; pernah melanjutkan pelajaran ke Madrasah Al-Mahsyor, Pulau Pinang (1934-1941) dan juga sekolah Lanjutan Anglo Chinese di Pulau Pinang. Beliau pernah terlibat secara aktif dalam KMM, PKM dan PKMM. Beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Penaja PKMM. Manakala dalam PKM beliau merupakan Ketua/Komander Rejimen Ke-10 menggantikan Abdullah C.D. pada tahun 1980. Atas rasa kesedaran yang mendalam pada bulan November 1980 beliau telah menyerah diri kepada Kerajaan Malaysia. Ketika menyerah diri, beliau telah pun berusia 60 tahun. Untuk keterangan lanjut, baca keseluruhan Sabda S. dan Wahba (1981) bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang kisah perjuangan komunis Musa Ahmad.

<sup>119</sup> Cik Dat bin Anjang Abdullah atau lebih dikenali sebagai Abdullah C.D. selepas Perang Dunia Kedua. Beliau dilahirkan di Lambor Kiri, Daerah Parit, Perak. Beliau terlibat dalam gerakan kemerdekaan sejak di bangku sekolah lagi kerana pengaruh bapanya, guru-guru dan Kesatuan Melayu Muda (KMM). Beliau menjadi Setiausaha KMM Cawangan Lambor, Parit semasa awal pendudukan Jepun. Terlibat dalam penubuhan PKMM pada Oktober 1945 dengan Makhtaruddin Lasso, Dr. Burhanuddin Helmy, Ahmad Boestamam, Pak Sako dan lain-lain. Pada tahun 1946, beliau dilantik menjadi Setiausaha Jabatan Kerja Melayu Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Malaya yang bertanggungjawab atas kerja Melayu dalam PKM serta gerakan orang Melayu Melawan British untuk kemerdekaan. Pada 21 Mei 1946, beliau mendirikan Rejimen Ke-10 di Temerloh, Pahang dan terus memimpin Rejimen Ke-10 sehingga perdamaian dicapai. Pada Ogos 1988, beliau dipilih menjadi Pengerusi PKM. Pada 2 Disember 1989, beliau menjadi salah seorang Penandatanganan Perjanjian Damai antara PKM dengan Kerajaan Malaysia. Lihat lanjut Memoir Abdullah C.D. (2005), *Zaman Pergerakan Sehingga 1948*. Lihat juga Suriani Abdullah (1999), *Rejimen Ke-10 dan Kemerdekaan*, Nan Dao Publisher: Hong Kong, h. 252-254.

mempunyai semangat anti-penjajah yang amat kuat sangat mengalu-alukan perlawanan tersebut. Dengan restu izin daripada bapanya, bermulalah penglibatan Shamsiah dalam gerakan nasionalis bersama PKMM.<sup>120</sup>

Kesedaran Shamsiah tentang perjuangan nasionalisme adalah demi memperjuangkan kemerdekaan tanah air. Selain itu, penindasan terhadap kaum wanita juga telah menyedarkan dan mendorong Shamsiah untuk bangun berjuang bagi membebaskan kaum wanita daripada ditindas. Sebenarnya kaum wanita menderita daripada penindasan yang pelbagai iaitu penindasan dari sistem feudalisme, kapitalisme dan imperialisme. Kaum wanita juga menderita dan ditindas oleh kaum lelaki, adat resam kuno, terikat dengan peraturan agama yang disalahmanipulasikan dan sebagainya. Shamsiah sendiri menderita dan menjadi mangsa kekuasaan lelaki, yang mana beliau diceraikan tanpa sebab dan kesalahan yang munasabah. Suami beliau yang pertama telah menceraikan beliau ketika sedang sarat mengandung lapan bulan.<sup>121</sup>

Di samping itu, berlaku banyak kejadian kaum wanita diceraikan setelah mempunyai anak yang ramai. Akibatnya kaum wanita terpaksa menderita dalam kehidupan mereka untuk membesarkan anak-anak. Shamsiah sedar bahawa soal bermadu atau poligami ini juga tidak disukai oleh kaum wanita, walaupun agama Islam mengizinkan kaum lelaki berkahwin empat. Namun yang benar-benar memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan adalah sebilangan yang kecil berbanding dengan mereka yang

---

<sup>120</sup> Abdullah C.D. (2005), *Memoir Abdullah C.D.:Zaman Pergerakan Sehingga 1948*, Selangor : Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), h. 227.

<sup>121</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 44.

tidak memenuhi syarat.<sup>122</sup> Justeru itu, ramai yang tidak memenuhi syarat itu telah menyimpang, meninggalkan tanggungjawab kepada kaum wanita.

Disebabkan penindasan dan penderitaan inilah semangat Shamsiah berkobar-kobar untuk berjuang demi kemerdekaan tanah air. Bagi beliau, dengan merdekanya Tanah Melayu taraf hidup kaum wanita dapat ditingkatkan. Justeru itu, beliau melibatkan diri dalam perjuangan kemerdekaan tanah air dan berani memperjuangkan nasib kaum wanita dan emansipasi sejati kaum wanita.<sup>123</sup>

Shamsiah mula aktif dalam gerakan nasionalis antara tahun 1945 ke 1946 dengan menyertai PKMM. Pada pertengahan tahun 1946, seminggu setelah menyatakan hasratnya kepada ibu bapa untuk bertugas di bahagian wanita PKMM di Kuala Lumpur, Shamsiah menerima sepucuk surat daripada Musa Ahmad yang meminta Shamsiah berpindah ke Kuala Lumpur bagi menjawat secara rasmi jawatan Ketua Bahagian Wanita PKMM yang telah dikosongkan oleh Aishah Ghani. Dua hari kemudian, Shamsiah pun bertolak seorang diri menaiki bas. Apabila sampai di ibu pejabat PKMM di Batu Road, Kuala Lumpur (yang kini dikenali sebagai Jalan Tuanku Abdul Rahman), beliau disambut oleh Musa Ahmad dan diperkenalkan kepada mereka yang bertugas di pejabat ketika itu.<sup>124</sup>

---

<sup>122</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 45.

<sup>123</sup> *Ibid.*

<sup>124</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 32-35.



### 3.3 PENGLIBATAN SHAMSIAH FAKEH DALAM PARTI-PARTI POLITIK SEBELUM MERDEKA DI TANAH MELAYU

#### 3.3.1 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 17 Oktober 1945 boleh dianggap sebagai titik pergerakan patriotik demokratik di Malaya. Apabila Jepun menyerah kalah, sejumlah tokoh Melayu daripada gabungan PKM dan KMM telah mendirikan pejabat di Ipoh dan menubuhkan PKMM sebagai parti politik radikal untuk menuntut kemerdekaan.<sup>125</sup> Penubuhan PKMM merupakan satu strategi PKM untuk meluaskan pengaruhnya di kalangan orang Melayu. Beberapa ejen PKM telah menyertai dan membiayai sebuah surat khabar politik yang diberi nama *Suara Rakyat*<sup>126</sup> untuk diterbitkan sebagai suara rasmi PKMM. Sebuah akhbar berbahasa Inggeris, *Voice of People*<sup>127</sup> juga turut diterbitkan untuk tujuan yang sama. Bagi golongan Melayu pula, sokongan PKM dapat menjadikan PKMM lebih kuat. Kelemahan orang Melayu dari segi kewangan dan rangkaian politik dapat diisi oleh parti yang lebih besar seperti PKM.<sup>128</sup>

---

<sup>125</sup> Abdullah C.D. (2005), *Op Cit.*, h. 92.

<sup>126</sup> Akhbar *Suara Rakyat* terbit pada 8 September 1945 di Ipoh, Perak. Akhbar ini merupakan akhbar yang memupuk kesedaran berpolitik di kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Lihat Memoir Ahmad Boestamam (2004), h.126.

<sup>127</sup> Akhbar *Voice of the People* telah diterbitkan pada bulan Oktober 1945 yang dikendalikan oleh Haji Abdul Latif bin Haji Abdul Majid dan Salleh Daud. Akhbar ini merupakan terjemahan dari akhbar *Suara Rakyat*. Isi dan kupasan *Voice of the People* adalah sama, pedas dan menyengat. Akhbar ini sangat berpengaruh dari segi politik dan penyebarannya yang sangat luas. Berjaya memberikan kesedaran dan mengajak rakyat bangkit dan turut serta dalam perjuangan kemerdekaan. Walaupun usia akhbar ini hanya beroperasi kira-kira empat tahun (1945-1949), namun begitu impaknya cukup besar. Kesannya berpanjangan sehingga zaman merdeka dan pascamerdeka. Lihat Akhbar *Voice of the People*, 16 November 1945, h. 1. Lihat juga Memoir Ahmad Boestamam (2004), h. 126-131.

<sup>128</sup> Ramlah Adam (1993), *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, h. 2.

Beberapa minggu selepas penubuhannya, cawangan pertama PKMM ditubuhkan di Simpang Empat, Kampar, Perak. PKMM mula berkembang pesat dengan diterajui oleh ahli jawatankuasa Melayu yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza-beza.<sup>129</sup> Kongres tersebut menggunakan slogan ‘MERDEKA’ dan warna ‘MERAH PUTIH’ sebagai semboyan dan lambang perjuangan. Pada tahun 1946, ibu pejabat PKMM berpindah ke Batu Road, Kuala Lumpur dan terus mula berkembang pesat melebarkan sayapnya ke serata negara termasuk Singapura.<sup>130</sup>

Pengaruh PKM dalam PKMM adalah sangat ketara. PKM mahu menjadikan PKMM sebagai ejen politik bagi meraih sokongan dan pengaruh dari kalangan orang Melayu. PKMM dilihat dapat membantu cita-cita PKM untuk menubuhkan sebuah kerajaan komunis di Tanah Melayu. Maka tidak hairanlah apabila PKM mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam PKMM. Mokhtaruddin Lasso<sup>131</sup>, ahli MPAJA atau PKI yang bekerjasama dengan PKM dilantik menjadi Presiden PKMM. Manakala Dr. Burhanuddin Al-Helmy pula menjadi naib presiden. Ahmad Boestamam yang juga merupakan ketua kumpulan bukan PKM pula dilantik sebagai Ketua Pemuda PKMM. Jelas melalui perlantikan ini bahawa PKM mahu mengekalkan saingan dan kekuatan golongan radikal Melayu.<sup>132</sup>

---

<sup>129</sup> Abdul Majid Salleh (2004), *Memoir Abdul Majid Salleh: Dalam PKMM dan Kesatuan Buruh*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 22.

<sup>130</sup> Abdullah C.D. (2005), *Op. Cit.*, h. 93-94.

<sup>131</sup> Mokhtaruddin Lasso merupakan bekas pejuang anti-Jepun dalam masa Perang Dunia II. Beliau merupakan pengasas PKMM. Beliau berasal dari Indonesia. Beliau merupakan seorang pejuang menentang penjajah yang berfahaman komunis. Semasa memimpin PKMM beliau juga seorang pejuang Parti Komunis Indonesia (PKI). Beliau melarikan diri daripada ditangkap oleh pihak penjajah Belanda ke Tanah Melayu dan menetap di Bidor, Perak. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab mendapatkan pembiayaan terhadap penerbitan akhbar Suara Rakyat dan Voice of The People. Untuk keterangan lanjut, rujuk Ramlah Adam (2000, h. 31-33), Abdul Majid Salleh (1991, h. 1) dan juga Ahmad Boestamam (1972, h. 7-15).

<sup>132</sup> Ramlah Adam (1994), *Op. Cit.*, h. 72-73.

Kongres PKMM diadakan untuk memilih ahli jawatankuasa agung sekali setiap tahun. Selain daripada jawatan-jawatan tertinggi seperti ketua satu, ketua dua, setiausaha satu, setiausaha dua dan bendahari, ahli jawatankuasa agung juga dipilih untuk mengetuai bahagian-bahagian yang dipanggil sebagai seksi, iaitu Seksi Pemuda, Seksi Wanita, Seksi Buruh, Seksi Tani dan Seksi Agama. Setiap seksi mempunyai fungsi tersendiri yang berbeza antara satu sama lain, tetapi mempunyai satu objektif yang sama iaitu menghalau keluar pihak Inggeris dari Malaya. Setiap ketua seksi diberi kuasa penuh untuk mentadbir seksi masing-masing. Ini bermakna prestasi sesebuah seksi itu sama ada mendapat sokongan atau tidak daripada rakyat adalah terletak pada kecekapan ketua seksi itu.<sup>133</sup>

Seksi pemuda PKMM bertanggungjawab terhadap pengambilan anggota baru yang terdiri daripada pemuda-pemuda dengan seramai yang mungkin. Seksi ini turut bertanggungjawab merancang tindakan untuk dilaksanakan bagi kepentingan parti. Pemimpin bagi seksi pemuda ini ialah Ahmad Boestamam. Ahmad Boestamam menubuhkan gerakan pemuda yang diberi nama Angkatan Pemuda Insaf (API). Identiti anggota API dapat dikenali melalui pakaian seragam ahlinya iaitu berseluar putih, kemeja putih lengan panjang berkocek dua tertutup dan bersongkok putih seperti tentera. Mereka juga mempunyai lagu patriotik sendiri yang bertajuk 'Darah Rakyat'.<sup>134</sup>

Pada 23 Disember 1946, dalam suatu mesyuarat agung PKMM di Melaka, API telah keluar secara rasmi dari PKMM dan bergerak secara sendiri di bawah pimpinan Ahmad Boestamam. Pemisahan API dari PKMM ini dilihat oleh pemerhati politik

---

<sup>133</sup> Abdul Majid Salleh (2004), *Op. Cit.*, h. 31.

<sup>134</sup> Abdul Majid Salleh (2004), *Op. Cit.*, h. 33.

sebagai membuktikan tanda tidak puas hati Ahmad Boestamam dengan kepimpinan PKMM.<sup>135</sup> Ahmad Boestamam mahu menjadikan API lebih radikal dan kuat daripada PKMM atas falsafah kepentingan pemuda sebagai tenaga penggerak politik masyarakat. Tetapi menurut Ahmad Boestamam sendiri, beliau mempunyai sebab politik yang munasabah atas tindakannya itu. Dalam memoirnya, beliau berkata keputusan tersebut dibuat setelah menimbang faktor sekiranya API diharamkan oleh pemerintahan Inggeris kerana sifat perjuangan yang separuh tentera dan revolusioner itu, maka PKMM tidak akan terlibat sama.<sup>136</sup>

Pada pertengahan tahun 1947, pengikut API dianggarkan antara 10 000 ke 15 000 orang. Pulau Pinang dan Singapura menjadi pusat kegiatan API yang terbesar ketika itu. API mempunyai pendekatan politik yang sangat radikal iaitu berjuang dengan senjata. Idea perjuangan ini sangat membimbangkan pihak British. Akhirnya pada 13 Mac 1947, Ahmad Boestamam telah ditangkap dan dituduh dengan tiga tuduhan iaitu mengeluarkan kata-kata menghasut orang ramai, menerbitkan penerbitan yang menghasut dan mencetak penerbitan menghasut. Beliau didapati bersalah selepas perbicaraan dan dijatuhkan hukuman penjara sembilan bulan atau \$1,200.00. Boestamam membayar denda tersebut.<sup>137</sup> Pada 30 Jun 1947, API diharamkan. API merupakan parti politik pertama yang diharamkan. Ramai berpendapat strategi Ahmad Boestamam yang terlalu terbuka dan terburu-burulah yang membawa kepada pengharaman API yang begitu cepat.<sup>138</sup>

---

<sup>135</sup> Ramlah Adam (1994), *Op. Cit.*, h. 148-149.

<sup>136</sup> Ahmad Boestamam (1972), *Merintis Jalan Ke Punca*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, h. 106.

<sup>137</sup> Ramlah Adam (1994), *Op. Cit.*, h. 167-170.

<sup>138</sup> Ramlah Adam (1994), *Op. Cit.*, h. 177.

### 3.3.2 Angkatan Wanita Sedar (AWAS)

Seksi wanita PKMM pula diketuai oleh Shamsiah Fakeh yang menggantikan Aishah Ghani. Pada mulanya gerakan ini digelar Bahagian Wanita PKMM yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada para wanita yang mempunyai kesedaran berjuang menentang penjajah Inggeris. Ketika mula-mula penubuhan PKMM, bahagian wanita parti itu dipimpin oleh Khatijah Ali.<sup>139</sup> Perkembangan bahagian wanita ketika itu agak perlahan kerana batasan suasana masyarakat. Apabila pusat PKMM berpindah ke Kuala Lumpur, Khatijah Ali tidak dapat ikut bersama. Lalu PKMM mencari tenaga baru bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut yang membawa kepada perantikan Aishah Ghani selaku Ketua Bahagian Wanita PKMM. Walau bagaimanapun, tidak lama selepas itu, Aishah Ghani menarik diri daripada PKMM. Shamsiah Fakeh dilantik sebagai gantinya menjawat jawatan Ketua Bahagian Wanita PKMM. Atas cadangan Ahmad Bosetamam, pertubuhan bahagian wanita PKMM ini diberi nama Angkatan Wanita Sedar (AWAS).<sup>140</sup>

Sebagai seorang yang baru bertugas mengetuai bahagian wanita PKMM, Shamsiah perlu banyak belajar daripada pemimpin PKMM di semua peringkat. Antaranya Shamsiah belajar cara-cara bekerja dan menimba pengalaman daripada mereka. Pada mulanya, beliau mengikuti beberapa orang pemimpin pergi ke merata tempat untuk memberi penerangan kepada mereka tentang perjuangan untuk mencapai

---

<sup>139</sup> Khatijah Ali yang berasal dari Perak merupakan ahli Jawatankuasa Pusat dan pemimpin bahagian wanita PKMM ketika awal penubuhan PKMM. Apabila PKMM berpindah ke Kuala Lumpur, Khatijah Ali tidak dapat turut serta dalam perpindahan itu lalu tempatnya sebagai pemimpin bahagian wanita parti diganti oleh Aishah Ghani. Selepas itu, Khatijah Ali bersama-sama dengan Aishah Ghani, Shamsiah Fakeh, Zainab Mahmud dan beberapa kader PKMM dan Jabatan Kerja Melayu dijemput mengikuti kursus Sekolah Marxis Malaya di Kuala Lumpur. Lihat Memoir Abdullah C.D (2005), h. 226-227.

<sup>140</sup> Abdullah C.D. (2005), *Op. Cit.*, h. 226.

kemerdekaan. Selain itu, memberi penerangan tentang perlunya kaum lelaki dan perempuan serta seluruh lapisan masyarakat Melayu supaya bersatupadu di dalam sebuah organisasi atau parti politik untuk berjuang menentang penjajah British demi mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.<sup>141</sup>

Secara rasminya Angkatan Wanita Sedar (AWAS) ditubuhkan pada tahun 1946 sebagai pergerakan wanita PKMM. Shamsiah Fakeh menjadi Ketua Umum dan Zainab Mahmud<sup>142</sup> menjadi Setiausaha kepada Shamsiah. Shamsiah sesuai dengan peranannya sebagai Ketua AWAS kerana beliau pandai berpidato dan mampu membangkitkan semangat dan kesedaran pada pendengarnya.<sup>143</sup>

Dalam usaha menggembelng tenaga kaum wanita, AWAS mencontohi semangat gerakan kaum wanita di Eropah yang lebih awal memperjuangkan hak dan kebebasan kaum wanita yang dipimpin oleh Clara Zetkin<sup>144</sup>. Selain itu juga, AWAS mencontohi gerakan wanita Indonesia dalam revolusi menentang penjajah Belanda. Gerakan kaum wanita Malaya di bawah pimpinan AWAS berpandukan perjuangan menuntut hak-hak yang adil bagi kaum wanita melalui perjuangan kemerdekaan tanah air.<sup>145</sup>

---

<sup>141</sup> Fatini Yaacob, *AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah*, Dewan Masyarakat, Mei 1991, h. 21.

<sup>142</sup> Zainab Mahmud berasal dari Raub, Pahang. Beliau merupakan adik kepada Norkiah Mahmud iaitu Ketua AWAS Pahang. Beliau adalah isteri kepada Musa Ahmad. Beliau pernah bergiat cergas dalam AWAS sebagai Setiausaha Kebangsaan. Beliau juga merupakan salah seorang pemimpin wanita PKM. Beliau berhijrah ke Peking bersama-sama suaminya. Akhirnya menyerah diri bersama-sama suaminya pada bulan November 1980. Untuk keterangan lanjut, lihat Momoir Abdullah C.D (2005, h. 227-228) dan Sabda S. dan Wahba (1981, h. 10 dan 17).

<sup>143</sup> Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mei 1991, h. 22.

<sup>144</sup> Clara Zetkin (15 Julai 1857-20 Jun 1933) merupakan seorang ahli politik sosialis Jerman dan juga merupakan pejuang hak-hak wanita. Beliau menyertai Parti Komunis Jerman (KPD) dan mewakili parti tersebut di Reichstag (1920-1933). Sangat aktif dan mempunyai hubungan luas dengan gerakan wanita dan gerakan buruh di Jerman. Lihat [en.wikipedia.org/wiki/Clara\\_Zetkin](http://en.wikipedia.org/wiki/Clara_Zetkin), diakses pada 10 Mei 2010.

<sup>145</sup> Abdullah C.D. (2005), *Op.Cit.*, h. 228.

AWAS berpegang pada pepatah “*tangan yang menghayunkan buaian itu boleh menggongcangkan dunia*” telah membuang belunggu feodalisme yang memandang kaum wanita itu sebagai ‘perhiasan’ atau ‘bunga’ semata-mata. Kaum lelaki juga turut menyokong gerakan kaum wanita.<sup>146</sup> Justeru itu, AWAS berkembang pesat di merata tempat di seluruh tanah air.

Di bawah pentadbiran Shamsiah, susunan wanita PKMM dalam AWAS menjadi lebih teratur dan maju. Bukan sahaja di negeri-negeri, malah wanita PKMM juga turut terdapat di kampung-kampung. Shamsiah selaku Ketua AWAS sering bergerak bersama-sama dengan API ke merata negeri sehinggakan setiap negeri yang mempunyai cawangan API akan turut mempunyai cawangan AWAS.<sup>147</sup>

Pada mulanya Shamsiah pergi ke pertemuan atau perhimpunan kaum wanita, pemuda atau kaum lelaki yang menyokong PKMM, API dan AWAS di serata tempat di Malaya. Beliau pergi bersama-sama Ahmad Boestamam, Musa Ahmad dan kadang kala bersama dengan ketua PKMM iaitu Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Beliau juga pernah menghadiri satu perhimpunan orang ramai di Pulau Pinang yang dihadiri seramai lebih kurang seribu orang. Selepas beliau menyampaikan ucapan, beliau mendapat sambutan yang menggalakan daripada orang ramai yang hadir dalam perhimpunan tersebut.<sup>148</sup>

Sebagaimana pemimpin PKMM yang lain, mereka mempunyai didikan agama yang tinggi termasuk Shamsiah Fakeh. Justeru, setiap ucapan atau pidato yang

---

<sup>146</sup> Fatini Yaacob, *AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah*, Dewan Masyarakat, Mei 1991, h. 22.

<sup>147</sup> *Ibid.*

<sup>148</sup> *Ibid.*

disampaikan oleh mereka akan disertakan dengan ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w mengenai peranan dan kedudukan wanita dalam Islam. Shamsiah sering menggunakan contoh-contoh kegiatan para isteri Rasulullah S.A.W di luar rumah dalam bidang ilmu sebagai contoh teladan. Isi pidato-pidato Shamsiah mengandungi perangsang semangat untuk menyedarkan wanita-wanita kampung tentang keperluan membangunkan diri masyarakat dan memerdekakan negara. Apabila berpidato secara umum melibatkan lelaki, Shamsiah seringkali menekankan soal kesedaran membebaskan tanah air dari penjajah dengan menjadikan negara-negara yang turut berjuang menentang penjajahan seperti Burma, India dan Vietnam sebagai rujukan.<sup>149</sup>

Setelah sekian lama, organisasi PKMM termasuk bahagian wanita dan pemudanya yang tertubuh di beberapa tempat mulai bergerak secara bersendirian, tidak lagi mengikuti pemimpin PKMM yang lain. Begitu juga dengan Shamsiah, beliau sudah mengenal ramai pemimpin dan aktivis di beberapa buah tempat di Malaya. Ini memudahkan lagi Shamsiah untuk berhubung dengan pemimpin tempatan. Selain itu, Shamsiah semakin berani dan bergerak cergas dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah. Beliau juga mempunyai semangat yang tinggi dan berkobar-kobar untuk berjuang melawan penjajah British demi memperjuangkan kemerdekaan tanah airnya.<sup>150</sup>

---

<sup>149</sup> *Ibid.*

<sup>150</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim pada 2 April 2011, pukul 5petang di kediaman ibunya, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Encik Hazman merupakan kenalan rapat kepada keluarga Shamsiah Fakeh. Hal ini disebabkan ayah encik Hazman iaitu encik Hashim merupakan anak angkat kepada Fakeh iaitu ayah Shamsiah. Hubungan mereka sangat rapat sehingga anak-anak mereka sekarang. Beliau juga adalah salah seorang yang banyak membantu adik Shamsiah iaitu Haji Ramli untuk membawa Shamsiah pulang ke tanah air.



Gerakan AWAS berkembang seiring dengan kesedaran masyarakat untuk kemerdekaan. AWAS akan ikut serta dalam segala aktiviti-aktiviti politik seperti perarakan, perhimpunan dan sebagainya yang bersifat memperjuangkan kemerdekaan. Sehingga menjelang darurat, anggota AWAS berjumlah lebih enam ribu orang dan cawangannya lebih enam puluh buah di seluruh negara. Ketika berdirinya PUTERA-AMCJA. AWAS memainkan peranan sebagai salah satu anggota PUTERA yang memperkuat barisan hadapan persatuan tersebut. Oleh itu, AWAS bersama-sama dengan pertubuhan lain telah memberikan sumbangan besar kepada gerakan kemerdekaan Malaya.<sup>151</sup>

Aktiviti AWAS tidak terbatas pada gerakan politik semata-mata tetapi banyak bahagian AWAS turut mengadakan gerakan yang bersifat sosial dan ekonomi. Di Temerloh, Pahang umpamanya, salah satu cawangan AWAS di situ menubuhkan bendang syarikat. Mereka mengumpul dan menumbuk padi untuk dijual, membuat kerja kraf-tangan dan lain-lain. Selain itu, mereka mengutip derma, membuat petunjukan pentas yang membakar jiwa penonton dan lain-lain. Ada juga cawangan AWAS yang mengadakan syarikat kerjasama, menganjurkan semangat gotong-royong, memelihara ayam itik, mengumpul padi dan menumbuknya jadi beras, mengutip derma dan sebagainya. Hasil kewangan yang diperolehi akan diserahkan kepada organisasi sebagai sumbangan kepada perjuangan.<sup>152</sup>

---

<sup>151</sup> AMCJA berasal daripada Council of Joint Action (CJA) yang diasaskan pada 13 Disember 1946 di Singapura oleh MDU. Pada tanggal 22 Disember 1946 ia telah dikembangkan di Tanah Melayu dan diberi nama All Malayan Council of Joint Action yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock. Rujuk Mohd. Isa Othman (2002, h. 310, 333 dan 334).

<sup>152</sup> Fatini Yaacob, *AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah*, Dewan Masyarakat, Mei 1991, h. 23.

Disebabkan PKMM merupakan parti yang dianggotai oleh golongan rakyat biasa, bukan golongan bangsawan atau elit Melayu, maka mereka sering menghadapi masalah kewangan dalam pergerakan politik mereka. Adalah sukar untuk mengutip wang kerana pendapatan penduduk kecil dan tidak menentu. AWAS banyak memainkan peranan penting dalam memberi sumbangan untuk menghadapi masalah tersebut. Kaum wanita yang bekerja di sawah atau menoreh getah sentiasa memperuntukkan sejumlah kecil pendapatan harian mereka. Manakala wanita yang tidak bekerja pula mengasingkan segenggam beras ke dalam bekas setiap kali memasak supaya boleh dikumpul pada hujung bulan. Beras ini kemudiannya dijual bagi mendapatkan wang untuk parti. Seluruh cawangan di setiap negeri bergerak aktif mengumpul wang melalui cara ini. Selain itu, setiap kali mesyuarat, Shamsiah akan meminta supaya para wanita boleh menderma apa sahaja yang terdaya sama ada wang atau barang kemas. Ada antara wanita-wanita ini melucutkan rantai, gelang dan cincin yang dipakai untuk dijual bagi kegunaan parti. Melalui kutipan bulanan seperti inilah, AWAS telah memberi sumbangan besar kepada parti.<sup>153</sup>

Di bawah pimpinan Shamsiah Fakeh, AWAS mengatur program kesedaran untuk wanita-wanita kampung agar maju dari segi ilmu dan pemikiran agar mengenal dunia luar dan tidak terbatas pada aktiviti dapur sahaja. Shamsiah mengatur kelas-kelas belajar menulis dan membaca untuk wanita yang buta huruf, kelas-kelas memasak dan menjahit serta kelas menghias diri agar wanita-wanita kampung boleh membawa diri dalam apa jua majlis. Setiap orang juga disuruh membeli dan membaca surat khabar

---

<sup>153</sup> Fatini Yaacob, *AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah*, Dewan Masyarakat, Mei 1991, h. 22.

supaya peka dengan persoalan dunia sebagai satu usaha untuk mendekati wanita dalam bidang ilmu dan maklumat.<sup>154</sup>

Kali pertama wanita Malaya menyambut Hari Wanita ialah pada 8 Mac 1947 di bawah anjuran AWAS. Perayaan itu bersempena dengan Kongres AWAS di Kajang, Selangor, kemudian aktiviti perayaan diadakan di Jenderam dan Ulu Langat, Selangor. Kongres Kebangsaan AWAS itu mendapat sambutan yang hangat dari orang ramai. Ikut hadir dalam kongres itu bukan sahaja anggota AWAS, tetapi juga anggota API, PKMM dan kesatuan buruh berbilang kaum. Mengikut laporan yang disampaikan kepada kongres itu, AWAS mencapai perkembangan dengan keahliannya mencapai kira-kira tiga ribu orang anggota sejak ditubuhkan sehingga Mac 1947.<sup>155</sup>

Pada perayaan yang diadakan di Jenderam, Shamsiah dan beberapa orang pemimpin PKMM termasuk Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Abdullah C.D ikut serta. Perayaan itu dihadiri oleh tujuh ratus orang lebih, kebanyakannya penyokong PKMM, API dan AWAS dari Selangor. Selain diadakan mesyuarat dan rapat umum, juga diadakan perarakan dan pameran kraf tangan kaum wanita, manakala sebelah malamnya diadakan pertunjukan pentas. Ketua AWAS di situ ialah Fatimah Hj. Abu Kassim, manakala anak lelakinya menjadi orang kuat API. Kongres AWAS yang pertama diadakan pada 10-12 Oktober 1947 di Panggung Queen, Kajang, Selangor untuk memilih anggota Dewan Pusat AWAS. AWAS terus berkembang seiring dengan perkembangan PKMM dan API.<sup>156</sup>

---

<sup>154</sup> Lihat Fatini Yaacob, *Temubual Aishah Hussein : Shamsiah Mengambil Alih Ketua AWAS daripada Aisyah Ghani*, Dewan Masyarakat, April 1991, h. 27.

<sup>155</sup> Khairil Abdul Rahim, *Belasungkawa Shamsiah Fakeh*, surat khabar Era Baru, 19 Jun 2009, h. 14.

<sup>156</sup> Abdullah C.D. (2005), *Op.Cit.*, h. 230.

Bersempena kongres PETA pada bulan April 1948, PETA, AWAS, PKMM dan BTM telah mengadakan perarakan secara besar-besaran di Temerloh, Pahang. Officer in Charge of Police District (OCPD) British cuba menghalang dan menggertak mereka. Namun demikian, peserta perarakan itu terus mara dengan gagah perkasa tanpa mengendahkan OCPD itu. Seorang anggota AWAS yang membawa bendera telah membelasah OCPD itu dengan tiang bendera sehingga OCPD itu rebah dan akhirnya terpaksa berundur.<sup>157</sup>

Apabila diisytiharkan undang-undang Darurat, AWAS dan lain-lain pertubuhan patriotik-demokrasi yang memperjuangkan kemerdekaan telah diharamkan oleh penjajah British. Ini tidak bererti perjuangan kaum wanita telah tamat. Semangat mereka semakin berkobar-kobar untuk menentang penjajah British. Mereka telah menyertai pasukan gerila bagi membantu kaum lelaki dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Undang-undang Darurat penjajah tidak dapat menundukkan tekad juang kaum wanita. Contohnya, di kampung Temerloh kaum wanita dengan penuh semangat mengadakan gerakan mengutip derma yang dinamakan gerakan ‘beras tempayan’. Dalam gerakan ‘beras tempayan’ ini, mereka menyimpan segenggam beras setiap kali menanak nasi untuk membantu pasukan gerila yang kesukaran mendapatkan makanan ketika itu. Di samping itu, mereka menampal poster dan lain-lain untuk menyokong perjuangan bersenjata.<sup>158</sup>

---

<sup>157</sup> *Ibid.*

<sup>158</sup> *Ibid.*

Seksi buruh pula diketuai oleh Abdullah C.D. Pertubuhan buruh ini digelar Pan Malayan Federation of Trade Union (PMFTU). Nama ini dipilih atas faktor pertubuhan ini bergabung dengan pertubuhan buruh antara kaum di Malaya. Gerakan PMFTU meliputi semua jenis buruh seperti buruh ladang, kilang, kedai runcit, kedai makan, hospital dan lain-lain pekerjaan makan gaji. PMFTU juga bergabung dengan gerakan buruh kiri sedunia, World Federation of Trade Union (WFTU). Gerakan buruh kiri ini adalah sangat ditakuti oleh pihak kapitalis kerana kesatuan kaum buruh boleh merubah corak politik sesebuah negara dalam masa yang singkat. Seksi atau jabatan lain yang turut terdapat dalam PKMM ialah seksi tani, agama dan sosial.<sup>159</sup>

### 3.3.3 Parti Komunis Malaya (PKM)

V.I.Lenin<sup>160</sup> telah mengutarakan satu bentuk perjuangan yang terangkum dalam strategi komunis semasa membentangkan tesisnya pada April 1917 yang menyentuh kedudukan Parti Bolshevik. Beliau cuba mewujudkan satu persatuan gabungan antara kaum proletar<sup>161</sup> barat dengan pihak revolusioner di Timur. Cita-cita Lenin akhirnya

---

<sup>159</sup> Abdul Majid Salleh (2004), *Op Cit.*,h. 40-41.

<sup>160</sup> Vladimir Ilich Lenin (1870-1924) adalah pengasas kepada penubuhan negara Soviet Rusia, dan merupakan Bapa Politik Soviet. Beliau juga yang merupakan seorang pengarang, penyunting dan wartawan yang dilahirkan di Simbirsk pada tahun 1870, dan pernah menuntut ilmu undang-undang di University Kzan. Bersama-sama seorang teman, Martov beliau telah menubuhkan sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai Kesatuan Pembebasan Kelas Pekerja Saint Peterburg (St. Peterhurg Union of Struggle for Liberation of the Working Class). Pada tahun 1898 Lenin telah berjaya menyiapkan sebuah buku berjudul Development of Capitalism in Rusia. Sebenarnya Lenin telah banyak menulis dan antara buku-buku yang berjaya dihasilkan termasuklah, Imperialisme: Peringkat Paling Tinggi Dalam Kapitalisme ( Imperialism: The Highest Stage of Capitalism) pada tahun 1916; Negara dan Revolusi ( The State and Revolution ) pada tahun 1917. Beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi Dewan Komissar Rakyat. Lihat R.H. W. Theen, Lenin (1965), *New Jersey: The Life of Lenin*, London: Weidenfeld and Nicolson, h. 31-37.

<sup>161</sup> Kaum proletar merupakan rakyat murba yang paling dhaif kedudukannya dalam struktur sosial masyarakat. Mereka mudah terdorong melakukan pemberontakan memandangkan darjat dan penderitaan yang mereka alami. Mengenai pergelutan kelas proletar dan borjuis( kelas yang berkuasa), sila lihat C. Hunt, *The Theory and Practice of Communism*, London: G.Bles, 1957, h. 399-408; juga T. Timorfeer, “Marx and Working Class Development, *Symposium on Karl Marx*”, hlm.224-235;A.Z. Abidin (1977), *Bahaya Komunisme*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h.48-56.

berhasil dengan kelahiran Komunis Antarabangsa atau lebih dikenali sebagai Komintern ( *Comintern atau Third Communist International* ) pada bulan Mac 1919 di Moscow.<sup>162</sup> Ia menandakan satu babak baru dalam menjayakan skema dan strategi komunis untuk melancarkan kempen revolusi, khususnya untuk dunia Timur.<sup>163</sup>

Kehadiran Komintern di Timur selari dengan arus gelombang gerakan nasionalisme yang melanda Asia. Ini memberi peluang kepada komunis melancarkan strategi unggul mereka yang dikenali sebagai pemberontakan demokratis nasional ( *national democratic revolution* ).<sup>164</sup> Kini pandangan komunis tertumpu ke Timur bagi menyemai benih-benih komunisme. Kelahiran badan Komunis Antarabangsa pada tahun 1919 di Moscow telah mendekatkan lagi dunia Timur ke dalam rangka strategi komunis untuk mengkomunikasikan dunia. Menjelang abad yang ke-20 Timur sudah pun menunjukkan kematangannya untuk menyahut kehendak dan seruan Komintern. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa kehadiran badan komunis tersebut memberi suatu

---

<sup>162</sup> Lihat J. Degras, *The Communist International 1919-1922*, London: Oxford University Press, 1956. Vol. 1 hlm. 17-19; juga Lenin, *On the study of the International Communist Movement*, Moscow: Progress Publisher, 1966, hlm. 95-99; Milorad M. Drachkovitch and Branko Lazitch, *The Comintern: Historical Highlights. Essays, Recollections, Document*, New York: Frederick A. Praeger Publishers, 1966; Kermit E. Mckenzie, *Comintern and World Revolution, 1928-1947*, London: Columbia University Press, 1964; R.A. Ulyanovsky, *The Comintern in the East*, (ed), Moscow: Progress Publisher, 1979, hlm. 6-7. The International telah ditubuhkan pada tahun 1865, sementara The Second International wujud pada tahun 1889. Pada tahun 1943 Stalin telah membubarkan The Third International, tetapi selepas Perang Dunia Kedua, iaitu pada 15 Oktober, beliau menubuhkan pula Cominform bagi tujuan memperkukuhkan kedudukannya serta pengaruh di kalangan Negara-negara Eropah Timur. Cominform terdiri daripada Parti-parti Komunis Rusia, Yugoslavia, Bulgaria, Rumania, Hungary, Poland, France, Italy dan Czechoslovakia. Kenaikan Khrushchev pada April 1956 pula menyaksikan pembubaran Cominform. Lihat Chang Nine-chen, *Studies on Communism*, Taipei: The Fu Hsing Kang College, h.31-33.

<sup>163</sup> Lihat R.A. Ulyanovsky, *the Comintern in the East*. h. 7. Dunia Timur yang dimaksudkan disini tidak hanya merujuk kepada negeri-negeri asia yang tertindas, tetapi termasuk negeri-negeri colonial yang dijajah dan tertindas termasuklah Afrika dan Amerika Selatan.

<sup>164</sup> Lihat R.A. Ulyanovsky, "The Great Victory of October 1917, The Comintern and the Social Revolution of the 20<sup>th</sup> Century", (ed) *The Comintern and the East. The Struggle for the Leninist Strategy and Tactics in Nationale Libetration Movement*, Moscow : 1979, h. 5-15; juga J.H. Brimmell, *Communism in South East Asia: A Political Analysis*, h. 16.

petanda yang baik ke atas cita-cita mereka untuk melancarkan revolusi dunia secara terus iaitu melalui pemberontakan bersenjata (*armed insurrection*).<sup>165</sup>

Selain itu, ideologi Karl Marx pula iaitu komunisme merupakan ideologi politik kelas proletariat atau kelas pekerja yang memperjuangkan penubuhan masyarakat tanpa kelas, bebas penindasan dan memilik negarakan tanah melalui pemilikan serta kawalan ke atas ekonomi, politik dan sosial. Ideologi komunisme yang dicetuskan oleh Karl Marx ini bertujuan menyelesaikan masalah golongan proletariat yang menurut Marx ialah pengeluar utama kekayaan dalam struktur masyarakat. Hanya dengan menolak eksploitasi oleh kelas kapitalis<sup>166</sup>, barulah masyarakat akan bebas tanpa pembahagian kelas dan kaum. Komunisme mula diterapkan sebagai orde baru dan disebarkan sebagai ideologi ke seluruh dunia selepas berlakunya Revolusi Bolshevik pada 7 November 1917 di Rusia. Ideologi komunisme yang menolak kewujudan Tuhan ini bagaimanapun tidak mendapat sambutan daripada ramai penduduk yang mempunyai anutan agama.<sup>167</sup>

Kesedaran rakyat negara tanah-tanah jajahan mula meningkat dengan ketara apabila memasuki abad ke-20. Gerakan-gerakan kemerdekaan mula terdapat di Asia Tenggara. Revolusi-revolusi yang berlaku seperti revolusi Indonesia, revolusi Rusia, revolusi China dan lain-lain telah mempengaruhi gerakan kemerdekaan di Tanah

---

<sup>165</sup> Lihat J. Degras, *The Communist International*, hlm. 17-19; Lenin, *On the Study of the International Communist Movement*, Moscow : Progress Publisher, 1966, h. 95-99; C.D. McLane, *Soviet Strategies in Southeast Asia*, h. 131-134.

<sup>166</sup> Kapitalisme merupakan suatu sistem ekonomi yang bercirikan hak milik secara persendirian dan pengeluaran barang-barang kegunaan atas motif mencari keuntungan. Ia juga menitikberatkan corak usahawan secara bebas, dan penglibatan kerajaan negeri adalah terbatas. Bagi butiran lanjut mengenai kapitalisme dan perkembangannya sila rujuk J.A. Schumpeter, *Capitalism, Socialism and Democracy*, London : Unwin University Books, reprinted, 1966, F. Braudel, *Capitalism and Material Life*, London : Weidenfeld and Nicolson, 1971 ; J.E. Vaizeu, *Capitalism*, New York : Praeger Publisher, 1971. Bagi melihat perhatian Marx tentang "Capitalist society and the formation labour theory of value", sila lihat V.I. Lenin, *Selected Works*, h. 325-329.

<sup>167</sup> Bunyan, James and H. H. Fisher (1934), *The Bolshevik Revolution*, Stanford University, Stanford University Press, h.15-22.

Melayu. Pada 30 April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditubuhkan di Singapura sebagai kesinambungan penubuhan Parti Komunis Nanyang pada 1922. Walaupun PKM merupakan parti kelas proletariat, parti ini pada awalnya dianggotai oleh orang Tionghua. Tokoh-tokoh Melayu ketika itu pula menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada tahun 1938. KMM merupakan parti politik Melayu pertama di Tanah Melayu.<sup>168</sup>

Shamsiah telah disahkan menjadi anggota PKM iaitu pada tahun 1948. Sebelum Shamsiah menjadi anggota PKM yang sah, pelbagai ujian yang dijalankan oleh Shamsiah tanpa pengetahuannya. Pada masa itu tidak ada momok tentang komunis dan PKM adalah diharamkan dan ketika itu juga terdapat Pejabat Perwakilan PKM di Foch Avenue, Kuala Lumpur.<sup>169</sup> Justeru itu, ramai orang Melayu yang menyertai PKM untuk berjuang menentang pihak penjajah. Antaranya ialah Wahi Anuwar, Musa Ahmad, Rashid Maidin<sup>170</sup>, Kamarulzaman<sup>171</sup>, Abdullah C.D termasuk Shamsiah Fakeh dan lain-lain lagi.

---

<sup>168</sup> Malcolm Caldwell (1977), *Malaya: The Making of a Neo-colony*, Nottingham: Bertrand Russell Peace Foundation, h. 265.

<sup>169</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 53.

<sup>170</sup> Rashid Maidin berasal dari Gopeng, Perak merupakan seorang pejuang haluan kiri yang dilabelkan sebagai berfahaman komunis. Beliau merupakan tokoh komunis yang berpotensi pada waktu itu. Malah pernah terpilih mewakili PKM untuk menghadiri Persidangan Parti-parti Komunis Antarabangsa di London pada tahun 1947. Beliau juga pernah mewakili PKM dalam Persidangan Perdamaian di Baling, Kedah pada tahun 1955. Rashid Maidin ditangkap pada Oktober 1948 di Teluk Anson, Perak dan ditempatkan bersama-sama Cikgu Mohd. Yusof Ayob di lokap Balai Polis Teluk Anson, Perak selama dua minggu. Kemudian beliau dipenjarakan di Penjara Taiping selama tiga bulan dan seterusnya ditahan di Pulau Jerjak selama satu tahun, sebelum dihantar ke Kem Tahanan Politik British, Tanjung Beruas, Melaka tetapi berjaya melarikan diri dari sini. Beliau merupakan seorang politikus Melayu yang berfahaman Marxis dan pernah memberi ceramah politik di Maahad II Ihya As-Sharif, dalam Kem Tahanan Tanjung Beruas serta kepada anggota-anggota PKM di dalam hutan khususnya semasa berjuang dalam Rejimen ke-10 PKM. Beliau kemudian menetap di Selatan Thailand. Beliau turut dipilih sekali lagi mewakili PKM dalam Persidangan Perdamaian Kedua pada tahun 1989 antara PKM, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand. Beliau meninggal dunia ketika berusia 88 tahun pada 2 September 2006. Untuk keterangan lanjut, baca keseluruhan, Ahmad Boestamam (1972), Cheah Boon Kheng (1982, h.22), Chen Peng (2003) dan Abdullah C.D.(1998). Baca juga Abu Samah Mohd. Kassim (1996, h. 105-106) dan Utusan Malaysia, 3 September 2006, h.2.



Sekitar April 1948, keadaan mulai tegang dan perjuangan kaum buruh ditindas hebat. Shamsiah cuba mencari pemimpin tertinggi PKMM seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Ishak Haji Muhammad<sup>172</sup> untuk mendapat pendapat mereka mengenai perjuangan. Namun, Shamsiah tidak dapat menemui seorang pun ahli tertinggi PKMM sedangkan sebelum ini beliau selalu berhubung dengan mereka. Wahi Anwar dan Musa Ahmad memberitahu Shamsiah bahawa mereka semua terpaksa meninggalkan Kuala Lumpur dan pergi menyembunyikan diri dengan cara berundur ke kampung kerana keadaan terlalu tegang dan kemungkinan mereka akan ditangkap oleh penjajah British. Shamsiah bersama-sama dengan mereka berundur ke kampung Lubuk Kawah di Termerloh, Pahang. Mereka hidup bergerila di Kampung Kawah itu selama sebulan dan jika tentera penjajah datang mereka akan berundur ke pinggir hutan yang berdekatan sehinggalah penjajah itu pergi.<sup>173</sup>

---

<sup>171</sup> Kamarulzaman dilahirkan di Kampung Tanjung Brogan, Mukim Sanggang, Temerloh, Pahang pada tahun 1920. Pada tahun 1940 dan 1941, beliau berkhidmat di Serdang sebagai Malay Agriculture Subordinate (Pegawai Rendah Pertanian). Beliau menubuhkan API Pahang pada tahun 1946 dan beliau menjadi Ketua I. Setelah API diharamkan beliau menubuhkan PETA. Pada bulan Oktober tahun 1947, beliau dilantik sebagai wakil PKM yang terbuka dan bertugas di bahagian Pantai Timur. Beliau ditangkap oleh penjajah pada 20 Jun 1948 di Temerloh. Beliau dihantar ke Penjara Pudu, Kuala Lumpur kerana bapa beliau membuat rayuan kepada Sultan Pahang dan dapat pengampunan Sultan, maka hukuman mati kerana memiliki pistol telah diubah menjadi penjara seumur hidup. Beliau dibebaskan pada tahun 1962 dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan. Setelah keluar penjara, beliau bekerja di Temerloh Bus Company. Selepas itu, beliau menjadi anggota Parti Sosialis Rakyat Malaya. Beliau dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pusat selama 9 tahun dari 1981 hingga 1989. PSRM pernah melantik beliau menjadi calon Parlimen Temerloh dalam pilihanraya pada tahun 1974. Lihat Suriani Abdullah (1999), *Rejimen Ke-10 dan Kemerdekaan*, Nan Dao Publisher, Hong Kong, h. 268-169.

<sup>172</sup> Ishak Hj. Muhammad (14 November 1909 – 7 November 1991) atau lebih dikenali sebagai Pak Sako. Beliau di lahirkan pada tahun 1909 di Kampung Bukit Gantang, Temerloh, Pahang. Beliau merupakan seorang penulis yang giat menulis sekitar tahun 1930-an hingga 1950-an. Beliau adalah seorang nasionalis negara. Kelibatnya bermula pada era sebelum kemerdekaan dan pascamerdeka. Gagasan yang ingin diperjuangkan oleh Pak Sako ialah penyatuan Melayu Raya yang mana Indonesia, Malaysia dan Brunei disatukan dalam satu serumpun. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Penolong Pegawai Daerah, Majistret Kelas iii dan guru bahasa sebelum menyertai dunia penulisan. Beliau banyak menghasilkan novel, cerpen, esei dan memoir serta turut menulis rencana untuk akhbar kumpulan Utusan Melayu. University Malaya telah menganugerahkan kepada beliau Ijazah Kehormat Doktor Persuratan pada 29 Jun 1973. Pada 29 Mei 1976, beliau menerima anugerah “Pejuang Sastera” daripada Perdana Menteri. Beliau meninggal dunia pada tahun 1991 di Kampung Jawa, Hulu Langat, Selangor. Lihat lanjut, Ishak Hj Muhammad (1997), *Memoir Pak Sako Putera Gunung Tahan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 29, 124, 136, 100, 250 dan 251.

<sup>173</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 52-53.

Pada akhir Mei 1948 hingga Jun 1948, satu latihan militer, kursus politik dan ideologi telah diadakan di hutan Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang. Kem ini dihadiri oleh kader Melayu PKM dari seluruh Malaya. Shamsiah dan Zainab Mahmud juga telah ikut serta dalam kem tersebut. Kem Se-Malaya ini dipimpin oleh PKM dan kem ini diketuai oleh seorang wakil Jawatankuasa Pusat PKM, seorang Cina yang memakai nama Melayu iaitu Haji Hashim. Nama sebenarnya ialah Chen Nan. Haji Hashim ialah wakil jawatankuasa Pusat PKM yang bertanggungjawab memimpin pekerja di bahagian Melayu. Beliau juga memimpin kader-kader Melayu di peringkat pusat seperti Abdullah C.D., Kamarulzaman Teh, Rashid Maidin, Musa Ahmad dan Wahi Anuwar. Mereka semua juga turut serta dalam kem ini. Lebih kurang 30 orang yang hadir di kem ini dan hanya dua orang wanita sahaja yang menyertai kem ini iaitu Shamsiah dan Zainab Mahmud.<sup>174</sup>

Di Kem Se-Malaya ini telah diadakan berbagai-bagai kursus tentang soal menyusun massa, mengenai pembekalan bahan makanan, membentuk tentera, latihan asas militer dan lain-lain lagi. Setelah tamat Kem Se-Malaya ini, kader-kader telah kembali ke negeri masing-masing untuk menjalankan tugas-tugas yang telah ditetapkan. Pada 20 Jun 1948, Undang-undang Darurat telah diisytiharkan di seluruh Malaya. Semasa undang-undang itu diisytiharkan ramai kader-kader dan anggota parti dari pertubuhan patriotik dan demokratik haluan kiri telah ditangkap oleh pihak berkuasa penjajah British. Undang-undang tersebut telah mengharamkan parti-parti dan pertubuhan yang berhaluan kiri seperti PKM, PKMM, AWAS, PETA, Barisan Tani Malaya (BATAS), Hisbul Muslimin, Liga Pemuda Demokrasi (NDYL), Kesatuan

---

<sup>174</sup> O'balance, Edgar (1966), *Malaya : The Communist Insurgent War*, Hamden, Connecticut : Archon Books, h. 160.

Buruh dan lain-lain lagi. Ramai pejuang kemerdekaan yang terdiri daripada lelaki dan wanita telah ditangkap, ditahan di seluruh Malaya, diseksa, dihukum gantung dan dibuang negeri.<sup>175</sup>

Pejuang yang terkenal seperti Ishak Muhammad, Ahmad Boestamam dan ramai lagi telah ditangkap dan dihukum. Selain itu, tiga kader PKM iaitu Abdullah C.D. , Kamarulzaman Teh dan Rashid Maydin telah ditangkap oleh pihak berkuasa penjajah British di kawasan Bentan, Pahang Utara. Setelah semua pertubuhan kiri diharamkan, maka hanya tinggal UMNO sahaja yang berjuang menuntut kemerdekaan. UMNO kemudian semakin maju dan berani ke hadapan setelah ramai pemuda mengubah haluan dan menyertai UMNO. UMNO mula berubah dan tampil ke hadapan dengan slogan 'Merdeka'. Inilah yang dibanggakan oleh UMNO kerana mereka berjuang secara berperlembagaan.<sup>176</sup>

Penindasan penjajah British memberi kesan yang hebat kepada perjuangan yang berhaluan kiri. Hal ini kerana ramai pejuang kemerdekaan telah ditangkap, dihukum dan diseksa oleh pihak penjajah British. Selain itu, ramai pejuang yang terkurung dan tidak boleh bergerak bebas untuk berjuang. Walau bagaimanapun semangat perjuangan yang dimiliki oleh para pejuang untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu tidak padam dalam diri mereka. Zaman perjuangan secara damai atau berperlembagaan telah ditutup dan bermulalah zaman perjuangan bersenjata.<sup>177</sup>

---

<sup>175</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 54-56.

<sup>176</sup> *Ibid.*

<sup>177</sup> *Ibid.*

Terdapat ramai anggota AWAS atau penyokong PKMM menyertai perjuangan bersenjata bersama-sama Rejimen Ke-10. Antaranya, Shamsiah Fakeh (Ketua AWAS), Zainab Mahmud (Setiausaha AWAS), Siti Norkiah (Ketua AWAS Pahang), Saliha Mat Rani, Peah (Habsah), Juliah, dan lain-lain lagi. Mereka telah menjadi kader penting dalam Rejimen Ke-10. Ramai juga yang telah terkorban dalam pertempuran melawan penjajah British untuk memperjuangkan kemerdekaan tanah air.<sup>178</sup>

### **3.3.4 Rejimen Ke-10**

Selama berada dalam perjuangan bersenjata melawan imperialis British dari tahun 1948 hingga 1956, Shamsiah telah mengalami pelbagai kesulitan di dalam hutan. Antaranya, beliau telah mengalami peristiwa tiga kali sesat seorang diri di dalam hutan belantara. Beliau telah terputus hubungan dengan pasukan dan rakan-rakannya. Ini merupakan suatu pengalaman yang meninggalkan kesan yang mendalam dalam sanubari Shamsiah dan ini juga merupakan satu ujian yang penting bagi diri beliau dalam menempuh kesulitan-kesulitan di dalam perjuangan.<sup>179</sup>

Kenapa Shamsiah terpaksa masuk dan berjuang di dalam hutan bersama-sama dengan pihak komunis? Bagi mereka yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air, maka tiada pilihan lain lagi melainkan mereka berjuang mengangkat senjata untuk menggulingkan penjajah apabila jalan damai sudah ditutup. Pihak penjajah British telah menangkap dan mengharamkan semua pertubuhan dan parti-parti politik yang demokratik. Sesiapa yang terlibat akan ditahan, dipenjarakan dan dihukum gantung.

---

<sup>178</sup> *Ibid.*

<sup>179</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 57.

Justeru itu, mereka yang terlibat dalam parti politik yang berhaluan kiri terpaksa berjuang di dalam hutan bagi mengelakkan ditangkap oleh pihak British.<sup>180</sup>

Dalam istilah perjuangan komunis, perjuangan bersenjata merupakan keganasan.<sup>181</sup> Adalah menjadi kepercayaan dari kalangan komunis bahawa, “*war is almighty and guns come first*”.<sup>182</sup> Menurut Mao Tse-Tung pula, “... *the Communist party would get nowhere in China if it did not engage in armed struggle*”.<sup>183</sup> Dalam apa juga jenis peperangan sama ada konvensional atau bukan konvensional tentera amatlah diperlukan. Begitu juga dengan komunis, mereka memerlukan tentera bagi melaksanakan revolusi mereka. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, ‘*people’s troops*’-tentera yang berakar umbinya rakyat jelata, yang dibentuk daripada rakyat sendiri. Justeru itu, dalam usaha untuk mengusir British dan mencapai kemerdekaan Tanah Melayu, komunis Melayu perlu mengikuti rentak perjuangan PKM, dan pembentukan sebuah badan militan komunis Melayu adalah sesuatu yang mesti dilaksanakan.<sup>184</sup>

Terdapat dua cara yang paling asas yang digunakan oleh komunis bagi merampas kuasa dan mengkomunikasikan dunia iaitu melalui barisan bersatu dan perjuangan bersenjata. Walaupun di negeri ini PKM telah gagal dalam skema barisan bersenjata melalui pakatan kerjasama PKM-MNP, namun mereka tetap berusaha serta

---

<sup>180</sup> Lihat rencana Fatini Yaacob, *PKM Seret Orang Melayu ke Hutan*, Minggu Malaysia, 30 Oktober 1994, h. 15.

<sup>181</sup> Keganasan merupakan sifat semulajadi bagi setiap anggota komunis. Karl Marx menyifatkan keganasan sebagai “the lever of revolution.” Marx, *Marx-Engels Collected Work*, Vol. XIII, hlm. 179. Lenin pula pernah menyatakan bahawa, “dictatorship of the proletariat”, itu sebenarnya suatu bentuk pemerintahan yang berunsurkan keganasan, lihat Wong Tzung-han, “An Appraisal of Communist Systems”, (dlm.) *Studies on Communism*, h. 56.

<sup>182</sup> Lihat Mao’s *Selected Work*, Vol. 1, hlm.18; juga Chang Nien-Chen, “A Study of Communist Strategy”, (dlm.) *Studies on Communism*, h. 100-101.

<sup>183</sup> Mao Tse-tung, “Problem of War and Strategy”, (dlm.) *Mao Tse-tung Selected Work*, Vol. II, h. 531.

<sup>184</sup> Chang Nien-chen, *Comparative Study on Communism*, h. 39-40.

bertekad untuk meneruskan strategi perjuangan bersenjata. Bagi komunis perjuangan bersenjata (armed struggle), “*is the superlative form of struggle for seizing political power and establishing proletarian dictatorship by the proletariat.*”<sup>185</sup> Asas utama bagi mencapai hasrat tersebut, PKM perlu mewujudkan tentera rakyat dengan membawa orang Melayu bersama-sama secara terus ke gelombang perjuangan menentang imperialisme British di Tanah Melayu.<sup>186</sup>

Tentera rakyat ini mestilah sepenuhnya dikuasai oleh sebuah parti komunis, maksudnya di sini ialah PKM. Tentera rakyat ini juga bertanggungjawab dalam apa juga pertempuran, menjalankan kerja-kerja massa, menguruskan hal ehwal yang dikehendaki Parti, misalnya pengeluaran risalah dan propaganda komunis. Paling utama tentera rakyat ini akan kerap bertukar wajah, dipecahkan dan menjadi anggota tempur dan anggota Min Yuen.<sup>187</sup> Kira-kira sebulan selepas British mengisytiharkan Darurat di Tanah Melayu, pihak PKM pula telah mengeluarkan satu direktif bagi menjelaskan reaksi komunis terhadap segala tindakan British. Isyaratnya bahawa komunis tidak akan tunduk kepada segala tekanan. Malahan PKM akan mengembleng seluruh tenaga rakyat, terutama orang Melayu dalam menentang imperialisme British.<sup>188</sup>

Musa Ahmad, Wahi Anuwar dan Abdullah C.D. telah dipanggil oleh Haji Hashim untuk pertemuan awal, sebelum dibawa menemui Chin Peng<sup>189</sup>. Ketiga-tiga tokoh komunis Melayu tersebut telah diberitahu oleh Chin Peng bahawa orang Cina dan

---

<sup>185</sup> Hsiang Chin Chin, “Intelligence Warfare”, h.149.

<sup>186</sup> *Ibid.*

<sup>187</sup> Kenyataan Musuh Serah Diri (Surrendered Enemy Personnel, SEP) Chung Mui Choi @ Pak Mui, Ibu Pejabat Cawangan Khas, Kedah/Perlis, bertarikh 18 Februari 1970.

<sup>188</sup> *Ibid.*

<sup>189</sup> Chin Peng merupakan anak kelahiran Setiawan, Perak dan terdedah dengan ideology komunis semasa di bangku sekolah lagi. Beliau merupakan setiausaha Agung PKM dan mengetuai PKM dalam peristiwa Rundingan Baling pada tahun 1955. Rujuk Chin Peng (2003), h. 371.

PKM telah pun bersiap sedia dengan Sembilan Rejimen dan beliau merasakan telah sampai masanya orang Melayu tampil ke hadapan bersatu di bawah sebuah Rejimen yang dikendalikan sepenuhnya oleh orang Melayu. Serentak dengan itu juga ketiga-tiga kader komunis itu telah diumumkan oleh PKM bahawa mereka adalah ahli PKM dan diberikan tugas untuk menubuhkan Rejimen Melayu sebagaimana yang telah dirancang oleh PKM.<sup>190</sup>

Kata sepakat telah dicapai untuk mengisytiharkan penubuhan Rejimen Melayu dengan ditarajui oleh Abdullah C.D., Musa Ahmad telah mengesyorkan supaya Rejimen Melayu itu diberi nama Rejimen Ke-10 sebagai melambangkan, “*religious connotations which would appeal to the Malays masses since it was after the calendar of 10 Dzulhijjah that coincided with the celebration of Hari Raya Haji which, to all Muslims symbolizes sacrifice and dedication to a good cause*”.<sup>191</sup> Chin Peng bersetuju dan beliau telah mengarahkan supaya apabila selesai pertemuan di Kerdu, maka ketiga-tiga mereka, Abdullah C.D., Wahi Anuwar dan Musa Ahmad diarah pergi ke Temerloh bagi mendapatkan lebih ramai lagi orang Melayu menyertai Rejimen Ke-10, terutama dari anggota-anggota BATAS yang sedia mempunyai Tentera Tani mereka sendiri.<sup>192</sup>

Rejimen Ke-10 Melayu PKM telah lahir pada tanggal 21 Mei 1949, di mana berlangsungnya keramaian pengisytiharan kelahiran yang telah diumumkan oleh Haji

---

<sup>190</sup> Lihat ATCK/R/INT/81, Musa Ahmad, h.115.

<sup>191</sup> Lihat ATCK/R/INT/81, Musa Ahmad, h.116

<sup>192</sup> Lihat ATCK/R/INT/81, Musa Ahmad, h.117.

Hashim di Kerdau.<sup>193</sup> Rejimen Ke-10 bertindak sebagai sebuah pasukan Melayu Tentera Pembebasan Nasional Malaya. Perasmian rejimen ini dihadiri oleh Chen Nan bersama tiga orang pimpinan bahagian Melayu iaitu Abdulah C.D, Wahi Anuar dan Musa Ahmad bersama dua pasukan platun. Turut hadir ialah Kompeni Khas Rejimen Ke-6 dan satu kompeni pasukan Tionghua.<sup>194</sup>

Pada peringkat permulaan hanya seramai 12 orang yang terlibat bagi memegang beberapa jawatan penting dalam Rejimen Ke-10 ini. Komisaris Politik disandang oleh Abdullah C.D.; Rejimen Komander adalah di bawah Wahi Anuar; Musa Ahmad menguruskan bahan-bahan keperluan; Mat Chu Su Salleh memegang jawatan di Kompeni Pusat; Mat Min merupakan Platun Komender, sementara jawatan kawasan dipegang oleh Shamsiah Fakeh, Ibrahim Ahmad, Shukor Haji Ismail, Abu Samah Kassim, Mat Jelita dan Yusoff Che Gu Salleh.<sup>195</sup>

Walaupun keseluruhan Rejimen Ke-10 ini, dari Komander sampailah ke bahagian anggota militari terdiri daripada bangsa Melayu, namun kuasa mutlak adalah di bawah Jawatankuasa Pusat Parti yang diterajui oleh Chin Peng. Beliau adalah yang akan menentukan corak perjalanan Rejimen Ke-10. Misalnya, permintaan anggota Melayu supaya mereka dibenarkan memakai songkok bagi melambangkan identiti Melayu telah ditolak oleh Chin Peng. Walaubagaimanapun, kerana keistimewaan Rejimen Ke-10

---

<sup>193</sup> Lihat percakapan Berahim Chik, h. 27, juga Mahmud E., "Komunisme dan Orang Melayu, 1924-1949, h. 35, Fail Rejimen Ke-10, Cawangan Khas, Bukit Aman (t.b.).

<sup>194</sup> Abdullah C.D (2007), Memoir Abdullah C.D: Penaja dan Pemimpin Rejimen ke-10, Edisi Baru, Selangor : Strategic Information and Research Development Centre, h. 72-74.

<sup>195</sup> Lihat ATCK/R/INT/81, Musa Ahmad, h. 118-119.



yang terdiri daripada orang Melayu, Markas Agung membenarkan penggunaan songkok khas berbintang lima untuk sembahyang.<sup>196</sup>

Anggota Rejimen juga tidak dibenarkan menjalani sesuatu aktiviti mengikut sesuka hati mereka dan mereka juga tidak dibenarkan oleh pihak parti menghubungi rakan-rakan seperjuangan di negeri-negeri lain. Lebih menyulitkan lagi, Rejimen ke-10 Melayu ini, semasa menjalankan kerja-kerja massa di kampung-kampung telah ditentukan oleh Jawatankuasa Pusat Parti supaya membawa bersama-sama mereka anggota komunis Cina. Tindakan Chin Peng, menurut Musa Ahmad adalah disebabkan oleh kebimbangan PKM akan wujud jurang antara Rejimen Ke-10 dengan PKM serta rejimen-rejimen yang lain.<sup>197</sup>

Sebagai salah sebuah pasukan Tentera Pembebasan Nasional Malaya, terdapat Empat Asas Disiplin dan Sepuluh Fasal Perhatian Tentera yang mesti dipatuhi oleh ahli pasukan iaitu: <sup>198</sup>

Empat Asas Disiplin:

1. Segala tindakan patuh kepada perintah.
2. Tidak mengambil sebatang jarum atau seutas benang pun dari massa.
3. Sebarang rampasan perang harus dirasmikan.
4. Dengan ketat menyimpan rahsia tentera.

Sepuluh Fasal Perhatian:

---

<sup>196</sup> *Ibid.*

<sup>197</sup> Lihat ATCK/R/INT/81, Musa Ahmad, h. 117-118.

<sup>198</sup> Abdulah C.D (2007), *Op.Cit*, h. 75-80.

1. Pertuturan hendaklah ramah-tamah.
2. Berjual beli harus adil.
3. Barang-barang yang dipinjam harus dikembalikan.
4. Ganti kerugian barang-barang yang dirosakkan.
5. Rumah-rumah yang ditumpangi harus dibersihkan.
6. Menghormati adat resam.
7. Jangan memukul atau memaki orang.
8. Jangan merosakkan tanaman.
9. Jangan berkelakuan tidak senonoh terhadap wanita.
10. Jangan menganiayai tawanan perang.

Seperti kebanyakan pasukan tentera lain, pasukan Rejimen Ke-10 mempunyai sistem yang teratur. Setiap perajurit rejimen diberi peluang belajar disiplin tentera dan politik. Pengaturan jadual harian yang rapi telah dibuat untuk seluruh pasukan rejimen.

Pagi hari akan dimulakan dengan perbarisan mengikut platun masing-masing. Setiap platun akan menyampaikan laporan kepada Ketua Kompeni masing-masing. Kemudian para perajurit akan berbaris manaikkan bendera sambil menyanyikan lagu Bendera Tentera. Ini akan disusuli dengan ucapan ringkas selama lima minit oleh pengarah. Setiap perajurit diwajibkan berpakaian kemas, berkasut, topi, patis kaki dan kelengkapan tentera yang lain sewaktu perbarisan pagi.<sup>199</sup>

Selesai acara perbarisan, para perajurit akan berlatih. Masa latihan bermula dari pagi sehingga 11 pagi. Antara latihan militer yang dijalankan adalah berkawat,

---

<sup>199</sup> *Ibid.*

membidik, latihan perang dan pelbagai teknik militer. Teknik latihan Rejimen Ke-10 adalah berdasarkan teknik tentera British, Jepun dan China.<sup>200</sup>

Selesai latihan, perajurit akan diatur untuk makan tengah hari mengikut platun. Setiap platun diberi bahan makanan dan tukang masak. Disebabkan oleh keadaan kewangan yang sukar, makanan asas untuk pasukan rejimen adalah beras dan ubi kayu. Makanan diberikan tiga kali sehari iaitu sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam. Seminggu sekali perajurit akan diberikan hidangan kopi.<sup>201</sup>

Pada pukul 1 petang, pasukan Rejimen Ke-10 akan belajar kebudayaan atau pergi melakukan kerja harian seperti memungkah barang, membangunkan kem, mencari kayu api dan lain-lain. Kemudian mereka akan mandi secara bergilir dengan beberapa orang ditugaskan untuk mengawal keselamatan. Selepas itu diadakan perbarisan menurunkan bendera.<sup>202</sup>

Acara hiburan pula diadakan pada sebelah petang manakala sebelah malam diisi dengan kursus-kursus politik, militer dan kebudayaan. Sejumlah besar tentera Rejimen Ke-10 adalah buta huruf kerana tidak berpeluang bersekolah disebabkan oleh kemiskinan. Maka gerakan membasmi buta huruf turut diadakan pada sebelah malam. Perbarisan malam mengikut seksyen pula diadakan pada jam 9 malam. Ketua Seksyen akan menyampaikan rancangan untuk hari esok dan lain-lain. Setelah selesai barulah para perajurit berehat.<sup>203</sup>

---

<sup>200</sup> *Ibid.*

<sup>201</sup> *Ibid.*

<sup>202</sup> *Ibid.*

<sup>203</sup> *Ibid.*

Begitulah jadual kehidupan sehari-hari tentera Rejimen Ke-10. Bagi kebanyakan ahli pasukan yang rata-ratanya berasal dari anak tani, untuk membiasakan diri dengan disiplin ketat tentera merupakan suatu ujian yang sukar. Pasukan rejimen juga sentiasa dibantu oleh derma yang diberikan oleh massa di pelbagai kampung. Para tentera rejimen hanya diberikan lima ringgit sebulan oleh organisasi sebagai wang saku. Alat persenjataan juga tidak mencukupi sehinggakan ada ahli rejimen yang hanya bersenjatakan parang. Bagaimanapun masalah kekurangan senjata api diatasi kemudiannya melalui rampasan senjata dari pihak musuh.<sup>204</sup>

Sejak Rejimen Ke-10 ditubuhkan, Shamsiah terus aktif bersama pasukan yang dipimpin oleh Wahi Anuwar. Kerja utama beliau ialah penyusun massa. Beliau pergi ke kampung-kampung untuk menemui rakyat untuk memberi penerangan tentang perjuangan bersenjata melawan penjajah British bagi mencapai kemerdekaan dan menyatukan mereka supaya memberi sokongan kepada perjuangan.<sup>205</sup>

Shamsiah bersama beberapa orang pemimpin-pemimpin pertubuhan kebangsaan Melayu sayap kiri telah lari ke dalam hutan untuk melakukan perjuangan bersenjata atau revolusi di bawah PKM. Pada Ogos 1948 ketika masih bergerak di kampung-kampung Lubuk Kawah dan Temerloh, Pahang, Shamsiah telah berkahwin dengan Wahi Anuwar yang ketika itu menjadi Komander Rejimen Ke-10 dari Tentera Pembebasan Nasional Malaya (TPNM).<sup>206</sup>

---

<sup>204</sup> Abdulah C.D (2007), *Op.Cit.*, h. 81-86.

<sup>205</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 66.

<sup>206</sup> Tentera Pembebasan Nasional Malaya didirikan secara rasmi pada 1 Februari 1949. TPNM adalah pasukan bersenjata yang dipimpin oleh PKM melalui Markas Agung TPNM. Ia adalah pasukan tentera rakyat yang berjuang untuk mencapai kemerdekaan Malaya. Sejak perjuangan bersenjata meletus di seluruh Malaya sudah ada sembilan rejimen TPNM yang anggota-anggotanya terdiri daripada pelbagai bangsa. Lihat Memoir Shamsiah Fakeh (2004), UKM, h. 65-67.

Berketetapan menjadi sebuah organisasi militan komunis, maka Rejimen Ke-10 terikat dengan disiplin dan tata cara perjuangan bersenjata komunis. Antara aktiviti-aktiviti awal yang dilaksanakan termasuklah :-<sup>207</sup>

1. Menjalankan aktiviti massa
2. Menjalani latihan gerila dalam hutan
3. Melakukan serangan ke atas balai-balai polis, orang awam yang terlibat dalam Home Guard yang menyertai pasukan keselamatan dan juga anggota Auxillary Police (AP).

Dalam menubuhkan sel di satu-satu kawasan kampung Melayu, tiga orang kader akan dihantar oleh pihak Jawatankuasa Negeri atau Daerah untuk tinggal di kampung berkenaan sambil bertugas mendapatkan maklumat melalui sel perisikan. Sementara kader-kader yang bergerak melalui sel operasi pula akan bertanggungjawab mengutip kewangan dan menyebarkan propaganda. Kader-kader komunis Melayu ini juga ditugas supaya menyusup ke badan atau persatuan-persatuan yang ada di kampung. Aktiviti-aktiviti seperti kerja gotong-royong dan membantu para petani bercucuk tanam turut dijalankan. Kader-kader ini juga turut menyebarkan dakwah dan propaganda komunis, sambil mengenal pasti *sympathizers*. Mereka ini akan diasuh agar mengenali tentang “jiwa murni” komunis, dan akhirnya akan diheret mengikut jejak langkah kader-kader komunis Melayu yang berjuang dengan bertopengkan perjuangan mengusir penjajah British dari Tanah Melayu.<sup>208</sup>

---

<sup>207</sup> Abdullah C.D. (1998a), *Perang Anti-British dan Perdamaian*, Hong Kong : Nan Dao Publisher, h. 91-92, juga CO1022/51, Security Force Weekly Intelligence Summaries on Bandits Activity in Malaya, Montly Intelligence Review, Vol.3, No.10, July 1949.

<sup>208</sup> Lihat Musuh Kita, Bahagian Perisikan Tentera Cawangan Khas (PTCK),(t.b).

Gerakan bawah tanah merupakan satu-satunya aktiviti berbentuk bukan senjata yang tidak terlepas dari tugas kader-kader Melayu dewasa itu. Sebagai sebuah organisasi klandestin serta terdiri daripada anggota-anggota subversif, kader-kader Melayu akan berusaha untuk melemahkan, mengubah pemikiran rakyat jelata supaya mengangkat senjata menentang pemerintahan British dan mengikut rentak yang disusun oleh pihak komunis.<sup>209</sup> Di kalangan anggota dan kumpulan militan Melayu Rejimen Ke-10 pula, aktiviti mereka agak menarik. Mereka mempunyai hubungan yang akrab dengan anggota bawah tanah untuk mendapatkan logistik serta keanggotaan baru. Lebih menarik lagi, mereka ini dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan seperti Anggota Tempur (Assult Unit) dan Anggota Min Yuen.<sup>210</sup>

Tidak dinafikan bahawa anggota-anggota Rejimen Ke-10 ada mempunyai sedikit pengalaman dalam perang gerila di hutan yang diikuti mereka pada tahun 1947-1948 dulu. Namun begitu, tahun 1949 dan tahun-tahun berikutnya adalah penuh dengan cabaran, dan musuh mereka (British), nampaknya lebih bersedia dalam menghadapi ancaman daripada keseluruhan anggota Rejimen PKM. Justeru itu, aktiviti-aktiviti seterusnya yang melibatkan Rejimen Ke-10 sebaik saja ditubuhkan ialah dengan menjalani latihan yang lebih getir lagi tentang Perang gerila. Buku panduan, *Guerrilla Organization, Tactics and Administration* masih digunakan sebagai panduan, tetapi yang lebih ditekankan adalah hal-hal yang berkaitan dengan selok belok insujensi seperti teknik menikam, menangkap, menembak menerusi enam jurusan, menembak kapal terbang, latihan mempertahankan markas serta menyerang musuh.<sup>211</sup>

---

<sup>209</sup> Mahmud Embung (2009), *Perkembangan Rejimen Ke-10, Parti Komunis Malaya Dari 1949 hingga 1989, Latihan Ilmiah (Phd)*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 110.

<sup>210</sup> Rujuk *Musuh Kita, Op.Cit.*, h. 13-15.

<sup>211</sup> Mahmud Embung(2009), *Op.Cit.*, h. 110.

Berikut adalah bentuk latihan ketenteraan perang gerila yang dijalani oleh anggota-anggota Rejimen Ke-10 yang mana nanti akan memperlihatkan perubahan dari seorang yang baru memasuki pertubuhan penganas komunis dan sebagai anggota biasa bertukar menjadi seorang perajurit yang mempunyai kesanggupan dan kebolehan menjadi seorang yang paling berkecayaan untuk dilantik sebagai Ketua Seksyen, dan kemudian ke jawatan Ketua Platun sebelum mengisi jawatan yang paling tinggi iaitu yang setaraf dengan pemimpin tertinggi.<sup>212</sup>

Pada akhir tahun 1949, pasukan induk Rejimen Ke-10 yang terdiri dari seluruhnya orang Melayu seramai 300 orang lebih telah mengadakan perjalanan ke utara dari Temerloh untuk membuka daerah bebas. Shamsiah dan suaminya, Wahi Anuwar serta pemimpin-pemimpin lain dari Rejimen Ke-10 seperti Abdullah C.D. dan Musa Ahmad juga turut serta dalam pasukan itu. Ketika itu Shamsiah sedang sarat mengandung dan akan melahirkan anak pada bila-bila masa sahaja. Semasa mereka sampai di Padang Piol, pasukan Rejimen Ke-10 telah diserang oleh pihak musuh. Seluruh anggota pasukan sedang berehat setelah seharian mereka berjalan, ada yang mendirikan khemah, memasak dan ada yang pergi mandi. Senjata mereka diletakkan di satu tempat. Justeru itu, mereka terpaksa melarikan diri dan sebahagian besarnya telah keluar menyerah diri kepada tentera Inggeris.<sup>213</sup>

Abdullah C.D. dalam memoirnya ada menyebut mengenai peristiwa ini yang dipanggil sebagai Peristiwa Padang Piol. Perpaduan antara kompeni di bawah pimpinan Abdullah C.D., Wahi Anuwar dan Musa Ahamad telah retak. Kepimpinan Wahi

---

<sup>212</sup> Kenyataan SEP Abdul Aziz/Mohd.Khatib (1984), Kota Bahru, Kelantan, h. 19.

<sup>213</sup> *Ibid.*

Anuwar dan Musa Ahmad terutamanya tidak mendapat sokongan perajurit kerana mengamalkan dasar kepimpinan yang birokratik dan pasif dalam perempuran. Ketika diserang di Padang Piol, Wahi Anuwar dan Musa Ahmad tidak memerintahkan para pasukan rejimen untuk menyerang balas, sebaliknya berundur. Pasukan menjadi kucar-kacir dan meninggalkan banyak barang termasuk beberapa laras senapang yang kemudiannya dirampas musuh. Peristiwa Padang Piol ini telah mendatangkan kerugian besar kepada Rejimen Ke-10.<sup>214</sup>

Disebabkan itu, pasukan Rejimen Ke-10 telah berpecah kerana ingin menyelamatkan diri dari pihak musuh, begitu juga dengan Shamsiah dan suaminya. Walau bagaimanapun Shamsiah dan suaminya dapat bertemu semula. Mereka telah mendirikan khemah di sebuah kawasan kerana pada masa itu Shamsiah dijangka akan melahirkan anak. Hubungan mereka dengan pasukan Rejimen Ke-10 yang lain terputus dan menyebabkan rancangan mereka untuk ke utara gagal. Shamsiah telah selamat melahirkan anak lelaki yang mana suaminya sendiri yang menjadi bidan.<sup>215</sup>

Ketika anak itu berusia sebulan lebih Shamsiah dan suaminya telah diserang oleh pihak musuh sekali lagi di khemah persembunyian mereka. Pada masa itu hanya mereka berdua sahaja yang berada di dalam khemah tersebut. Wahi Anuwar terpaksa lari menuju ke atas bukit, manakala Shamsiah pula lari ke lereng bukit. Masing-masing terpaksa melarikan diri ke arah yang bertentangan untuk selamat daripada ditangkap oleh pihak musuh. Shamsiah dan anaknya telah tersesat beberapa hari di dalam hutan tanpa makanan dan pakaian. Beliau telah terpisah dengan Wahi Anuwar dan anggota

---

<sup>214</sup> Abdulah C.D (2007), *Op. Cit*, h. 138-140.

<sup>215</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 67-69.



Rejimen Ke 10 yang lain buat kali kedua. Beliau terpaksa menghadapi pelbagai peristiwa yang memeritkan dan mencabar sepanjang berada di dalam hutan bersama anaknya. Namun, dengan semangat dan kegigihan yang ada pada beliau, beliau dapat bertemu kembali dengan pasukan PKM dan kembali ke khemah mereka. Shamsiah telah diberitahu oleh anggota PKM bahawa Wahi Anuwar telah menyerah diri kepada pihak penjajah. Walaupun Shamsiah terpaksa berpisah dengan Wahi Anuwar dan terpaksa melalui saat-saat yang penuh dengan penderitaan semasa beliau tersesat di dalam hutan, namun demikian sedikit pun tidak melemahkan semangat beliau untuk berjuang melawan penjajah.<sup>216</sup>

Sesungguhnya, anggota Rejimen Ke-10 memasuki gerbang perang revolusioner komunis ini dalam keadaan serba kekurangan, terutama keperluan memiliki senjata. Walaupun Chin Peng ada membekalkan platun-platun dengan senjata seperti shot-gun, namun ia hanya dimiliki oleh pemimpin tertentu dalam Rejimen itu. Justeru itu, para pemimpin yang menyedari keperluan kelengkapan bersenjata bagi Rejimen terpaksa mencari alternatif lain bagi memperolehinya. Peringkat awal kedudukan Rejimen Ke-10, di samping menjalankan aktiviti massa dan menjalani latihan ketenteraan, ialah melakukan serangan ke atas pos-pos serta balai polis, anggota Home Guard dan Auxiliary Police serta anggota keselamatan di kawasan estet-estet, terutama di Temerloh, Pahang.<sup>217</sup>

Sebenarnya Rejimen Ke-10 tidak mendapat kerjasama seperti yang diharapkan dan tidak keterlaluan kalau dikatakan mereka sebenarnya telah diperalatkan oleh Chin

---

<sup>216</sup> Tan Sri M.Ghazali Shafie (1992), *The Tenth Regiment*, Arkib Negara Malaysia, h. 8.

<sup>217</sup> Mahmud Embung (2009), *Op.Cit.*, h. 118.

Peng dan Haji Hashim.<sup>218</sup> Di samping hanya memberi bantuan sekadar melepaskan batuk ditangga, yang merupakan senjata serta peralatan yang sudah usang untuk berjuang, mereka (gerila komunis Melayu) menerima bekalan makanan yang amat menyedihkan. Menurut Musa Ahmad, “*they were given obsolete firearms and poor quality*”.<sup>219</sup> Ada pula dari kalangan gerila-gerila Cina PKM yang mengeluarkan kata-kata seperti, “jika mahu makan baik, carilah dari kampung Melayu”. Di samping itu, anggota Rejimen tidak dibenarkan memasuki kem-kem pengganas Cina dengan sebeb-bebasnya seperti memasuki kem Rejimen Melayu Ke-10.<sup>220</sup> Begitu juga tentang kenyataan utama yang dibuat oleh PKM tidak didedahkan kepada orang Melayu, ahli-ahli tertinggi Rejimen Ke-10 tidak langsung berpeluang melihat apa juga direktif yang dikeluarkan oleh PKM.<sup>221</sup>

Persoalannya, apakah Rejimen Ke-10 ‘dianaktirikan’ oleh PKM? Adakah ini satu perancangan sulit yang hanya mahu mendapatkan sokongan orang Melayu sebagai bukti kepada British bahawa perjuangan PKM tidak dimonopoli oleh orang Cina? Apakah sebenarnya dasar PKM terhadap orang Melayu? Adakah ianya tidak dilaksanakan seperti yang terkandung dalam pelbagai dokumen, manifesto dan direktif? Mungkinkah kader-kader Cina PKM tidak menjalankan arahan seperti yang dikehendaki parti? Sejauhmanakah berjayanya kerja-kerja bersifat perkauman yang dipertanggungjawabkan ke atas bahu kader-kader Cina tersebut?

---

<sup>218</sup> Mahmud Embung (2009), *Op.Cit.*, h. 123.

<sup>219</sup> *Ibid.*

<sup>220</sup> *Ibid.*

<sup>221</sup> *Ibid.*

Dasar PKM sebenarnya ada sedia terbentang dihadapan mata PKM, namun Chin Peng dan anggota Pablibiro PKM tidak ikhlas. PKM merasakan sejak Rejimen Ke-10 wujud, perkembangannya tidak memuaskan, dan gerila Melayu seolah-olah tidak mampu mengikut tempo perjuangan keganasan yang rancak dilancarkan oleh PKM terhadap British. Keadaan ini memaksa PKM mengambil tindakannya sendiri dan tidak mengikut rentak dan kehendak Rejimen Ke-10 pula.<sup>222</sup>

Memandangkan kedudukan yang begitu tenat dialami oleh komunis akibat sistem penyaluran makanan terbantut ekoran daripada langkah British, PKM terpaksa menamatkan segala aktiviti yang berbentuk keganasan. Anggota komunis diarahkan agar berundur ke pedalaman hutan bagi tujuan menjalankan serta mengikuti semula latihan dan penyusunan semula, termasuk juga mempergiatkan lagi aktiviti indoktrinasi parti agar anggota dapat mengembalikan semula moral yang jatuh meleset.<sup>223</sup> Tumpuan kembali ke hutan juga bertujuan menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan yang boleh menampung keperluan parti menjadi lengkap serba-serbi.<sup>224</sup>

Kini setiap anggota diperintahkan agar menjalankan kerja-kerja bercucuk tanam, membuka ladang dan sekiranya perlu aktiviti persenjataan ditamatkan. Keseluruhan Direktif Oktober 1951 bermatlamat memberi tekanan lebih “*subvert the Malays*”, dan

---

<sup>222</sup> *Ibid.*

<sup>223</sup> C.C. Too, *Armed Struggle that was Doomed to Fail*, h. 12.

<sup>224</sup> Lihat Richard Stubbs, *Hearts and Minds*, h. 149.

PKM memberi tekanan bahawa revolusi mereka tidak akan berjaya sekiranya parti gagal menyatukan orang Melayu.<sup>225</sup>

PKM melalui pekerjaan di kalangan orang Melayu menitikberatkan soal parti yang tidak bersikap perkauman. Pada peringkat Jawatankuasa Pusat, Biro Kawasan, Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Sempadan dan Jawatankuasa Kawasan menyaksikan penglibatan orang Melayu.<sup>226</sup> Bagi memperkukuhkan lagi keterampilan orang Melayu, Jawatankuasa Melayu yang sedia ada itu diubah kepada The Department for Malay Work of the Central Committee, atau singkatannya DMWCC dan DMWSE.<sup>227</sup> DMWCC diletakan di bawah pemerhatian Jawatankuasa Pusat dan mempunyai kuasa setaraf dengan jabatan Organisasi Pusat atau Jabatan Propaganda Pusat.<sup>228</sup> Sementara itu, DMWSE memikul tugas sebagai pemerhati perjalanan aktiviti-aktiviti orang Melayu di peringkat negeri. Sekiranya DMWSE ingin menubuhkan organisasi parti di semua peringkat anggotanya harus terdiri daripada orang Melayu.<sup>229</sup>

Rejimen Ke-10 menjalani ujian paling mencabar dalam mengharungi arus perjuangan PKM di Tanah Melayu dari tahun 1951-1953. Pada peringkat awal Rejimen ke-10 nampak sedikit tempang kedudukannya dan kurang selesa dengan arus perjuangan yang berunsurkan keganasan. Tetapi di penghujung tahun 1952 Rejimen Ke-10 kembali segar dengan segala perubahan yang dilakukan oleh pihak PKM. PKM terpaksa akur dengan segala langkah-langkah drastik British, dan sebagai menyelamatkan maruahnyanya

---

<sup>225</sup> *Ibid.*

<sup>226</sup> Lihat Polisi Pekerjaan Di Kalangan Melayu....., 1952, h. 2.

<sup>227</sup> Lihat Polisi Pekerjaan Di Kalangan Melayu....., 1952, h. 4-5.

<sup>228</sup> The Captured Malayan Communist Part Document, h. 2.

<sup>229</sup> Lihat Polisi Pekerjaan Di Kalangan Melayu....., 1952, h. 9.

mereka terpaksa berpaut kepada Rejimen Ke-10 untuk bersama meninggalkan Pahang menuju ke Utara Semenanjung Tanah Melayu.<sup>230</sup>

Memang tidak dinafikan melalui Undang-undang Darurat 1948 British dapat membendung ancaman daripada pihak PKM dan tumpuan lebih diberikan kepada pengganas Cina. Tetapi mulai 1949 sehingga tahun 1952 British mulai memikirkan tentang bagaimana pula untuk menghadapi ancaman daripada Rejimen Ke-10 Melayu PKM. Walaupun aktiviti mereka lebih tertumpu di Pahang, dan sedikit di sekitar Perak, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan, British mulai merasakan bahang ancaman daripada Rejimen Ke-10. Lantas daripada itu pihak pemerintah telah memperhebatkan lagi undang-undang yang sedia ada, melantik pegawai-pegawai baru yang berkemampuan bagi memastikan Rejimen Ke-10 dapat dibenteras habis-habisan.<sup>231</sup>

Bagi Rejimen Ke-10 faktor maruah dan harga diri sangat penting. Anggota-anggota tertinggi Rejimen Ke-10 seperti Abdullah C.D., Musa Ahmad, Abu Samah Kassim, Rashid Maidin dan Shamsiah Fakeh tidak akan sama sekali menyerah diri dan meninggalkan perjuangan. Pengunduran ke Selatan Thailand tidak bermakna mereka akan lenyap dan lesu ditelan arus imperialisme British, malah sebaliknya, “*it provides a detour in its ideological offensive*”. Namun, bagi sesetengah anggota Rejimen Ke-10 pula merasa malu untuk menyerah diri dan juga bagi mereka untuk mengelakkan diri daripada dicaci oleh sanak saudara di atas keterlanjuran mereka, mereka sanggup

---

<sup>230</sup> *Ibid.*

<sup>231</sup> *Ibid.*

mengikuti perintah dan arahan terutama dari pihak tertinggi parti supaya berhijrah ke Selatan Thailand.<sup>232</sup>

### 3.3.5 Misi Perjalanan Jauh ke Sempadan

Shamsiah Fakeh telah ditugaskan oleh PKM untuk pergi ke Perak bagi menerbitkan sebuah akhbar yang diberi nama *Pencinta Tanah Air*. Akhbar yang diterbitkan sebulan sekali ini melaporkan berita serangan dan pertempuran Pembebasan Nasional Malaya (TPNM) di serata tempat. Shamsiah pergi ke Perak bersama-sama dengan satu rombongan yang terdiri daripada tujuh orang. Di Perak Shamsiah bertemu dengan Rashid Maidin yang telah pun berada di sana. Shamsiah berada di Perak kira-kira setahun sebelum beliau menyertai misi perjalanan jauh Pasukan Rejimen Ke-10.<sup>233</sup>

Pada tahun 1953, Markas Agung TPNM dan Jawatankuasa Pusat PKM telah membuat keputusan memindahkan Rejimen Ke-10 ke kawasan utara sebagai suatu strategi untuk membentuk satu pangkalan perang yang baru di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Pada Mac 1953 pasukan Rejimen Ke-10 berkumpul di Kerdu. Pasukan Rejimen Ke-10 dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama diletakkan di bawah pimpinan Dewan Sentral Komiti Selatan Malaya atau Biro Selatan. Tugas Biro Selatan adalah memimpin seluruh pasukan Rejimen Ke-10 di Temerloh dan pasukan-pasukan Melayu yang bergerak di Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan lain-lain.<sup>234</sup>

---

<sup>232</sup> *Ibid.*

<sup>233</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 81.

<sup>234</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 82-83.

Bahagian kedua Rejimen Ke-10 pula diletakkan di bawah pimpinan Dewan Sentral Komiti Utara Malaya atau Biro Utara yang akan melaksanakan perjalanan jauh. Pasukan ini akan bergabung dengan Rashid Maidin yang sudah bertolak ke Perak dan Musa Ahmad yang juga telah bertolak ke Pahang Utara. Sebuah pasukan yang terdiri daripada 60 orang lelaki dan perempuan yang akan menjalankan tugas perjalanan jauh telah didirikan. Pasukan ini diberi nama Pasukan Hang Jebat. Shamsiah Fakeh merupakan antara individu yang terlibat dalam pasukan tersebut, bagaimanapun Shamsiah hanya menyertai misi ini bersama-sama dengan Rashid Maidin apabila Pasukan Hang Jebat tiba di Perak. Pasukan Hang Jebat ini dibahagikan lagi kepada empat seksyen, dengan satu seksyen lagi di bawah pimpinan Musa Ahmad menunggu mereka untuk bergabung di Pahang Utara.<sup>235</sup>

Perjalanan bermula pada 17 Jun 1953 dengan persiapan pertempuran dan sebagainya telah diatur rapi. Pasukan atau regu diatur bagi menjamin keselamatan ketika perjalanan. Regu pertama ialah regu pengakap dan diikuti oleh regu utusan yang bertindak sebagai penunjuk arah perjalanan. Regu kedua dan ketiga terdiri daripada pengawal yang diikuti oleh seksyen-seksyen. Akhir sekali ialah pengakap belakang yang terdiri daripada tiga ke empat orang. Tugas pengakap belakang ialah mengawasi keadaan di belakang dan menghapuskan kesan-kesan tapak kasut bagi melindungi jejak perjalanan. Dengan seragam kuning dan songkok berbintang satu bewarna kuning, mereka bertolak untuk menyempurnakan misi.<sup>236</sup>

---

<sup>235</sup> Abdullah C.D. (2007), *Op.Cit.*, h. 297-299.

<sup>236</sup> *Ibid.*

Setiap individu membawa makanan seberapa banyak yang boleh. Setelah sebulan setengah perjalanan, mereka pun tiba di Raub, Pahang. Pada waktu itu hubungan dengan utusan terputus dan bekalan makanan juga telah habis. Massa rakyat di kawasan kampung pula telah dihalau pihak British ke dalam kem kurungan. Maka rombongan rejimen terpaksa mengalas perut dengan pisang, pucuk paku, buah-buahan hutan dan sagu kabung. Keperitan kekurangan makanan ini akhirnya menyebabkan tiga orang daripada pasukan tersebut meninggalkan pasukan dan kembali ke Temerloh. Salah seorang daripada mereka bernama Zahari pula telah menyerah diri kepada pihak British. Penyerahan diri oleh Zahari ini telah mengakibatkan pihak British mengetahui mengenai rancangan perjalanan Rejimen Ke-10 termasuk maklumat pergerakan dan kekuatan pasukan. Pihak British kemudiannya mengatur strategi untuk menyerang dan menghapuskan pasukan rombongan ini.<sup>237</sup>

Misi perjalanan ke sempadan yang berlaku antara tahun 1953-1954 ini terbahagi kepada empat tahap. Perjalanan tahap pertama adalah menuju ke Pahang Utara. Disebabkan hubungan dengan utusan terputus di Raub, Pasukan Hang Jebat Rejimen Ke-10 terpaksa mengubah arah perjalanan untuk menghubungi Markas Besar Rejimen Ke-11 di Pahang Utara. Dua orang pengawal Melayu menjadi pemandu arah. Untuk cepat sampai, mereka memilih jalan yang hanya mengambil masa perjalanan kira-kira dua hari sahaja. Bagaimanapun jalan ini sangat bahaya kerana mereka perlu menyeberangi jalan raya Raub-Benta yang sentiasa dikawal oleh tentera British, menyeberangi Sungai Lipis yang berarus deras dan melalui pos kawalan musuh.

---

<sup>237</sup> *Ibid.*



Perjalanan dimulakan pada jam 4.30 petang. Mereka mengambil masa selama dua jam untuk menyeberangi jalan raya dan Sungai Lipis dengan selamat.<sup>238</sup>

Apabila sampai di kawasan yang terpaksa melalui pos kawalan musuh, mereka terpaksa mengatur strategi baru. Disebabkan jarak antara pos-pos kawalan musuh dengan jalan yang akan mereka lalui adalah sangat dekat, iaitu kira-kira lima minit berjalan kaki, semua pasukan diberitahu agar mematuhi beberapa peraturan seperti tidak boleh bercakap, tidak boleh memasang api dan merokok. Mereka mula bergerak melalui pos kawalan tersebut pada pukul 9 malam. Kebetulan pada waktu itu baru lepas hujan dan keadaan sangat gelap. Mereka mengikat tali antara satu sama lain untuk mengelakkan daripada tersesat. Apabila lampu musuh menyuluh, mereka semua bertiarap di atas tanah dan hanya berjalan semula selepas lampu disuluh ke arah lain. Begitulah keadaan mereka berulang kali. Akhirnya pada pukul 3 pagi, mereka berjaya melalui kawasan itu dengan selamat. Selepas berehat seketika, mereka meneruskan perjalanan pada awal pagi dan tiba di Markas Besar Rejimen Ke-11 pada waktu tengah hari.<sup>239</sup>

Perjalanan tahap kedua pasukan Hang Jebat Rejimen Ke-10 bermula dari Markas Besar Rejimen Ke-11 menuju ke Cameron Highlands pada 13 September 1953. Bekalan makanan yang terbatas memaksa mereka manjadikan kacang kuning dan pisang kering sebagai makanan utama, selain sayur-sayuran liar, binatang buruan dan ikan-ikan sungai. Pada 12 Oktober 1953, mereka tiba di Cameron Highlands dan dapat berhubung dengan Jawatankuasa Parti di situ. Setelah tiga hari di sana, pihak British

---

<sup>238</sup> Nazli Ibrahim, "Semantan ke Kampung Hala : 'Tue Long March' yang diingati", seperti dalam <http://www.freemalaysia.com>, diekses pada 20 September 2011.

<sup>239</sup> Abdullah C.D. (2007), *Op.Cit*, h. 310.

telah melancarkan serangan secara besar-besaran. Kempen kepung basmi ini dilancarkan pada 15 Oktober 1953. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pihak British mengetahui rancangan pasukan komunis. Antaranya ialah penyerahan diri oleh seorang perajurit bernama Zahari di Raub. Jawatankuasa Parti Komunis di Genting Highlands kemudiannya menyuruh Rejimen Ke-10 agar tidak bertempur, sebaliknya berundur ke Gunung Berembun atas alasan tidak mahu pihak musuh mengetahui Rejimen Ke-10 berada di situ.<sup>240</sup>

Pihak British menyerang dengan ganas. Kapal-kapal terbang terus menggugurkan bom. Tembakan mesingan dan roket menghujani kawasan hutan dan kawasan ladang Orang Asli. Pihak British juga melancarkan perang saraf melalui pembesar suara untuk melunturkan semangat pasukan komunis. Kekuatan pihak British terdiri daripada 160 orang Pasukan Golden British, sebuah pasukan yang digembar-gemburkan sebagai tidak pernah kalah dan berjasa besar ketika Perang Dunia Kedua. Akibat serangan oleh pihak British yang terus dipertingkatkan, akhirnya Jawatankuasa Parti di situ bersetuju agar Pasukan Hang Jebat Rejimen Ke-10 untuk turut sama bertempur. Satu regu disusun untuk melancarkan serangan balas. Satu medan serang hendap berjaya ditemui di Sungai Sekam, Cameron Highlands dan pertempuran berlaku pada 28 Januari 1954. Selepas berlakunya pertempuran tersebut, pihak British akhirnya menamatkan kempen kepung basmi yang telah berjalan selama 3 bulan lebih.<sup>241</sup>

Setelah tamat kempen kepung basmi di Cameron Highlands, pasukan Hang Jebat meneruskan perjalanan tahap ketiga ke Perak pada 1 Februari 1954 dan tiba di

---

<sup>240</sup> “Darurat Ankara Komunis”, seperti dipetik dalam <http://www.arkib.gov.my>, diakses pada 20 September 2011.

<sup>241</sup> Abdulah C.D (2007), *Op.cit*, h. 297-310.

pejabat Setiausaha Jawatankuasa Parti Negeri Perak di kawasan Sungai Raya pada hujung bulan Februari 1954. Di sana mereka bertemu dan bergabung dengan Rashid Maidin serta beberapa lagi ahli Rejimen Ke-10 di sana, termasuklah Shamsiah Fakeh. Setelah berada di sana beberapa hari dan diberikan bekalan, mereka bertolak ke Ulu Kinta dengan dipandu arah oleh Orang Asli. Mereka tiba di Ulu Kinta pada pertengahan bulan April. Ketika berkhemah di kaki Gunung Kerbau, Jawatankuasa Parti Komunis Negeri Perak telah datang berbincang mengenai penetapan beberapa rancangan sementara antaranya termasuklah mendirikan pejabat penerbitan yang akan menerbitkan akhbar *Perak* dan majalah *Tentera*.<sup>242</sup>

Perbincangan tersebut juga menetapkan untuk menghantar pasukan penyusun massa Melayu bergabung dengan pasukan Tionghua dan India untuk menyusun massa di Sungai Siput. Pejabat penerbitan yang ditubuhkan bertanggungjawab menerbitkan *Akhbar Perak* dan *Majalah Tentera*. Pejabat tersebut didirikan di suatu tempat yang berada kira-kira 40 minit perjalanan kaki dari kaki Gunung Kerbau. Pejabat penerbitan ini dipimpin oleh Rashid Maidin dan Musa Ahmad. Shamsiah Fakeh bersama-sama rakan-rakan lain adalah antara individu yang terlibat secara langsung dalam kerja-kerja penerbitan ini. Akhbar-akhbar yang diterbitkan pula dihantar kepada Jawatankuasa Parti Komunis Rejimen Ke-5 untuk diedarkan ke berbagai tempat.<sup>243</sup>

Kerja-kerja penerbitan terus dijalankan sehinggalah pihak British melancarkan serangan udara secara besar-besaran di Ulu Kinta. Serangan udara pada skala besar tersebut dilancarkan pada 8 Julai 1954. Serangan ini diarahkan secara langsung oleh

---

<sup>242</sup> Mat Amin (1979), 30 Tahun yang Heroik, Ulu Kinta : Pejabat Kebenaran, h. 5-7.

<sup>243</sup> *Ibid.*

Jeneral Bonn, Panglima Gerakan British di Malaya dan merupakan serangan udara terbesar dalam sejarah Perang Pembebasan Nasional Anti-British Pasukan Komunis Malaya. Berita mengenai serangan udara ini disiarkan secara menyeluruh oleh media massa British. Mengikut laporan media, sebanyak 55 buah kapal terbang pengebom terlibat dalam serangan tersebut dengan setiap satunya berulang alik mengangkut bom dan peluru kira-kira 22 kali sehari suntuk. Selepas pengeboman, askar-askar payung terjun diturunkan untuk melakukan serangan. Bagaimanapun di bawah arahan Abdullah C.D, Pasukan Hang Jebat segera keluar dari lingkungan serangan dengan selamat.<sup>244</sup>

Pasukan Hang Jebat Rejimen Ke-10 terus berpindah ke Ulu Kelantan dan seterusnya meneruskan perjalanan ke kawasan sempadan. Mereka melalui Kampung Belum dan akhirnya sampai ke Kampung Hala pada 7 Oktober 1954. Kampung Hala ini terletak berhampiran kawasan sempadan di sebelah Negara Thailand. Di sana pihak organisasi Parti Komunis menyediakan ribuan gantang padi dan seekor kerbau jantan sebagai hadiah. Pasukan Hang Jebat dari Rejimen Ke-10 akhirnya berjaya menyelesaikan misi perjalanan mereka.<sup>245</sup> Di kawasan sempadan Malaysia-Thailand ini, Shamsiah Fakeh ditugaskan bekerja di kalangan massa iaitu kerja menyusun kampung. Shamsiah ditempatkan di jabatan propaganda serta percetakan Rejimen Ke-10. Ketika di sinilah juga pada 1 Jun 1956, Shamsiah dan Ibrahim Mohamad bertemu jodoh mereka.<sup>246</sup> Dalam satu persidangan yang diadakan di Soviet Union pada tahun 1955, seorang wakil persatuan wanita Malaya telah mencalonkan nama Shamsiah sebagai ahli

---

<sup>244</sup> Abdullah C.D. (2007), *Op. Cit.*, h. 311-322.

<sup>245</sup> *Ibid.*,

<sup>246</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 82-83.

Jawatankuasa Gabungan Persatuan Wanita Demokratik Sedunia yang beribu pejabat di Paris. Penacalonan tersebut telah diterima oleh Shamsiah dengan hati yang terbuka.<sup>247</sup>

### 3.3.6 Dihantar ke China

Pada pertengahan tahun 1956, tiga orang anggota Rejimen Ke-10 termasuk Shamsiah Fakeh, suaminya iaitu Ibrahim Mohamad dan Mat Amin beserta dua orang pasangan suami isteri kader PKM berbangsa Cina dari Rejimen Ke-8 telah dihantar untuk belajar di China oleh PKM. Si suami bernama Chen Tan dan dialah yang akan mengetuai perjalanan kumpulan lima orang ini. Tujuan mereka dihantar belajar adalah supaya usaha untuk merekrut orang Melayu akan berjalan lebih lancar. PKM memerlukan kader-kader Melayu bagi meninggikan taraf ideologinya untuk keperluan jangka masa panjang. Perjalanan mereka ke China terpaksa ditangguhkan pada awalnya kerana keadaan darurat di Thailand. Setelah keadaan di Thailand mulai reda, barulah mereka mengatur kembali perjalanan. Kumpulan seramai lima orang ini telah dibahagikan kepada dua regu untuk tujuan keselamatan. Regu pertama terdiri daripada Shamsiah sendiri dan Siew Mei, isteri Chen Tan. Manakala regu kedua pula terdiri daripada Ibrahim Mohamad dengan diikuti oleh Mat Amin dan Chen Tan. Regu pertama bertolak terlebih dahulu dan diikuti oleh regu kedua kemudiannya. Perjalanan mereka bermula dari Betong, Selatan Thailand.<sup>248</sup>

Apabila sampai masa yang ditetapkan, regu Shamsiah bertolak ke Haadyai menaiki teksi dan kemudian ke Bangkok melalui keretapi ekspres. Setelah sampai di

---

<sup>247</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 91.

<sup>248</sup> Tan Sri M.Ghazali Shafie (1992), *Op. Cit.*, h.10.

Bangkok, Shamsiah menginap di hotel yang telah diatitkan. Setelah hampir sebulan menginap di Bangkok, regu Shamsiah berjaya menaiki kapal untuk ke China. Kapal tersebut merupakan kapal Denmark yang berulang alik sebulan sekali dari Bangkok ke Pelabuhan San To, sebuah bandar pelabuhan yang terletak di kawasan paling selatan provinsi Guangdong, China. Polisi kerajaan Thailand ketika itu membenarkan orang China balik ke China dengan syarat tidak boleh kembali ke Thailand. Untuk keluar dari Thailand, Shamsiah juga perlu menyediakan surat keterangan penduduk, yang berjaya dibeli daripada orang kampung yang telah mati. Ketika pelayaran tersebut, Shamsiah sedang mengandungkan anaknya yang pertama hasil perkahwinan dengan Ibrahim Mohamad.<sup>249</sup>

Setelah seminggu belayar, Shamsiah akhirnya selamat sampai di San To. Di sana dua orang kader petugas Parti Komunis dan pemerintah China datang menemui regu Shamsiah dan membawa mereka ke Beijing. Apabila tiba di Beijing pada hujung April 1957, Shamsiah disambut oleh wakil Jawatankuasa Pusat di Beijing dan ditempatkan di asrama nombor lima di Rumah Penginapan Tamu yang berda di bawah jagaan Dewan Negara, Jabatan Perdana Menteri China. Maka bermulalah kehidupan Shamsiah Fakeh di China selama 37 tahun. Pada 19 Julai 1957, Shamsiah melahirkan anak sulungnya, Shamsuddin di Hospital Tentera Pembebasan Rakyat China, Beijing.<sup>250</sup>

---

<sup>249</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 90-91.

<sup>250</sup> *Ibid.*

### **3.4 PERJUANGAN SHAMSIAH FAKEH DARI TAHUN 1957 HINGGA 1994**

#### **3.4.1 Dari China ke Indonesia**

China merupakan sebuah negara sosialis yang diperintah oleh Parti Komunis China (PKC). Perlembagaan Negeri Republik Rakyat China telah menetapkan bahawa pemerintah China akan memberikan bantuan kepada para pejuang anti imperialisme yang diusir, ditangkap atau diburu oleh pihak imperialis. Menurut prinsip internasionalisme proletar komunisme, parti komunis yang berjaya memegang kuasa wajib membantu parti komunis di negara lain yang belum memegang tampuk pemerintahan. Kehadiran Shamsiah suami isteri ke China di sambut dengan baik dan mereka diberikan layanan kelas satu sebagai tetamu kehormat Jawatankuasa Pusat, Parti Komunis China dan dibenarkan menetap di China.<sup>251</sup>

Di China, Shamsiah dan Ibrahim Mohamad telah diundang untuk berkhidmat sebagai juruhebah di Radio Beijing dalam siaran bahasa Melayu. Mereka suami isteri bertugas sebagai pembantu pakar dalam siaran antarabangsa tersebut yang mana menurut Shamsiah, merupakan usaha dalam menjalinkan hubungan baik antara rakyat Malaysia dan China. Siaran radio ini telah ke udara sejak 1 Mac 1959<sup>252</sup>.

Pada Mac 1963, organisasi PKM di Beijing telah mengarahkan agar perkhidmatan Shamsiah dan suaminya di Radio Beijing Siaran Antarabangsa di

---

<sup>251</sup> Martin Vengadesan (2008), Telling Their Side of Story, dipetik dalam <http://www.thestar.com.my>, diakses pada 25 September 2011.

<sup>252</sup> Temubual dengan Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011, pukul 11 pagi di pejabatnya, Petaling Jaya Selangor. Beliau merupakan anak bongsu kepada Shamsiah Fakehdan Ibrahim Mohamad.

bahagian bahasa Melayu ditamatkan serta-merta setelah tiga tahun berkhidmat. Sebagai mengenang jasa mereka membantu pembangunan sosialis di China, Ibrahim Mohamad yang ketika itu bertaraf pakar dianugerahkan Bintang Persahabatan daripada pihak pemerintahan China yang kemudiannya diserahkan untuk disimpan organisasi PKM Beijing.<sup>253</sup>

PKM kemudiannya mengarahkan Ibrahim Mohamad menjadi wakil Malaya ke Konferensi Internasional Menyokong Rakyat Vietnam Melawan Agresi Amerika Syarikat di Hanoi, Vietnam pada 25-28 November 1964. Dalam persidangan yang dihadiri oleh perwakilan daripada lebih dari 50 buah negara tersebut, turut dibangkitkan ialah keputusan tentang menyokong perjuangan rakyat Malaya menghapuskan Malaysia. Ibrahim Mohamad turut menyampaikan ucapan dalam persidangan tersebut sebagai wakil Malaya. Setelah persidangan tersebut tamat, Shamsiah Fakeh telah dihantar untuk bersatu dengan suaminya di Vietnam, dan kemudian bersama-sama pergi ke Indonesia.<sup>254</sup>

Pada awal Februari 1965, berbekalkan passport diplomatik, Shamsiah Fakeh dan suaminya tiba di lapangan terbang Kemayoran, Jakarta. Ketibaan mereka selaku wakil kepada Liga Pembebasan Nasional Malaya telah mendapat liputan meluas akhbar-akhbar di Jakarta dan Malaysia. Kedatangan Shamsiah Fakeh dan Ibrahim Mohamad ke Indonesia disambut hangat oleh wakil-wakil organisasi massa revolusioner di Indonesia,

---

<sup>253</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 97-103.

<sup>254</sup> *Ibid.*



dan para wartawan. Shamsiah telah diatur agar menginap di Wisma Warta sebagai tamu Persatuan Wartawan Asia-Afrika yang beribu pejabat di Jakarta.<sup>255</sup>

### 3.4.2 Penahanan di Indonesia

Parti Komunis Indonesia merupakan Parti Komunis kedua terbesar dan terkuat di Asia selepas Parti Komunis China. Indonesia merupakan negara di mana perjuangan rakyat menentang imperialis adalah yang terkuat. Pemerintahan Indonesia di bawah kepimpinan Presiden Soekarno ketika itu sedang giat melancarkan konfrontasi dengan dasar ‘Ganyang Malaysia’. Situasi politik ketika itu amat menggalakkan bagi Parti Komunis untuk mendirikan Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya (LPNM) di Indonesia. Maka dalam suatu sidang akhbar pada 2 Jun 1965, Ibrahim Mohamad yang merupakan Ketua Perwakilan Liga telah mengumumkan penubuhan Perwakilan Liga Pembebasan Nasional Malaya (LPNM).<sup>256</sup>

Program utama penubuhan liga ini adalah untuk mencapai kemerdekaan nasional Malaya sepenuhnya. LPNM sebenarnya adalah lanjutan daripada pertubuhan politik yang diharamkan oleh British iaitu Melayu Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan All Malayan Action Council for Joint Action (AMCJA). Liga ini menggunakan bendera merah putih dengan bintang kuning di tengah sebagai lambangnya. Pejabat LPNM di Indonesia terletak di 77, Jalan Pasebon, Jakarta.<sup>257</sup>

---

<sup>255</sup> *Ibid.*

<sup>256</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 104.

<sup>257</sup> Mortimer, Rex (1974), *Indonesia Communist Under Soekarno*, Cornell University Press, Ithaca, New York, h. 7-12.

Sekitar Ogos 1965, suasana di Indonesia mulai tegang berikutan khabar angin mengenai sesuatu perancangan rampasan kuasa oleh pihak tentera dengan menubuhkan Dewan Jeneral, iaitu satu badan yang bersifat kontra-revolusioner bagi menentang kuasa Presiden. Pada tengah malam 30 September 1965, Radio Republik Indonesia (RRI) telah menyiarkan suatu siaran secara berulang kali mengatakan telah berlaku suatu rampasan kuasa yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Untung dan suatu pemerintahan revolusioner baru yang demokratik telah dibentuk. Peristiwa ini digelar sebagai Gerakan 30 September. Shamsiah dan semua ahli Perwakilan Liga merasa gembira dan lega dengan berita tersebut.<sup>258</sup>

Bagaimanapun berita tersebut merupakan berita palsu. Sebenarnya pihak pemberontak hanya berjaya menawan stesen RRI dan memaksa stesen radio tersebut menyiarkan berita rampasan kuasa. Menjelang pagi, pemberontakkan tersebut berjaya dipatahkan dan akhbar PKI iaitu Harian Rakyat telah disekat edarannya kerana secara terang-terangan menyokong rampasan kuasa. Pasukan tentera yang diketuai oleh Mejar General Soeharto telah berjaya menghapuskan pemberontakan dan Leftenan Kolonel Untung telah ditahan.<sup>259</sup>

PKI telah membuat suatu kesilapan besar kerana menyokong rampasan kuasa secara terang-terangan. Soeharto telah mengambil kesempatan ini dengan mengharamkan PKI dan melancarkan operasi penangkapan ke atas pemimpin, anggota dan penyokong PKI dan semua yang terlibat dengan Gerakan 30 September. Soeharto turut menggunakan kesempatan ini untuk melemahkan kuasa Presiden Soekarno dalam

---

<sup>258</sup> Mcdonald, Hamish (1980), *Suharto Indonesia*, Fontana Books, h. 24-27.

<sup>259</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 107-109.

usaha untuk mengambil alih kuasa pemerintahan Indonesia. Soeharto telah memaksa Soekarno untuk melantiknya sebagai Panglima Angkatan Bersenjata Indonesia dan menaikkan pangkatnya ke General. Para menteri kabinet telah ditukar dengan menteri-menteri yang pro Soeharto. Dengan itu maka bermulalah suatu era peralihan kuasa Indonesia dan bermulalah kejatuhan PKI di Indonesia.<sup>260</sup>

Pada tengah malam 17 November 1965, Shamsiah Fakeh bersama-sama Ibrahim Mohammad, Abdullah Sudin dan Eu Chooi Yip telah ditangkap oleh pihak tentera dan dibawa ke Markas Dinas Inteligen Angkatan Bersenjata Indonesia (DINSAB). Keempat-empat anggota Perwakilan Liga tersebut telah ditempatkan di sebuah penjara yang merupakan bilik stor berpintu besi. Markas tersebut dikawal oleh anggota Komando Tentera Laut Indonesia dan diketuai oleh Brigadier Sugomo. Mereka hanya diberikan sebungkus nasi lemak sebagai makanan tengah hari dan petang. Jip Perwakilan Liga mereka turut dirampas. Ketika soal siasat mereka cuba menerangkan bahawa mereka hanya hadir di Indonesia sebagai perwakilan yang diakui oleh pemerintah dan tiada kena mengena dengan Gerakan 30 September.<sup>261</sup>

Pada 1966, suatu delegasi yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Abdul Razak tiba di Jakarta susulan daripada persetujuan antara Malaysia dan Indonesia untuk memulihkan hubungan baik antara dua negara dan menamatkan Konfrontasi Indonesia. Pada pagi Disember 1967, setelah dua tahun menjadi tahanan, Shamsiah berempat telah dibebaskan daripada tahanan dengan syarat tidak dibenarkan berada di Indonesia lagi. Mereka dibenarkan berlindung di Kedutaan

---

<sup>260</sup> McDonald, Hamish (1980), *Op. Cit.*, h. 30-32.

<sup>261</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h 111-114.

Vietnam di Indonesia buat sementara waktu. Pihak Kedutaan Vietnam dan Kedutaan Republik Rakyat China telah bersama-sama membantu menguruskan perjalanan Shamsiah ke Beijing. Dari Lapangan Terbang Jakarta, mereka menaiki pesawat Chechoslovakia ke Phnom Penh dan kemudian menaiki pesawat Kemboja menuju ke Guangzhou. Setelah seminggu di Guangzhou, pada akhir Disember 1967 mereka tiba di Beijing.<sup>262</sup>

### **3.4.3 Dipecat Keanggotan dari PKM**

Gerakan Komunis di dunia mula mengalami perpecahan. Perselisihan terjadi antara Soviet Union dan China akibat perubahan terhadap prinsip-prinsip Marxisme-Leninisme. Apa yang digelar oleh Parti Komunis Soviet sebagai revisionisme ini ditentang kuat oleh Parti Komunis China. Teori revisionisme yang diketuai oleh Nikita Khrushchev ini telah mengingkari prinsip Marxisme-Leninisme dan menyebabkan keruntuhan Soviet Union.<sup>263</sup> Di China pula, telah meletus Revolusi Besar Kebudayaan China yang memusuhi pemimpin kapitalis dan negara-negara imperialis serta negara yang menyokong imperialis serta memusuhi China, termasuklah Malaysia. Revolusi Kebudayaan ini turut menyalahkan pemimpin agung China iaitu Mao Tze Tong.<sup>264</sup>

PKM sendiri berpecah kepada tiga kumpulan, iaitu Parti Komunis Malaya Marxis-Leninis, PKM Revolusioner dan PKM asal yang bersifat ortodoks. Ketiga-tiga kumpulan PKM ini saling bermusuhan dan mula hendak berperang sesama sendiri. Perpecahan ini berlaku akibat polisi 'penghukuman dan pengampunan' PKM yang telah

---

<sup>262</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 107-109.

<sup>263</sup> Fursenko, Aleksandr (2006), *Khrushcher's Cold War*, W-W-Norton & Co, h. 2-6.

<sup>264</sup> *The Eras of Mao and Deng Short, Phillip* (2001), *Mao : A Life* , Owl Books, h. 61.

mengakibatkan banyak mereka yang tidak bersalah dibunuh kerana disyaki menjadi perisik musuh. Anggota-anggota yang menyertai PKM antara tahun 1960-an hingga 1970-an adalah paling ramai disyaki. Perjuangan yang memakan masa lama tanpa sebarang pencapaian yang nyata menyebabkan ramai anggota PKM merasa kecewa dan tidak puas hati dengan kepimpinan parti.<sup>265</sup>

Ketika akhir 1960-an, Shamsiah Fakeh bersama-sama Ibrahim Mohammad dan tiga lagi anggota PKM menubuhkan kumpulan yang mempelajari pemikiran Mao Tze Tung dan tampil mengkritik PKM kerana merasakan PKM telah melakukan kesilapan besar. Akibatnya mereka telah ditindas hebat melalui cara Revolusi Besar Kebudayaan China. Antara mereka berlima, Shamsiah Fakeh dan Ibrahim Mohamad telah ditangkap organisasi PKM di Beijing. Mereka dituduh melakukan gerakan anti parti dan dihadapkan di depan anggota PKM di Dewan Mahkamah PKM. Tangan mereka diikat, ditempeleng, dipaksa membongkok dan mengaku salah. Tukang pukul yang menghukum mereka terdiri daripada anak-anak anggota PKM di China yang disusun menjadi Barisan Pemuda PKM.<sup>266</sup>

Pada tahun 1968, akibat daripada konflik dalaman yang berlaku dalam PKM, Shamsiah dan suaminya, Ibrahim Mohamad telah dipecat dari keanggotaan PKM dan dikenakan tahanan rumah selama dua tahun. Pemerintahan China membenarkan Shamsiah terus menetap di China sebagai bekas pejuang anti imperialis atau kader veteran (lao kan). Mereka diberikan layanan sebagai tetamu kelas kedua dan diberi kebebasan rakyat China tetapi dengan sekatan seperti tidak boleh pergi ke tempat

---

<sup>265</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 116-120.

<sup>266</sup> *Ibid.*

tinggal orang-orang Parti Komunis Malaya, tidak dibenarkan ke hospital di mana anggota PKM pergi melawat pesakit dan dilarang pergi ke tempat rahsia tentera. Rumah kediaman mereka juga dikawal 24 jam oleh Barisan Pemuda PKM yang menurut Shamsiah, sombong dan tidak bermoral.<sup>267</sup>

Pada akhir tahun 1970, PKC sedang giat membuat persediaan untuk menghadapi kemungkinan meletusnya Perang Dunia Ketiga yang tidak pernah berlaku. PKC tidak mahu terlalu banyak orang luar yang tidak penting berpusat di ibu kota Beijing. Parti-parti Komunis negara-negara lain yang berada di China segera dipindahkan ke provinsi-provinsi berlainan. Shamsiah Fakeh turut serta bersama anggota-anggota PKM yang dipindahkan ke Hunan pada tahun 1972.<sup>268</sup>

Shamsiah sekeluarga dihantar ke sebuah bandar kecil bernama Xiang Tan yang terletak lebih kurang 150 kilometer dari Changsa, ibu kota provinsi Hunan. Shamsiah dan suaminya diatur agar bekerja sebagai buruh di sebuah kilang ball-bearing dengan status kedudukan sebagai seorang kader. Shamsiah sebagai kader tingkat 21 manakala Ibrahim Mohamad ialah kader tingkat 19. Pekerjaan mereka suami isteri ialah memasang ball-bearing di bahagian pemasangan selama lapan jam sehari. Shamsiah dibayar gaji sebanyak 59 Yuan manakala Ibrahim memperolehi 72 Yuan sebulan. Pihak kilang turut memberi bantuan elaun tambahan untuk tiga orang anak mereka sebanyak 30 Yuan setiap orang, menjadikan jumlah keseluruhan pendapatan mereka ialah sebanyak 221 Yuan sebulan<sup>269</sup>.

---

<sup>267</sup> *Ibid.*

<sup>268</sup> *Ibid.*

<sup>269</sup> Temubual dengan Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011, pukul 11 pagi di pejabatnya, Petaling Jaya Selangor. Beliau merupakan anak bongsu kepada Shamsiah Fakehdan Ibrahim Mohamad.

Pada waktu itu China masih mengalami kemelut dalam menyelesaikan masalah jumlah penduduknya yang terlalu ramai, sehingga mencecah jumlah 1,000 juta orang. Makanan, pakaian, kain dan barang-barang produksi mesin terpaksa dicatu. Bagaimanapun, disebabkan Shamsiah sekeluarga dilayan sebagai tetamu asing, maka mereka boleh mendapat catuan yang lebih berbanding rakyat China. Mereka juga diberikan keistimewaan di mana anak-anak mereka dibenarkan berkahwin dengan rakyat China tanpa perlu menukar warganegara dan dibenarkan melanjutkan pelajaran ke universiti. Walaupun begitu, disebabkan mereka bukan warganegara China, mereka tidak boleh menjadi tentera, polis atau menyertai Parti Komunis China.<sup>270</sup>

#### **3.4.4 Perubahan Polisi Kerajaan Malaysia dan Hasrat Ingin Pulang Ke Malaysia**

Setelah menghabiskan hampir lebih 30 tahun di luar negara, Shamsiah merasa ingin sangat untuk pulang ke Malaysia<sup>271</sup>. Dengan usia yang semakin meningkat, Shamsiah Fakeh berharap pulang bersatu dengan keluarga, saudara-mara dan dapat mati di tanah air sendiri. Hasrat mereka untuk pulang juga adalah demi masa depan anak cucu mereka yang terpaksa menerima tempias nasib akibat tindakan mereka pada masa lalu. Melalui suratnya kepada Kerajaan Malaysia, Shamsiah dan Ibrahim menyatakan perasaan kesal mereka terhadap tindakan mereka pada masa lalu, malah mereka telah pun melalui banyak keperitan hidup di rantau asing.<sup>272</sup>

---

<sup>270</sup>Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 94-96.

<sup>271</sup> Temubual dengan Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011 pukul 11 pagi di pejabatnya Petaling Jaya Selangor.

<sup>272</sup> Dipetik daripada Surat Rasmi Permohonan Meminta Izin Pulang Ke Malaysia oleh Shamsiah Fakeh dan Ibrahim Mohamad kepada Kerajaan Malaysia bertarikh 15 September 1987, h. 1.

Mereka juga sudah bukan ahli Parti Komunis lagi sejak dipecat pada tahun 1968. Pihak Negara China pula pada awal-awal lagi telah menyatakan pendirian mereka untuk tidak menghalang sekiranya Shamsiah ingin pulang ke Malaysia. Malah status Shamsiah sekeluarga di China hanyalah sebagai perantau asing tanpa sebarang hak kewarganegaraan. Mengenangkan perjuangan dan pengorbanan mereka demi kemerdekaan tanah air yang telah berakhir dalam keadaan yang amat menyedihkan, kini terpaksa pula menumpang tinggal di negara orang tanpa mempunyai sebarang kewarganegaraan, menyebabkan Shamsiah dan Ibrahim memohon kepada Kerajaan Malaysia agar memahami keadaan mereka dan mengampunkan mereka agar mereka dapat kembali ke negara tanah tumpah darah.<sup>273</sup>

Bermula dari tahun 1985, Shamsiah dan suaminya telah membuat permohonan kepada kerajaan Malaysia agar dibenarkan pulang ke tanah air. Pada Jun 1985, Shamsiah dan suaminya telah pergi ke Beijing menemui pegawai Kedutaan Malaysia di China, En. J. Zainal dan En. Hasnan dan menyampaikan permohonan mereka untuk pulang secara lisan. En. Hasnan selaku Setiausaha Pertama Kedutaan berjanji untuk membantu mereka mengajukan permohonan tersebut kepada pihak yang berkenaan.<sup>274</sup>

Setelah tiada khabar berita setelah hampir setahun, pada 2 November 1986, Shamsiah suami isteri telah mengirim surat kepada En. Hasnan bertanyakan mengenai status permohonan mereka tetapi tiada balasan. Pada Disember 1986, dua orang anak mereka, Kamaruddin dan Jamaluddin telah pergi menemui pegawai di Kedutaan Malaysia di Beijing. Ketika itu En. Hasnan telah pun pulang ke Malaysia dan diganti

---

<sup>273</sup> *Ibid.*

<sup>274</sup> Dipetik daripada surat Shamsiah Fakeh dan Ibrahim Mohamad kepada adiknya, Haji Ramli bertarikh 6hb November 1987, h. 2.



oleh Setiausaha Pertama Kedutaan yang baru, En. Asmawar. En. Asmawar telah memanjangkan semula permohonan mereka ke Malaysia pada 9 Disember 1986. Sepanjang masa itu, Shamsiah telah melampirkan beberapa dokumen penting seperti salinan Foreigner Residence Permit, Passport isteri anak-anak mereka, Surat Izin Keluar dan lain-lain ke kedutaan untuk disampaikan ke Malaysia bagi membantu proses permohonan pulang mereka.<sup>275</sup>

Sepanjang berada di China, Shamsiah telah menggunakan nama samaran iaitu Fatimah manakala Ibrahim Mohamad menggunakan nama Hasan. Dalam surat bertarikh 14 Julai 1987, En. Asmawar memberitahu bahawa permohonan mereka telah disampaikan secara lisan kepada pihak berkenaan di Malaysia dan mengharapkan agar Shamsiah bersabar. Pada 7 Ogos 1987, sebuah artikel telah diterbitkan dalam Utusan Malaysia mengenai anak Shamsiah Fakeh, Kamaruddin yang ingin mencari keluarga yang terpisah di Malaysia. Ini merupakan hasil usaha anak-anak Shamsiah bersama-sama adik Shamsiah, Haji Ramli yang berada di Malaysia. Sememangnya adik lelaki Shamsiah inilah yang paling banyak berusaha dan berkorban masa dan tenaga dalam usaha untuk membawa kembali kakaknya sekeluarga pulang ke Malaysia.<sup>276</sup>

Shamsiah sekali lagi membuat permohonan rasmi secara bertulis kepada Kerajaan Malaysia pada 15 September 1987. Pada surat bertarikh 14 Oktober 1987, pihak kedutaan memberitahu yang pihak berkenaan di Malaysia sedang memproses permohonan pulang Shamsiah sekeluarga. Dalam surat yang diutus Shamsiah kepada adiknya, Shamsiah mengatakan yang pihak Kedutaan Malaysia di China sedang

---

<sup>275</sup> *Ibid.*

<sup>276</sup> *Ibid.*

bersungguh-sungguh membantu merealisasikan hasrat mereka tetapi dikatakan pihak kepimpinan di Malaysia masih belum mempertimbangkan permohonan mereka itu.<sup>277</sup>

Memetik ucapan bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tun Ghaffar Baba dalam Utusan Malaysia bertarikh 9 Ogos 1987, kerajaan akan mempertimbangkan hasrat Shamsiah sekeluarga untuk kembali ke Malaysia sekiranya mereka membuat permohonan. Namun setelah hampir 3 tahun membuat permohonan dan rayuan, namun masih tiada khabar gembira. Shamsiah tidak berputus asa dan terus membuat rayuan serta berdoa mengharapkan akan tiba suatu hari di mana dia dan keluarganya akan dapat menjejakkan kaki semula ke Malaysia sebelum dia menghembuskan nafasnya yang terakhir.<sup>278</sup>

Pada 15 Januari 1988, Utusan Malaysia sekali lagi menyiarkan berita pada muka hadapan bertajuk 'Shamsiah Fakeh Ingin Pulang'. Dua berita yang tersiar pada tahun 1987 dan 1988 ini telah menimbulkan pelbagai reaksi positif dan negatif daripada orang ramai terhadap hasrat Shamsiah untuk pulang. Kemudian pada Disember 1989, berlaku satu peristiwa bersejarah yang secara langsung mengubah nasib Shamsiah. Perjanjian Damai antara Kerajaan Malaysia dengan PKM dan Kerajaan Thailand pada 2 Disember 1989 telah menamatkan peperangan yang berlanjutan hampir 41 tahun. Menurut perjanjian ini, semua bekas ahli dan tentera PKM dibenarkan pulang ke tanah air berdasarkan undang-undang Malaysia.<sup>279</sup>

---

<sup>277</sup> Dipetik daripada surat Shamsiah Fakeh dan Ibrahim Mohamad kepada adiknya, Haji Ramli bertarikh 6 November 1987, h. 2.

<sup>278</sup> *Ibid.*

<sup>279</sup> *Ibid.*

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, kerajaan Malaysia meneruskan polisi penjajah Inggeris dengan melancarkan gerakan menghapuskan komunis termasuklah TPNM dan PKM. Malaysia merupakan antara tiga negara Asia selain Thailand dan Filipina yang bersekutu dengan blok barat yang diketuai Amerika Syarikat menyokong gerakan menentang komunis dunia termasuk China. Hanya pada tahun 1970-an ketika Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, barulah Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik China.<sup>280</sup>

Jalan ke arah termeterainya perundingan damai antara Kerajaan Malaysia, Thailand dan PKM bermula pada tahun 1987. Perundingan peringkat tinggi perjanjian damai ini dimulakan pada Februari 1989. Perundingan yang berlangsung sebanyak lima kali itu diadakan di Pulau Phuket, Thailand Selatan. Pusingan pertama berlangsung antara 2-3 Februari 1989. Dalam perundingan tersebut pihak PKM menyatakan bahawa mereka sedia menamatkan peperangan sekiranya kedudukan PKM diakui dan dihalalkan serta perjuangan bersenjata PKM diakui. Pihak Malaysia bagaimanapun menolak usul tersebut.<sup>281</sup>

Pusingan kedua rundingan pula berlangsung pada 15-17 Mac 1989 dan pusingan ketiga pada 11-13 Mei 1989. Rundingan pada pusingan ketiga ini bagaimanapun terbantut kerana isu mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) apabila kerajaan Malaysia bertegas mahu mengenakan tindakan ISA terhadap ahli komunis yang

---

<sup>280</sup> *Ibid.*

<sup>281</sup> Suriani Abdullah (1999), *Op. Cit.*, h. 231-240.

kembali ke Malaysia. Kedua-dua pihak bertegas dengan pendirian masing-masing. Bagaimanapun perundingan dengan pihak Thailand berjalan dengan lancar.<sup>282</sup>

Rundingan damai diteruskan dalam pusingan empat yang berlangsung pada 2-3 Oktober dan pusingan terakhir pada 2-4 November 1989. Dalam pusingan kelima ini, Chin Peng turut serta dalam perundingan. Akhirnya dua persetujuan damai telah dicapai iaitu antara kerajaan Malaysia dengan PKM dan antara kerajaan Thailand dengan PKM. PKM bersetuju menamatkan perjuangan bersenjata dan memusnahkan senjata-senjata mereka, serta mematuhi undang-undang dan perlembagaan Malaysia. Kerajaan Malaysia pula berjanji membenarkan bekas anggota-anggota PKM yang berwarganegara Malaysia kembali ke tanah air dan dibenarkan bergiat dalam politik menurut undang-undang perlembagaan negara Malaysia.<sup>283</sup>

Sebuah jawatankuasa kerja ditubuhkan bagi membuat draf perjanjian. Akhirnya pada 2 Disember 1989, satu perjanjian damai antara Kerajaan Malaysia, Thailand dan PKM telah ditandatangani menandakan tamatnya era berperangan bersenjata dan mewujudkan perdamaian di seluruh kawasan sempadan Malaysia dan Thailand. Upacara tandatangan Perjanjian Damai antara Kerajaan Malaysia dan PKM serta Kerajaan Diraja Thailand dan PKM berlangsung dengan jayanya di Hotel Lee Gardens, Hadyai, Selatan Thailand pada pagi 2 Disember 1989.<sup>284</sup>

Pada tahun 1991, majalah Dewan Masyarakat telah mengeluarkan artikel sebanyak tujuh siri bermula dari Februari hingga Ogos 1991 mengenai diri Shamsiah

---

<sup>282</sup> *Ibid.*

<sup>283</sup> *Ibid.*

<sup>284</sup> *Ibid.*

Fakeh. Artikel hasil inisiatif penulisnya, Datin Seri Fatini Yaakob ini telah menimbulkan perhatian dan perbincangan hangat di kalangan orang ramai. Dalam satu petikan akhbar di Malaysia bertarikh 1 April 1992 pula, Panglima Angkatan Tentera Darat Malaysia, Jeneral Tan Sri Yaakob Zain membuat kenyataan mengatakan beberapa pemimpin PKM menyatakan tidak akan pulang ke Malaysia termasuklah Shamsiah Fakeh. Kenyataan ini bagaimanapun disangkal tegas oleh Shamsiah dalam ruangan ‘Surat Dari Pembaca’ Utusan Malaysia bertarikh April 1992.<sup>285</sup> Penantian Shamsiah dan keluarganya berbaloi apabila setelah hampir sepuluh tahun menunggu, akhirnya pada 5 Mac 1994, En. Kamaruddin, Kuasa Usaha Kedutaan Malaysia di China telah menyampaikan khabar gembira di mana Kerajaan Malaysia telah bersetuju membenarkan Shamsiah Fakeh dan keluarga pulang ke Malaysia.<sup>286</sup>

### **3.5 KEHIDUPAN SHAMSIAH FAKEH DARI TAHUN 1994 HINGGA 2008**

Pada 5 Mac 1994, melalui Encik Kamaruddin selaku Kuasa Usaha Kedutaan Malaysia di China, Shamsiah Fakeh menerima berita gembira mengenai persetujuan Kerajaan Malaysia membenarkan beliau dan keluarga kembali ke Malaysia. Segala dokumen perjalanan seperti passport untuk sembilan orang juga telah disediakan. Keputusan sebulat suara telah diambil iaitu Shamsiah sekeluarga akan berangkat pulang pada 12 Julai 1994. Shamsiah Fakeh akan pulang atas nama sendiri, bukan sebagai PKM.<sup>287</sup>

---

<sup>285</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op.Cit.*, h. 129.

<sup>286</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*,h. 126.

<sup>287</sup> *Ibid.*

Kapal terbang yang membawa Shamsiah sekeluarga pulang ke Malaysia selamat tiba di Lapangan Terbang Subang Kuala Lumpur pada 12 Julai 1994. Mereka disambut oleh pegawai dan anggota Polis Cawangan Khas dan seterusnya mereka dibawa ke suatu tempat peranginan yang dirahsiakan. Di bawah kepimpinan Tun Dr. Mahathir, Kerajaan Malaysia mengambil dasar bertolak ansur dan memberi pengampunan tanpa syarat. Hak kewarganegaraan mereka juga dipulihkan dan diberi kad pengenalan warganegara Malaysia. Shamsiah Fakeh dan Ibrahim Mohamad tidak ditahan, tetapi hanya ditempatkan di tempat peranginan pegawai kerajaan selama sepuluh hari untuk membiasakan diri dengan iklim di Malaysia.<sup>288</sup>

Pada 22 Julai 1994, Shamsiah dan keluarganya dijemput oleh adik beliau, Haji Ramli dan di bawa ke Gombak untuk bersatu dengan sanak saudara setelah terpisah selama 46 tahun. Berita kepulangan Shamsiah Fakeh ke Malaysia pula disiarkan dalam Utusan Malaysia dan Berita Harian pada 23 Julai 1994. Beberapa hari selepas itu, Persatuan Bekas Polis dan Persatuan Bekas Tentera telah membuat kenyataan akhbar meminta agar ahli-ahlinya tidak memusuhi Shamsiah Fakeh.<sup>289</sup>

Ketika tamat merakamkan kisah perjuangan beliau dalam memoirnya pada 17 Jun 2002, Shamsiah Fakeh dan suaminya ketika itu menetap di Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur. Sejak kembalinya Shamsiah dan suaminya, mereka banyak menghabiskan masa bersama sanak saudara mereka. Mereka juga tidak lagi terlibat dengan sebarang aktiviti politik mahupun aktiviti-aktiviti masyarakat disebabkan usia

---

<sup>288</sup> *Ibid.*

<sup>289</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 128.

dan juga kesihatan mereka yang uzur.<sup>290</sup> Shamsiah mengalami sakit-sakit semasa tinggal di China lagi. Beliau terpaksa makan ubat setiap hari kerana sakit darah tinggi, sengal-sengal sendi tulang dan lelah. Begitu juga dengan suaminya, Ibrahim Mohamad yang sering sakit tulang.<sup>291</sup>

Suaminya Ibrahim Mohamad telah kembali ke rahmatullah pada tahun 2006 akibat uzur. Manakala Shamsiah Fakeh menghembuskan nafas terakhir beliau pada jam 9 pagi pada 20 Oktober 2008 di kediaman anak lelakinya, Jamaluddin Ibrahim di Kondominium de Tropicana, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur akibat sakit tua. Jenazah beliau telah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Sungai Besi, Kuala Lumpur pada jam 5.30 petang hari yang sama dengan diirngi oleh lebih seratus orang sanak saudara dan kenalan rapat dari pelbagai bangsa.<sup>292</sup>

---

<sup>290</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim pada 2 April 2011, pukul 5petang di kediaman ibunya, Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

<sup>291</sup> Dipetik daripada surat Shamsiah Fakeh dan Ibrahim Mohamad kepada adiknya, Haji Ramli yang tinggal di Malaysia bertarikh 7 Disember 1987, h. 2.

<sup>292</sup> Lihat petikan Khairil Abdul Rahim, Belasungkawa Shamsiah Fakeh dalam surat khabar Era Baru, pada 19 Jun 2009, h. 14.

# **BAB 4**



## **BAB EMPAT**

### **ANALISA SUMBANGAN DAN PERJUANGAN SHAMSIAH FAKEH TERHADAP MASYARAKAT MELAYU**

#### **4.1 PENGENALAN**

Sebelum memulakan kajian terhadap tokoh ini, penulis hanya mengenali Shamsiah Fakeh sebagai seorang wanita Melayu yang terjebak dalam gerakan komunis tanpa mendalami dan memahami di mana dan apakah pencetus yang menyebabkan beliau bersama komunis. Komunis dalam konotasi lazimnya difahami sebagai orang Cina yang menentang askar atau pasukan keselamatan negara.

Dalam masyarakat kita, perkataan komunis itu memberi satu impresi seorang yang tidak mengakui Tuhan dan memiliki ideologinya tersendiri. Bagi orang Melayu pula seseorang yang menolak agama adalah sangat buruk, jijik dan hina. Tetapi setelah penat jerih menjalankan penyelidikan dan menyelami perjuangan beliau, baru diketahui hujung jatuh sebenar perjuangan dan siapa sebenarnya insan bernama Shamsiah Fakeh Sutan Sulaiman.

Dalam bab ini, penulis akan membuat satu analisa berdasarkan bahan-bahan kajian yang telah didapati terhadap sumbangan-sumbangan Shamsiah Fakeh terhadap masyarakat. Bab ini juga akan mengutarakan pendapat dan pandangan masyarakat umum terhadap Shamsiah serta penerimaan masyarakat terhadap perjuangan beliau. Seterusnya penulis akan membuat suatu penilaian umum dengan mengutarakan pendapat penulis sendiri terhadap subjek kajian secara profesional.

## 4.2 SUMBANGAN SHAMSIAH FAKEH TERHADAP MASYARAKAT MELAYU DI TANAH MELAYU

Shamsiah Fakeh lahir dalam keluarga yang kuat dengan pegangan agama. Walaupun terpaksa melalui pahit getir kehidupan kerana berasal daripada keluarga yang miskin, tetapi tetap mementingkan pelajaran sehingga dihantar belajar ke Sekolah Agama Rahmah Al-Yunusiah, Madrasah Tuddimiah, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia ketika usia beliau 13 tahun.<sup>293</sup>

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1940 ketika masih dihimpit kesengsaraan politik akibat penjajahan kuasa luar, Shamsiah terbelenggu dengan perkahwinan yang tidak membawa kebahagiaan meskipun mendapat restu daripada keluarga. Hal ini kerana suaminya tidak menghayati erti hidup berkeluarga menurut hukum agama mahupun adat Melayu ketika itu. Kegagalan dalam dua perkahwinan awalnya telah membakar semangat juang beliau untuk hidup bukan sahaja sebagai individu yang berguna tetapi juga kepada bangsa dan negara sehingga nafas perjuangan memerdekakan negara daripada cengkaman penjajah berakar umbi dalam dirinya.<sup>294</sup> Secara peribadi, penulis beranggapan ini juga merupakan suatu sumbangan secara tidak langsung terhadap perjuangan nasib kaum wanita. Shamsiah secara tidak langsung membuktikan melalui pengalaman hidup beliau sendiri bahawa setiap wanita mampu mengubah nasib mereka sekiranya mereka cecal dan tidak berputus asa walaupun terpaksa menerima dugaan yang berat. Pengalaman merupakan guru terbaik dan kebangkitan Shamsiah menjadi salah satu bukti yang tidak dapat disangkal.

---

<sup>293</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 18.

<sup>294</sup> *Ibid.*

Shamsiah seorang yang pandai berpidato, peramah dan merendah diri. Beliau sentiasa bersederhana dalam hidupnya. Beliau mengibaratkan dirinya sebagai ‘akar bukan rotan’ pada masa awal penglibatan beliau menyertai PKMM. Beliau bukanlah pemimpin yang besar dan mencorakkan PKMM. Beliau hanya seorang pemimpin yang dipimpin dan bukanlah seorang yang mempunyai kredibiliti memimpin seperti Ahmad Boestamam atau Dr. Burhanuddin Helmy. Walau bagaimanapun beliau seorang yang tekun dan gigih untuk belajar sesuatu. Oleh kerana kegigihan dan semangat beliau yang tinggi ini, beliau terlibat dalam memperjuangkan negara dari penjajah.<sup>295</sup>

Ketokohan dan kepetahan Shamsiah berpidato sememangnya telah diakui ramai. Beliau merupakan antara wanita terawal yang mampu dan berani berpidato secara terbuka dalam pelbagai isu terutamanya mengenai semangat nasionalisme. Secara tidak langsung, ini juga membuka peluang dan menarik minat para wanita lain untuk turut mencontohi Shamsiah agar wanita lebih berani dan berkeyakinan untuk berbahas secara intelektual. Isi-isi pidato Shamsiah pula kebanyakannya mengandungi isi yang merangsang semangat dan menyedarkan wanita-wanita kampung tentang kepentingan membangunkan diri masyarakat dan memerdekakan negara daripada cengkaman penjajahan.<sup>296</sup>

Shamsiah sering kali menyelitkan dalil-dalil al-Quran dan hadis di dalam setiap ucapannya. Tujuannya adalah untuk membangkitkan semangat masyarakat agar bangun

---

<sup>295</sup> Temubual bersama Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011, pukul 11.00 pagi di pejabatnya, Petaling Jaya Selangor.

<sup>296</sup> *Ibid.*

berjuang menentang penjajah. Antara ayat al-Quran yang digunakan oleh Shamsiah dalam ucapannya ialah :-<sup>297</sup>

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ  
لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءَ أَفْلا  
مَرَدٍّ لَهُ، وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ ﴿١١﴾

Maksudnya :-

*“Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. **Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.** Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapaupun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapaupun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.”<sup>298</sup>*

(Surah Ar-Ra’d : ayat 13:11)

Petikan Surah Ar-Ra’d di atas merupakan antara ayat yang sering digunakan oleh Shamsiah dalam setiap pidatonya. Ini kerana kandungan ayat tersebut yang mampu membangkitkan semangat apabila mendengarnya. Shamsiah sering membaca ayat tersebut dan menekankan bahawa *“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib*

<sup>297</sup> Lihat Fatini Yaacob, *AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah*, Dewan Masyarakat, Mei 1991, h. 21.

<sup>298</sup> Surah Ar-Ra’ad : Ayat 13:11.

*hambanya melainkan hamba itu yang mengubah nasibnya sendiri*”.<sup>299</sup> Ini kerana jika masyarakat hanya tunduk dan patuh kepada setiap arahan penjajah walaupun ianya memudaratkan dan tidak berani untuk berjuang demi kebebasan dan hak mereka, maka selama-lamanya negara akan terus berada dalam cengkaman penjajahan. Masyarakat haruslah bangun sendiri dan berjuang untuk mencapai kemerdekaan tanah air. Mereka perlu berganding bahu berjuang tanpa mengira jantina dan melindungi negara daripada terus dijajah oleh British.

Selain itu, Shamsiah juga sering mengambil contoh daripada sirah Rasulullah s.a.w mengenai isteri-isteri Baginda di luar rumah dan menuntut ilmu sebagai penguat hujahnya. Antara contoh ucapan Shamsiah ialah :-<sup>300</sup>

*“Isteri Rasulullah s.a.w yang paling muda (Saidatina Aishah) adalah orang yang begitu dalam ilmunya, terutama tentang hadis. Beliau menjadi pakar rujuk hadis yang terkenal selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Imam-imam besar Islam juga merujuk kepada beliau. Bukti ini sudah jelas menunjukkan bahawa kedudukan dan peranan wanita jauh lebih besar dan bermakna daripada hanya di dapur dan anak-anak. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menuntut ilmu kerana ilmu itu tidak hanya untuk lelaki tetapi juga diwajibkan untuk wanita.”*

Contoh sirah Rasulullah s.a.w di atas patut dijadikan teladan kepada setiap wanita di seluruh dunia. Sejarah telah membuktikan kehebatan wanita bukan hanya di dapur dan menjaga anak-anak tetapi lebih dari itu iaitu membangunkan dan memimpin negara. Jantina seseorang bukanlah suatu penghalang bagi individu tersebut untuk maju dan menuntut ilmu. Bahkan Islam sangat menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu

---

<sup>299</sup> Fatini Yaacob, *Op.Cit.*, Mei 1991,h. 21.

<sup>300</sup> *Ibid.*

pengetahuan yang bermanfaat. Wanita yang berilmu juga akan mempunyai darjat yang tinggi dan dihormati oleh masyarakat. Oleh itu, kaum wanita haruslah menuntut ilmu dan bersama-sama kaum lelaki untuk membangunkan negara.

Shamsiah juga sering mengingatkan wanita dalam pidatonya:

*“Untuk mengejar kemerdekaan, kita harus berganding bahu dengan lelaki. Kita tidak boleh berpisah dengan lelaki kerana kita umpama sayap kiri dan lelaki umpama sayap kanan. Sekiranya sayap kiri tidak bergerak, sayap kanan tidak boleh terbang.”<sup>301</sup>*

Apabila berpidato terhadap kaum lelaki pula, Shamsiah banyak menekankan mengenai soal kesedaran membebaskan tanah air daripada penjajah. Shamsiah bijak menjadikan contoh-contoh negara luar di Asia yang sedang turut berjuang menentang penjajahan seperti Burma, India dan Vietnam. Shamsiah juga menjadikan kejayaan perjuangan berdarah Indonesia mencapai kemerdekaan sebagai contoh agar rakyat tidak gentar dan takut untuk berjuang.<sup>302</sup>

Sebagai individu yang mendapat pendidikan agama, Shamsiah sentiasa mempertahankan prinsip akidah agama Islam dalam kehidupan sehariannya. Beliau juga cuba berdakwah secara tidak langsung kepada masyarakat kerana merasakan itu juga merupakan tanggungjawabnya selain berjuang untuk kemerdekaan negara. Ini terbukti melalui isi-isi pidato beliau yang sentiasa menyelitkan unsur-unsur Islam. Malah sejak sebelum menceburkan diri dalam arena politik lagi, Shamsiah telah melakukan

---

<sup>301</sup> *Ibid.*

<sup>302</sup> *Ibid.*

sumbangan terhadap kesedaran agama dalam masyarakat setempatnya. Antaranya ialah ketika Shamsiah melangsungkan perkahwinan pertamanya. Ketika diijab kabulkan dengan suami pertamanya (Yassin Kina), Shamsiah bertegas menolak adat persandingan yang sering diamalkan oleh masyarakat Minangkabau di tempatnya kerana mengetahui bahawa hukum persandingan adalah haram di sisi Islam.<sup>303</sup> Shamsiah mahu membetulkan fahaman kebanyakan orang di Kuala Pilah pada masa itu dengan menjadikan dirinya sebagai contoh. Tindakan Shamsiah ini mendapat restu daripada kedua orang tuanya walaupun orang kampung memperkatakan hal tersebut memandangkan ia bertelingkah dengan adat resam turun-temurun.<sup>304</sup>

Semasa Shamsiah menjadi ketua wanita PKMM, beliau banyak memberi sumbangan kepada masyarakat terutama kepada kaum wanita. Beliau telah mengatur program kesedaran untuk wanita-wanita kampung agar maju dari segi pemikiran dan keilmuan. Wanita-wanita kampung ini mesti dididik supaya mengenal dunia luar, bukan sekadar di ceruk dapur sahaja. Beliau telah mengatur kelas-kelas belajar membaca dan menulis untuk wanita buta huruf, kelas memasak, kelas menjahit dan kelas berhias diri agar wanita-wanita kampung ini boleh membawa diri di dalam majlis.<sup>305</sup>

Selain itu, Shamsiah menyuruh tiap-tiap wanita membeli surat khabar untuk membaca supaya mereka boleh mengetahui keadaan semasa yang berlaku di sekeliling dunia. Sebagai seorang yang terpelajar, Shamsiah ingin melihat para wanita sezaman

---

<sup>303</sup> Dipetik dari Fatini Yaacob, *Laporan Penyiasatan: Pendidikan, Perkahwinan dan Penceraian Shamsiah*, Dewan Masyarakat, Mac 1991, h. 24.

<sup>304</sup> Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mei 1991, h. 22.

<sup>305</sup> *Ibid.*

dengannya juga menjadi insan yang berilmu dan peka dengan isu serta situasi semasa.<sup>306</sup>

Antara sumbangan terbesar Shamsiah Fakeh terhadap perjuangan PKMM menentang penjajah ialah dari segi kewangan. Umum sedia maklum bahawa perjuangan mencapai kemerdekaan memerlukan perbelanjaan yang sangat tinggi, apatah lagi bagi sebuah parti yang diharamkan seperti PKMM. Selain itu, disebabkan PKMM dianggotai oleh golongan rakyat biasa dan bukannya golongan elit, maka ia sentiasa menghadapi masalah dari segi kewangan untuk melicinkan pergerakan dan perkembangannya. Kebiasaannya PKMM bergerak berdasarkan ihsan wang derma orang ramai termasuk makanan dan tempat tinggal. Jualan akhbar rasmi PKMM seperti *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya* sedikit sebanyak dapat membantu menampung kos pergerakan PKMM.<sup>307</sup>

Shamsiah Fakeh bersama-sama ahli Jawantankuasa Pusat AWAS mula memikirkan cara bagi menyelesaikan kemelut ini. Oleh kerana sukar mengutip wang dalam suatu jumlah tertentu pada sesuatu masa kerana pendapatan penduduk kampung yang sedikit, maka suatu cara telah dicadangkan iaitu kaum wanita yang bekerja di sawah atau menoreh getah memperuntukan sejumlah kecil hasil pendapatan mereka setiap hari dalam satu tabung kecil. Bagi suri rumah yang tidak bekerja pula, diminta mengasingkan segenggam beras setiap kali memasak ke dalam satu bekas agar dapat diserahkan pada hujung bulan. Beras yang dikumpulkan ini kemudiannya dijual bagi mendapatkan wang untuk perjuangan parti. Shamsiah juga turut meminta agar para

---

<sup>306</sup> *Ibid.*

<sup>307</sup> *Ibid.*



wanita menderma apa sahaja yang terdaya sama ada wang atau barangan setiap kali bermesyuarat. Hasilnya banyak wanita-wanita yang sanggup menderma barangan kemas yang dipakai untuk diserahkan pada parti. Tiada rasa berat hati, malah mereka berbangga kerana dapat berbakti kepada parti. Melalui cara ini, AWAS telah mendatangkan suatu impak besar terhadap PKMM dan seterusnya kepada masyarakat setempat. Selain disedarkan mengenai perjuangan kemerdekaan, mereka juga disedarkan tentang pengorbanan harta dan tenaga demi mencapai cita-cita kemerdekaan.<sup>308</sup>

Sumbangan Shamsiah yang paling besar dan berharga pada kita semua ialah pengorbanan beliau menentang penjajah British di Tanah Melayu. Beliau sanggup menggadai masa mudanya untuk berjuang demi kemerdekaan negara. Demi cintakan tanah air, beliau masuk ke hutan berjuang bersama-sama PKM menentang penjajah. Sebagai pejuang beliau sanggup dan lebih rela bersusah payah dalam hutan daripada menyerah diri kepada penjajah.<sup>309</sup>

Setelah mencapai kemerdekaan pada 1957, kerajaan Malaya ketika itu telah bersekutu dengan blok Barat dalam gerakan menentang komunis termasuklah negara China. Hubungan dingin antara Malaysia dan China berterusan sehinggalah Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia kedua pada 1970-an, barulah hubungan Malaysia-China bertambah baik. Semasa di China, Shamsiah bersama suaminya telah memberikan sedikit sumbangan dalam usaha untuk menjalinkan hubungan baik antara Malaysia dengan China dengan berkhidmat sebagai juruhebah siaran bahasa Melayu di

---

<sup>308</sup> *Ibid.*

<sup>309</sup> Temubual bersama Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011, pukul 11pagi di pejabatnya, Petaling Jaya, Selangor.

siaran antarabangsa Radio Beijing. Bertugas sebagai pakar dan pembantu pakar, siaran radio ini telah ke udara sejak 1 Mac 1959. Suaminya juga turut mengajar bahasa Melayu di Institut Bahasa Asing Beijing.<sup>310</sup>

#### **4.3 PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP PERJUANGAN SHAMSIAH FAKEH DI TANAH MELAYU**

Perjuangan bukanlah sesuatu yang mudah, apatah lagi bagi seorang wanita. Selama mengabdikan diri kepada perjuangan kemerdekaan, Shamsiah tidak terlepas daripada pandangan-pandangan orang ramai terhadapnya baik negatif mahupun positif. Pelbagai catatan sejarah ditulis mengenai Shamsiah mengikut versi dan persepsi masing-masing. Bagi sesetengah pihak, Shamsiah Fakeh adalah seorang pejuang kemerdekaan tanah air yang gigih dan contoh seorang wanita yang layak digelar sebagai Serikandi Melayu. Bagi sesetengah pihak yang lain pula, Shamsiah ialah seorang komunis dan pengkhianat bangsa. Shamsiah Fakeh adalah nama yang dibenci, didendami, namun dikagumi. Hanya segelintir yang menghargai dan menyayangnya. Persoalan demi persoalan diutarakan tentang Shamsiah, pendapat siapakah yang benar? Sesungguhnya tiada jawapan yang tepat dalam persoalan seperti ini. Pendapat dan pandangan adalah sesuatu yang sangat subjektif.

Sebelum kita memberikan perspektif terhadap keputusan yang diambil oleh Shamsiah tentang perjuangannya dalam PKM di Tanah Melayu, kita harus meneliti dari dalam bagaimana sejarah perjuangan PKM di Tanah Melayu, khususnya dalam usaha

---

<sup>310</sup> Shamsiah Fakeh(2007), *Op. Cit.*, h. 125.

mengkomunikasikan orang Melayu. Sejarah komunis di kalangan orang Melayu di Tanah Melayu sebenarnya berkait rapat dengan Indonesia. Tan Malaka yang menjadi wakil komunis bagi kawasan Asia Tenggara memberi laporan kepada Pertubuhan Antarabangsa (Comintern) bahawa orang Melayu di Tanah Melayu perlu dikomunikasikan dalam usaha menawan Tanah Melayu. Hal ini kerana orang Melayu adalah bangsa teras kepada negara ini. Namun pengalaman PKM di sini menunjukkan hal yang ironis apabila Melayu di Indonesia dengan mudah dapat ditawan tetapi tidak begitu keadaannya dengan orang Melayu di Tanah Melayu.<sup>311</sup>

Corak permainan politik PKM yang berselindung di belakang pertubuhan lain mulanya tidak dicurigai oleh British. Dengan menggunakan senjata yang tidak dikembalikan kepada British semasa menentang Jepun, PKM mengusahakan agar anggota-anggota yang direkrut dapat dilatih menentang British melalui latihan di bawah PETA (yang ditubuhkan semula oleh PKM) di Kem se-Melayu di Lubuk Kawah, Temerloh.<sup>312</sup>

British yang pada mulanya mempercayai PKM kerana menyokongnya kembali memerintah Tanah Melayu kini mula melihat belang sebenar PKM yang berpakat dengan nasionalis kiri menentanginya. Bahaya yang dikesan oleh British ini lebih menakutkannya apabila adanya kelompok Melayu tempatan yang turut terbabit. Untuk mengelakkan kuasa jatuh ke tangan PKM, pihak British terpaksa berbaik-baik dengan nasionalis kanan (UMNO) supaya boleh menjaga kepentingannya di Tanah Melayu.<sup>313</sup>

---

<sup>311</sup> Lihat rencana Fatini Yaacob, *PKM Seret Orang Melayu ke Hutan*, *Mingguan Malaysia*, 30 Oktober 1994, h. 15.

<sup>312</sup> *Ibid.*

<sup>313</sup> *Ibid.*

Menurut beberapa penyelidik sejarah komunisme di Tanah Melayu, PKM sebenarnya mencurigai niat KMM berhubung baik dengan Jepun semasa peperangan. KMM dilihat lebih berminat mencapai kemerdekaan dengan Indonesia di bawah konsep “Melayu Raya”<sup>314</sup>. PKM mentafsir bahawa sekiranya kemerdekaan ini diperolehi, PKM akan diketepikan. Oleh itu, PKM mengambil sikap menyokong British walaupun ini menyalahi prinsip perjuangan komunisme yang menentang imperialisme.<sup>315</sup>

Walaupun gagal bekerjasama dengan KMM, PKM ternyata mendapat manfaat yang besar daripada pendudukan Jepun. Mereka berjaya mendapat kader-kader komunis Melayu hasil daripada usaha mereka sendiri. Mereka berjaya merekrut sebahagian besar orang Melayu menjadi *hard core* komunis menerusi penyertaan orang Melayu di dalam MPAJA dan PETA. Dari sinilah Abdullah C.D. dan Rashid Maidin direkrut sehingga menjadi pemimpin tertinggi PKM. Besar kemungkinan melalui cara inilah pemimpin lain seperti Musa Ahmad, Shamsudin Salleh, Wahi Anwar dan lain-lain pemimpin PKMM termasuk Shamsiah direkrut menjadi komunis.<sup>316</sup>

Bagi mereka yang rapat dan mengenali Shamsiah, wanita ini merupakan seorang yang sangat istimewa. Menyentuh mengenai sifat perilakunya, bekas suami Shamsiah Fakeh yang pertama, Mohd. Yassin Kina mengenali Shamsiah sebagai seorang yang sangat kukuh pegangan agamanya dan pada masa yang sama mempunyai perwatakan sebagai seorang pejuang dan ahli politik. Sebagai seorang isteri, Shamsiah merupakan

---

<sup>314</sup> Perjuangan berkonsepkan Melayu Raya bertujuan untuk memerdekakan Tanah Melayu dan Indonesia diperjuangkan oleh pejuang-pejuang radikal berketurunan Indonesia yang menetap di Tanah Melayu. Antara tokoh penting yang memperjuangkan konsep tersebut ialah Ibrahim Haji Yaakub, Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam. Untuk keterangan lanjut, lihat Ramlah Adam (2000), h. 37-39. Baca juga keseluruhan Ahmad Boestamam (1972).

<sup>315</sup> Lihat Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, 30 Oktober 1994, h. 15.

<sup>316</sup> *Ibid.*

seorang yang taat pada suami, namun pendiriannya terhadap agama dan perjuangan bangsa sangat jelas dan kuat. Yassin Kina sama sekali tidak pernah menyangka bagaimana bekas isterinya itu boleh menyertai komunis sedangkan Shamsiah begitu kukuh pegangan agamanya.<sup>317</sup>

Sebagai seorang ibu pula, Shamsiah digambarkan oleh anak-anaknya sebagai seorang yang penyayang dan pendiam. Bagaimanapun ketegasannya tetap terserlah dalam mendidik anak-anak beliau menjadi insan yang berguna. Sifat tidak putus asa Shamsiah seringkali menjadi contoh ikutan kepada anak-anak beliau. Shamsiah jarang bercerita terhadap anak-anaknya mengenai keperitan hidupnya dan pengalaman getir ketika berjuang menentang penjajah. Bagi beliau apa yang penting adalah kesan positif daripada perjuangan tersebut dan bagaimana ia dapat mengubah nasib anak-anaknya dan juga anak bangsa<sup>318</sup>.

Dikalangan saudara kandung Shamsiah sendiri, kebanyakan daripada mereka keberatan untuk berbicara mengenai Shamsiah. Pertalian kekeluargaan mereka dengan seorang ahli komunis mungkin menyebabkan mereka turut menerima tempas dan dipandang serong oleh masyarakat setempat. Selain itu, kebanyakan adik-beradik Shamsiah juga tidak begitu mengenali Shamsiah memandangkan mereka masih kecil ketika Shamsiah menghilangkan diri untuk pergi berjuang. Hanya adik lelaki Shamsiah, Haji Ramli yang sememangnya rapat dengan kakaknya itu sejak kecil lagi yang sentiasa memberi sokongan tidak berbelah bagi kepada Shamsiah yang digelar sebagai Kak Andah. Sepanjang hidupnya, Haji Ramli mengenali Shamsiah sebagai seorang yang

---

<sup>317</sup> Dipetik dari Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mac 1991, h. 25.

<sup>318</sup> Temubual bersama Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011, pukul 11pagi di pejabatnya, Petaling Jaya Selangor.

tekun, serius dan cekal dalam setiap pekerjaan dan kepercayaannya. Haji Ramli yang juga merupakan bekas anggota API Kuala Pilah amat bangga dengan pencapaian Shamsiah dalam bidang politik. Tetapi seperti juga mereka yang mengenali Shamsiah sejak kecil, Haji Ramli turut terkejut apabila mengetahui penglibatan Shamsiah dalam parti komunis pada tahun 1948. Haji Ramli sekeluarga tidak pernah menyangka Shamsiah akan memilih komunis sebagai platform untuk berjuang. Namun, setiap apa yang dipilih atau dilakukan oleh Shamsiah pada ketika itu mesti ada sebab dan musababnya.<sup>319</sup>

Bagaimanapun, bapa Shamsiah menerima berita tersebut dengan tenang. Beliau percaya dengan segala didikan yang telah diberikannya kepada Shamsiah, Shamsiah tidak akan begitu mudah tersesat akidahnya. Pasti Shamsiah mempunyai alasan yang kuat sehinggakan terpaksa menyertai komunis.<sup>320</sup> Menurut kenalan rapat keluarga Shamsiah, Ustaz Hashim Ghani, Fakih Sutan sangat bangga dengan anaknya dan sentiasa merestui perjuangan Shamsiah. Ustaz Hashim mempunyai pendapat beliau mengenai penglibatan Shamsiah dalam komunis. Menurutnya, Shamsiah sememangnya seorang pejuang kebangsaan sejati. Beliau yakin Shamsiah tidak berniat memperjuangkan ideologi komunis, tetapi desakan keadaan dan masa yang memaksa Shamsiah terus tinggal dalam hutan dan menyertai komunis.<sup>321</sup>

Bekas rakan sekolah Shamsiah dan juga merupakan salah seorang pemimpin wanita terawal PKMM di Ipoh, Perak, Datin Sakinah Junid turut berkongsi pendapat

---

<sup>319</sup> Dipetik dari Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Mac 1991, h. 26.

<sup>320</sup> *Ibid.*

<sup>321</sup> Depetik dari Fatini Yaacob, Datin Sakinah Junid: Kawan Sekolah Shamsiah dan Wanita Berani di Dalam PKMM, Dewan Masyarakat, April 1991, h. 25.

yang sama. Datin Sakinah berpendapat mereka yang masuk hutan untuk berjuang seperti Shamsiah tidak berniat untuk menyertai komunis. Pejuang-pejuang ini hanya bekerjasama dengan komunis dan rela berjuang dari dalam hutan kerana cintakan tanah air dan bangsa. Mereka juga mempunyai pegangan agama dan tidak mungkin mereka menganut fahaman komunis.<sup>322</sup> Hal ini terbukti dalam soal jawab antara Dr. Burhanuddin al-Helmy dengan Moktaruddin Lasso iaitu pemimpin PKMM yang pertama (seorang komunis) berkaitan akidah. Antara soal jawab tersebut ialah :-<sup>323</sup>

“Moktaruddin : Apakah benar Tuhan itu ada?

Dr. Burhanuddin : Sudah tentu ada.

Moktaruddin : Benarkah Ia berkuasa?

Dr. Burhanuddin : Benar.

Moktaruddin : Jika benar suruhlah Dia membuat sepasang terompah kayu sekarang dan kalau Dia boleh membuatnya saya akan percaya Tuhan itu ada dan Dia berkuasa.

Dr. Burhanuddin : Tidak bererti Tuhan tidak boleh membuat terompah kayu itu. Dia boleh. Kalau alam ini dapat diciptakanNya kenapa perkara mudah dan kecil seperti membuat terompah kayu itu tidak boleh.

Moktaruddin : Orang Islam menyembah Tuhan yang dipanggil Allah, tetapi ada juga orang yang menyembah bulan, matahari dan sebagainya. Mereka katakan benda itu Tuhan. Bagaimanakah ini sedangkan Tuhan itu dikatakan Esa?

Dr. Burhanuddin : Ada yang memanggil Allah, ada yang memanggil God, ada yang memanggil Tok Pekong, ada yang memanggil Sami, ada yang memanggil Tuhan Bulan, Matahari dan entah apa lagi. Itu soal bahasa dan istilah, panggilan sahaja yang banyak tetapi bendanya tetap yang satu itu juga. Ertinya Tuhan itu memang Esa.

Dr. Burhanuddin : Komunis percayakan ‘nature’? Tidakkah ini menunjukkan setiap orang percayakan adanya Tuhan kerana tidak ada yang menyatakan tidak ada?

Moktaruddin : (akhirnya mengangkat tangan ke atas dan berkata) Cukuplah setakat ini saja tuan doktor dan kita seri.”

---

<sup>322</sup> Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, h. 26.

<sup>323</sup> Lihat Ahmad Boestamam (1972), *Dr. Burhanuddin : Putera Setia Melayu Raya*, Terbitan Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, h. 7-8.

Soal jawab di atas menunjukkan bahawa walaupun mereka menyertai komunis tetapi akidah dan pegangan mereka masih percayakan kepada Allah s.w.t. Mereka masih mengamalkan amalan-amalan yang berkaitan agama. Shamsiah dan suaminya juga tidak terkecuali. Menurut Encik Hazman, semasa Shamsiah pulang ke Malaysia, beliau masih bertudung dan suaminya sentiasa bersongkok. Mereka menyertai komunis hanya untuk berjuang menentang penjajah British semata-mata. Hal ini kerana pada masa itu mereka tidak ada pilihan melainkan bersama-sama PKM berjuang menentang penjajah, jika tidak mereka terpaksa menyerah diri kepada British untuk ditangkap dan dijatuhkan hukuman kerana menyertai parti berhaluan kiri untuk menentang British.<sup>324</sup> Anak beliau, Encik Jamaluddin Ibrahim juga turut mengkui Shamsiah tidak pernah lupa akan ajaran Islam seperti solat dan mengaji. Shamsiah juga masih mengamalkan cara hidup Melayu seperti masakan ala Melayu ketika hidup di China<sup>325</sup>.

Melalui temubual dengan Dato' Norhayati Omar pula iaitu anak saudara kepada Shamsiah, penyertaan Shamsiah di dalam komunis adalah didorong oleh semangat menentang penjajah British, bukannya kerana ideologi atau kekuatan yang dimiliki oleh komunis. Pangkat, darjah kebesaran, harta benda dan imbuhan tidak pernah wujud dalam dirinya. Apa yang beliau mahukan ialah untuk berjuang dan menghalau penjajah.<sup>326</sup> Memahami betapa besarnya pengorbanan untuk negara dan bagaimana sahsiah keperibadian beliau dari kajian yang dilakukan, sekiranya ada tawaran dari penjajah British kepada beliau yang memerlukan nyawanya sebagai galang ganti

---

<sup>324</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim di kediaman ibunya di Kg. Gemuruh, Kuala Pilah pada 2 April 2011.

<sup>325</sup> Temubual bersama Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011, pukul 11pagi di pejabatnya, Petaling Jaya Selangor.

<sup>326</sup> Temubual bersama Dato' Norhayati Omar di rumahnya di Kg. Gemuruh, Kuala Pilah pada 2 April 2011, pukul 2petang. Beliau merupakan anak kepada Nurbaiti Fakeh iaitu adik bongsu kepada Shamsiah. Beliau merupakan bekas ADUN pilah pada tahun 2010 dan sekarang memegang jawatan sebagai Pengerusi MPWK (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat).



kemerdekaan negara, penulis yakin Shamsiah sanggup menyerahkan nyawanya sebagai ganti.

Penulis juga mendapati bahawa Shamsiah bukanlah seperti yang ditohmahkan. Beliau bukan kejam dan pembunuh askar Melayu. Hakikat ini diakui sendiri oleh beliau dalam memoirnya, “...sebenarnya anggota polis dan tentera memang tidak perlu berdendam dengan aku kerana sepucuk pistol dan sebutir bom tangan yang aku pakai dalam hutan dahulu itu tidak pernah meletup dan tidak sebutir peluru pun yang membunuh polis dan tentera kerajaan.”<sup>327</sup>

Berdasarkan temubual dengan sesetengah pesara tentera yang bertugas sekitar tahun 1960-an dan 1970-an, mereka mengakui bahawa mereka tidak pernah ditentang oleh Rejimen ke-10 yang dianggotai oleh pejuang Melayu. Bahkan ada yang mendakwa mereka dilindungi oleh Rejimen ini. Semasa beroperasi di hutan tatkala mereka terserempak dengan Rejimen ini masing-masing mengelak dari bertempur dengan mengeluarkan isyarat tertentu.<sup>328</sup>

Menurut bekas askar iaitu En. Zuki bin Said, kebanyakan askar tidak didedahkan mengenai sejarah yang sebenar. Menurut beliau, pemerintah tidak akan menceritakan perkara sebenar tentang musuhnya iaitu komunis. Menurutnya lagi, Shamsiah bukannya komunis tetapi hanya bergabung dengan PKM untuk mencapai

---

<sup>327</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 13.

<sup>328</sup> Temubual bersama En.Zuki bin Said di kediamannya di Sungai Petani Kedah pada 16 Mei 2011, pukul 11 pagi. Beliau merupakan bekas askar dan sekarang menjadi guru di Sekolah Menengah Agama Bidung, Sungai Petani, Kedah.

cita-cita kemerdekaan seperti sekarang UMNO bergabung dengan MCA dan MIC untuk mencapai kesejahteraan rakyat Malaysia.<sup>329</sup>

Perjanjian Damai Kerajaan Malaysia dengan PKM dan Kerajaan Thailand pada 2 Disember 1989 telah menamatkan peperangan bersenjata yang berlanjutan selama 41 tahun. Ketika tersiar berita mengenai rayuan Shamsiah Fakeh untuk pulang ke Malaysia di dada-dada akhbar, pelbagai reaksi telah diterima. Selain daripada keluarganya, kebanyakan reaksi yang diterima bersifat negatif. Secara umumnya, kebanyakan berpendapat Shamsiah hanya dibenarkan pulang dengan bersyarat, iaitu dikenakan hukuman setimpal. Pelbagai andaian dibuat terhadap reaksi-reaksi ini. Shamsiah pada mulanya mencari saudaranya melalui akhbar Utusan Melayu dan kemudian merayu untuk pulang. Sekiranya Shamsiah dibawa pulang sama seperti bekas Komander Rejimen Ke-10, Musa Ahmad pada November 1981, mungkin tidak akan kedengaran tentangan terhadap kepulangannya.<sup>330</sup>

Menurut pendapat Lt.Jen (B) Datuk Abdullah Samsudin, Shamsiah bermegah diri sebagai seorang wanita Melayu yang pertama mengangkat senjata menentang penjajah untuk mendapatkan kemerdekaan. Beliau mengatakan sedemikian kerana Shamsiah tidak menyebut yang dia diarahkan oleh PKM dan bukan atas nama AWAS, kerana AWAS telah diharamkan pada masa itu. Menurutnya lagi, tidak ada parti-parti politik Melayu yang dianggap berhaluan kiri, membuat keputusan untuk masuk hutan menentang Kerajaan British. Beliau mengetahui hal ini kerana abang beliau sendiri adalah ahli PKMM dan dia telah ditangkap dan ditahan selama dua tahun di Pulau

---

<sup>329</sup> *Ibid.*

<sup>330</sup> Dipetik dari Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Februari 1991, h. 20.

Jerjak bersama Pak Sako, Dr. Burhanuddin dan Ahmad Boestamam. Justeru itu, beliau sangat membantah apabila tersiar berita yang Shamsiah ingin pulang ke Malaysia. Beliau telah membuat surat bantahan dan surat tersebut disokong oleh Persatuan Bekas Tentera dan Persatuan Bekas Polis yang disiarkan oleh akhbar-akhbar. Utusan Malaysia juga telah menerima banyak surat dari pembaca yang membantah kepulangan Shamsiah ke tanah air.<sup>331</sup>

En. Nazri Che Mat, seorang pesara tentera mempunyai pendapat tersendiri mengenai Shamsiah Fakeh. Menurut beliau, memang benar perjuangan menentang penjajahan seharusnya dipuji. Namun motif perjuangan kemerdekaan tidak menghalalkan cara sesuatu perjuangan itu.<sup>332</sup>

Manakala novelis tersohor, Sri Diah (Radhiah bt. Shahrudin) mengibaratkan Shamsiah Fakeh sebagai ‘api’ ketika zaman beliau. Walaupun Sri Diah mengakui mungkin tiada lagi wanita lain yang mempunyai semangat perjuangan yang kental seperti Shamsiah Fakeh, namun catatan sejarah tidak dapat memadamkan hitam pada putih perjuangan Shamsiah Fakeh.<sup>333</sup>

Dalam temubual dengan pengarang majalah Al-Ummah, Haji Mohd Hashim atau juga dikenali sebagai Ibnu Hasyim, pada pandangan beliau, sama saja, samada komunis, sosialis, kapitalis, nasionalis atau apa-apa ..lis sekalipun, jika seluruh

---

<sup>331</sup> Lihat Lt. Jen (B) Datuk Abdullah Samsudin, Ulasan Di Atas Memoir Shamsiah Fakeh : Dari AWAS ke Rejimen Ke-10, Seminar Kolokium Sejarah Darurat 1948-1960 yang dianjurkan oleh Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya pada 4 Februari 2005, h.8.

<sup>332</sup> Temubual bersama Encik Nazri Che Mat di kediamannya, Cheras, Selangor pada 10 Disember 2010, pukul 5 petang.

<sup>333</sup> Lihat Azzah Ar (2011), *Shamsiah Fakeh :Pejuang, Pemimpin dan Perempuan*, Selangor : PTS Litera Utama Sdn. Bhd., h. i.

kehidupan mereka, negara mereka, politik, ekonomi, sosial, masyarakat, individu dan apa-apa lainnya tidak berasaskan hari akhirat atau agama, semuanya tertolak, yakni tidak termasuk dalam perintah Al-Quran supaya memasuki atau melaksanakan Islam secara keseluruhannya.<sup>334</sup>

Bagaimanapun tidak semua pihak menentang kepulangan Shamsiah. Sememangnya apabila dikaji dan diteliti, selepas zaman kemerdekaan sehinggalah pada tahun-tahun awal kepulangan Shamsiah Fakeh ke Malaysia, reaksi terhadap Shamsiah Fakeh rata-ratanya negatif. Semakin masa berjalan, semakin ramai pihak melahirkan rasa simpati terhadap Shamsiah Fakeh dan keluarga. Sasterawan terkenal Negara, Tan Sri Dato' A. Samad Said melahirkan rasa simpati beliau terhadap rayuan Shamsiah yang padanya penuh dengan keinsafan dan mengharapkan ihsan pihak berkuasa agar membenarkannya pulang ke tanah air, lebih-lebih lagi pada usianya yang meningkat tua. Tan Sri Dato' A. Samad Said menyatakan sokongan beliau agar Shamsiah dibenarkan pulang dan diberikan hak yang sama seperti bekas-bekas pejuang Melayu komunis yang telah menyerah diri, diberikan syarat pengampunan dan tidak dihukum melalui makhamah seperti Musa Ahmad, Ibrahim Baba, Wahi Anuwar dan lain-lain.<sup>335</sup>

---

<sup>334</sup> Temubual bersama pengarang majalah Al-Ummah iaitu Haji Mohd Hashim di pejabatnya pada 18 Julai 2011, pukul 10 pagi.

<sup>335</sup> Lihat Tan Sri Dato' A. Samad bin Idris, *Mengapa Shamsiah Fakeh Dilarang Pulang*, Dewan Masyarakat, April 1991, h. 28.

Jadual di bawah menunjukkan reaksi sesetengah pihak terhadap keinginan Shamsiah untuk pulang ke Malaysia.<sup>336</sup>

Nama Individu	Jawatan/ Persatuan	Reaksi Terhadap Kepulangan Shamsiah Fakeh			
		Bawa Balik Bersyarat/ Dihadapkan ke Mahkamah	Ditahan/ Hukuman Setimpal	Bawa Balik Tanpa Syarat	Tidak Layak Balik
Datuk Megat Junid	Tim. Men. Dalam Negeri	/	/		
Datuk Abu Hassan Omar	Menteri Luar	/			
Left Jen (B) Datuk Abdullah Shamsudin		/			
Jen Tan Sri Hashim Mohd Ali		/			
Tan Sri Samad Idris	Bekas Wakil Rakyat Kuala Pilah			/	
Tan Sri Abdul Hamid Bidin	Persatuan Bekas Perajurit Malaysia		/		
En. Abas Osman	S/U Agung Persatuan Bekas Polis Malaysia		/		
Haji Syukur Nordin	Tim. YDP Persatuan Bekas Perajurit Pulau Pinang		/		
Left (B) Aziz Talib	Veteran Askar Melayu (1936)	/			

<sup>336</sup> Lihat Fatini Yaacob, *Op. Cit.*, Februari 1991, h. 20.

En. Abdul Kanan Ishak	Persatuan Bekas Perajurit C Barat Daya	/			
En. Arsah Ayob	Bekas Anggota Semboyan		/		
Datin Paduka Hajah Rahmah Othman	Bekas Tim. Men. Pengangkutan	/			
Puan Rakibah Abdul Manaf	Wakil Rakyat Shah Alam	/			
Puan Mazidah Zakaria	Exco Perak	/			
Datin Khadijah	Pengerusi Puspita Wilayah	/			
Haji Ramli Fakeh	Adik Shamsiah Fakeh			/	
Puan Nurbaiti Fakeh	Adik Shamsiah Fakeh			/	
En. Yassin Kina	Bekas Suami Pertama Shamsiah Fakeh			/	
Ludin Nonggok	Bapa Saudara Shamsiah Fakeh			/	

Jadual 4.1 : Reaksi Terhadap Kepulangan Shamsiah Fakeh Ke Malaysia

Akhirnya pada 5 Mac 1994, kerajaan Malaysia telah bersetuju membenarkan Shamsiah sekeluarga pulang ke Malaysia setelah hampir sepuluh tahun memohon untuk pulang sejak 1985. Dalam memoirnya, Shamsiah sekeluarga menyatakan rasa terima kasih mereka terhadap bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana mengizinkan kepulangan mereka. Satu perkara yang menarik ialah kepulangan

Shamsiah ke Malaysia tidak mendapat reaksi negatif daripada media seperti tahun-tahun sebelumnya mungkin kerana kebetulan pada waktu itu sedang hangat dengan isu semasa dalaman negara yang lain, secara tidak langsung ‘menyelamatkan’ Shamsiah daripada perhatian ramai. Mungkin juga orang ramai mula menghargai pengorbanan bekas pejuang wanita ini. Atau mungkin atas dasar simpati terhadap keperitan yang dilaluinya. Tetapi apa yang penting adalah, Shamsiah Fakeh akhirnya telah selamat pulang ke Malaysia.<sup>337</sup>

Menurut En.Hazman Hashim, semasa Shamsiah pulang ke Malaysia perwatakan dan prinsip beliau tidak pernah berubah. Beliau seorang yang berhati kental, tegas dan bersemangat dalam perjuangannya. Menurutnya, Shamsiah tidak pernah menyesali perjuangan yang diperjuangkannya demi tanah air tercinta. Walaupun beliau terpaksa hidup terbuang di negara orang. Shamsiah ikhlas berjuang tanpa mengharapkan apa-apa balasan, pangkat atau kedudukan.<sup>338</sup>

Reaksi dan pandangan masyarakat umum, terutamanya generasi muda terhadap Shamsiah Fakeh mulai berubah pada masa kini. Perubahan trend reaksi ini yang sangat ketara berbanding reaksi-reaksi generasi sebelumnya adalah diakibatkan oleh beberapa faktor. Menurut kajian yang dijalankan oleh penulis, kemajuan zaman teknologi pada masa kini terutamanya kemunculan banyak laman-laman blog di laman sesawang internet banyak membantu dalam membetulkan sejarah melalui perkongsian maklumat secara bebas tanpa ditapis dan dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Perbahasan terbuka

---

<sup>337</sup> Temubual bersama Encik Jamaluddin Ibrahim pada 20 Julai 2011 di pejabatnya, Petaling Jaya Selangor.

<sup>338</sup> Temubual bersama Encik Hazman Hashim di kediaman ibunya di Kg. Gemuruh, Kuala Pilah pada 2 April 2011.

secara elektronik dan perkongsian maklumat dalam pelbagai forum serta blog-blog bebas disamping kewujudan penerbitan pelbagai bahan-bahan ilmiah sejarah di pasaran terutamanya mengenai tokoh-tokoh berhaluan kiri banyak membuka minda masyarakat yang dahulunya hanya menelan bulat-bulat fakta-fakta yang diberikan tanpa mengira maklumat tersebut benar atau palsu.

Bagaimanapun tidak semua sumber-sumber daripada internet boleh dipercayai memandangkan tiadanya bukti rujukan yang sahih. Penulis juga tidak menolak kemungkinan adanya pengaruh emosi atau kepentingan individu dalam fakta-fakta penulisan di blog dan forum internet. Tetapi hakikat bahawa masyarakat mula membuka minda dan lebih terbuka serta menghargai pengorbanan saudara-saudara sebangsa yang berjuang demi tanah air adalah sangat dipuji.

Temubual bersama Puan Norlaila Othman menunjukkan bahawa ketika pertama kali mendengar nama Shamsiah Fakeh, seorang anggota PKM, beliau mempunyai pandangan negatif terhadap Shamsiah Fakeh. Hati beliau tertanya-tanya, bagaimana seorang Islam seperti Shamsiah Fakeh boleh menyertai pergerakan komunis itu. Bagi Puan Norlaila, tiada apa istimewanya seorang wanita Melayu seperti Shamsiah Fakeh yang menjadi PKM untuk diketahui, apatah lagi untuk dikenang. Bagaimanapun pandangan beliau terus berubah sebaik saja membaca buku Memoir Shamsiah Fakeh, bukan kerana rayuan dan luahan hati Shamsiah, tetapi kerana ketegasan dan kesungguhan beliau berjuang dalam serba kekurangan untuk mendapatkan kemerdekaan dari penjajah.<sup>339</sup>

---

<sup>339</sup> Temubual bersama Puan Norlaila di kediamannya di Ulu Langat, Selangor pada 20 Februari 2011, pukul 5 petang.



Melalui temubual secara rawak terhadap individu-individu ini juga, penulis mendapati bahawa generasi kini lebih bersikap terbuka dan kebanyakan mereka menyokong bahawa Shamsiah Fakeh merupakan tokoh pejuang negara yang wajar diiktiraf. Walaupun tidak bersetuju dengan medium pilihan beliau untuk berjuang, tetapi mereka menghormati tindakan dan pegangan yang beliau pilih. Sesungguhnya ramai orang Melayu yang menyertai PKM di waktu itu kerana tiada jalan lain yang terbuka untuk bergerak menentang penjajah dan memperjuangkan kemerdekaan. Menurut pemerhatian dan pembacaan, mereka percaya tujuan Shamsiah Fakeh menyertai PKM adalah berlandaskan tujuan murni untuk berjuang membebaskan Tanah Malaya pada ketika itu dari cengkaman Jepun dan British, dimana pada permulaan pemerintahan Jepun ramai anak-anak Melayu yang bersemangat patriotik cuba untuk mencari 'medium' untuk berjuang dan salah satu darinya adalah PKM. Maka tidak hairanlah kalau kita perhatikan kebanyakan pejuang PKM adalah orang Melayu yang mempunyai didikan agama yang amat kuat, tidak terkecuali juga Shamsiah Fakeh yang mempunyai pengetahuan dan pegangan agama yang amat kuat. Tetapi mereka juga bersetuju terhadap kemungkinan bahawa di atas dasar 'perjuangan' Shamsiah Fakeh tersalah memilih 'medium' untuk menyalurkan perjuangan beliau.<sup>340</sup>

Hasil temubual rawak ini juga menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap pejuang-pejuang Melayu yang menyertai PKM adalah berbeza-beza mengikut identiti individu pejuang tersebut.<sup>341</sup> Sebagai contoh, pendapat daripada seorang kakitangan kerajaan, En.Faizul bin Mat Isa, beliau beranggapan terdapat perbezaan di antara Shamsiah Fakeh dan Chin Peng, sebab kemasukan ke dalam PKM dan adakah fahaman

---

<sup>340</sup> Temubual secara rawak bersama beberapa individu yang berumur 70-an hingga 80-an di Kedah, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor, antara Februari hingga Oktober 2011.

<sup>341</sup> *Ibid.*

komunis tersebut masih kukuh dalam diri dua individu tersebut. En. Faizul merasakan tidak salah sekiranya pada pendapat beliau Shamsiah Fakeh di isytiharkan antara pejuang pembebasan dari penjajahan, tetapi beliau tersalah pilih 'medium' untuk berjuang, sebaliknya Chin Peng pula berjuang bukan seratus peratus untuk kebebasan Malaya, tetapi lebih kepada pembelaan atas penindasan terhadap kaum Cina di China dan Malaya ketika itu selain fahaman komunis yang telah sebatikan dalam diri Chin Peng.<sup>342</sup>

Masyarakat berbangsa Cina di Malaysia juga memberikan pandangan yang lebih terbuka dan positif terhadap perjuangan Shamsiah Fakeh. En. Ding Chu Teck berpendapat seorang pejuang yang berjuang dan bertarung nyawa demi kepercayaan dan ideologinya wajar mendapat penghormatan daripada masyarakat terutamanya generasi muda.<sup>343</sup>

Seorang lagi individu berbangsa Cina yang hanya mahu namanya dikenali sebagai En. Jimmy pula menceritakan suatu ketika dahulu arwah nenek beliau pernah menceritakan kepadanya perihal Shamsiah Fakeh, di mana beliau sering datang ke daerahnya (Kuala Pilah) untuk mengaji agama. Pendapatnya lagi Shamsiah Fakeh ini memang penuh ilmu di dada dunia dan akhirat. Pada pandangan En. Jimmy benar atau salah perjuangan Shamsiah Fakeh bukan soalnya, tetapi ketabahan seorang wanita yang sanggup berjuang di dalam hutan rimba menentang penjajah, itulah yang penting.<sup>344</sup>

---

<sup>342</sup> Temubual secara rawak bersama Encik Faizul bin Mat Isa di Kg. Gemuruh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 2 April 2011, pukul 4 petang.

<sup>343</sup> Temubual secara rawak bersama Encik Ding Chu Teck di kedainya di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 2 April 2011, pukul 2 petang.

<sup>344</sup> Temubual secara rawak bersama Encik Jimmy di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 2 April 2011, pukul 2 petang. Nenek En. Jimmy adalah kenalan rapat dengan Shamsiah Fakeh semasa belajar di Pelangai, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Neneknya meninggal dunia pada tahun 2002 di Kuala Pilah.

#### 4.4 PENILAIAN TERHADAP PERJUANGAN SHAMSIAH FAKEH DI TANAH MELAYU

Nama Shamsiah Fakeh mungkin lebih dikenali dalam lembaran sejarah sebagai seorang komunis Melayu berbanding sebagai nasionalis yang berjuang demi kemerdekaan negara. Daripada seorang gadis desa yang lemah lembut sehingga menjadi seorang pejuang yang berani berjuang mengangkat senjata dan bertempur di medan perang demi apa yang diyakininya benar,<sup>345</sup> transisi perubahan fasa-fasa kehidupan Shamsiah adalah amat menarik untuk dikaji. Berikut merupakan analisa dan penilaian oleh penulis terhadap individu bernama Shamsiah Fakeh ini.

Bermula dengan awal siri kehidupannya sebagai gadis desa, penulis berpendapat zaman remaja Shamsiah boleh dijadikan sebagai model rujukan oleh masyarakat kita tanpa mengira arus zaman dalam proses membesarkan dan mendidik anak gadis, terutamanya anak-anak perempuan Melayu. Pada zaman dahulu ketika anak gadis disimpan di rumah dan diasuh sebagai suri rumah yang taat, orang tua Shamsiah telah memecahkan tradisi dengan menjadikan pendidikan dan agama sebagai tunjang utama untuk membesarkan anaknya. Didikan ilmu duniawi yang tinggi serta disokong oleh pegangan agama yang teguh<sup>346</sup> tidak dapat dinafikan merupakan intisari yang amat penting bagi melahirkan generasi wanita muslimah yang boleh berdikari dan berjaya.

Kemiskinan tidak menjadi penghalang kepada kedua ibu bapanya untuk memastikan Shamsiah mendapat pendidikan yang sempurna sehingga dihantar

---

<sup>345</sup> Untuk keterangan lanjut sila rujuk Bab Dua.

<sup>346</sup> *Ibid.*

menuntut ke negara asing.<sup>347</sup> Satu perkara yang menarik perhatian penulis adalah bagaimana ibu bapanya berjaya memastikan keseimbangan antara ilmu pendidikan duniawi dan ilmu agama dalam membesarkan anak-anak mereka disamping terus mengekalkan tradisi kesopanan gadis Melayu. Inilah yang patut dicontohi oleh ibu bapa pada zaman ini iaitu memastikan anak-anak dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan ilmu agama sebagai bekalan hidup. Dengan pendidikan manusia akan terus maju dan dengan ilmu agama manusia tidak akan mudah tersesat, insyaallah.

Ketegasan Shamsiah dalam usaha melaksanakan ajaran Islam dalam kehidupan seharian juga sangat menarik untuk dikaji. Penulis yakin melalui asuhan yang berlandaskan agama dan ilmu pendidikan, seseorang itu bukan sahaja boleh mengubah hidupnya menjadi lebih baik, tetapi juga kehidupan masyarakat disekelilingnya. Sebagai contoh, keengganan Shamsiah untuk bersanding dalam majlis perkahwinannya kerana diketahui hukum persandingan adalah haram di sisi Islam merupakan suatu tindakan yang merevolusikan pandangan masyarakat setempat ketika itu yang kuat dipengaruhi oleh adat resam yang tidak mencerminkan ajaran Islam yang sebenar. Walaupun tindakan Shamsiah pada awalnya mencetuskan cemuhan masyarakat setempat kerana melanggar adat, namun keberanian Shamsiah dengan menjadikan dirinya sebagai contoh berjaya membuka mata dan menyedarkan masyarakat kampungnya untuk meninggalkan adat-adat yang bertentangan dengan Islam.<sup>348</sup>

Sekiranya kita lihat pada zaman kini contohnya dalam majlis perkahwinan akan diadakan secara pembaziran besar-besaran dan penuh publisiti. Bukan sahaja upacara-

---

<sup>347</sup> *Ibid.*

<sup>348</sup> *Ibid.*

upacara seperti bersanding dan merenjis masih diamalkan, malah adat-adat dan upacara perkahwinan dari agama dan budaya lain seperti Hindu, Kristian dan Jawa turut diserapkan atas dasar mahu mencari kelainan tanpa menghiraukan berlakunya perbuatan khurafat dan syirik. Pakaian pengantin bukan sahaja tidak menutup aurat, malah hiburan yang diadakan bagi menyerikan majlis juga boleh mengundang maksiat. Ini amat bertentangan dengan objektif asal Islam menggalakkan mengadakan majlis perkahwinan.

Sebagai wanita, Shamsiah pernah melalui episod-episod duka dan menjadi mangsa kepada lelaki pada dua perkahwinan pertamanya. Kegagalan dua kali perkahwinan, ditambah pula dengan kematian anak-anak serta terpaksa hidup dalam menempuhi keperitan di zaman penjajahan Jepun, sudah cukup perit untuk dilalui oleh sesiapa sahaja apatah lagi bagi seorang wanita yang pada lahirnya lemah dan tidak berdaya. Namun dugaan-dugaan ini tidak melemahkan, malah menjadi pencetus kebangkitan Shamsiah yang membawanya menceburi perjuangan nasionalis menuntut kemerdekaan sehingga namanya diangkat sebaris dengan tokoh-tokoh pejuang hebat sezaman dengannya. Sifat tidak mengenal kalah dan berputus asa Shamsiah inilah yang kita patut kagumi. Dugaan dan cabaran hidup yang dilalui tidak dilihat sebagai penghalang, tetapi digunakan sebagai pemangkin untuk menolak diri supaya bangkit dan terus berjuang.<sup>349</sup>

Menurut pendapat penulis, memandangkan situasi negara ketika itu dan Shamsiah sendiri telah mempunyai asas perjuangan nasionalis sejak dibangku sekolah lagi, maka menyertai perjuangan kebebasan negara merupakan tindakan terbaik yang

---

<sup>349</sup> Untuk keterangan lanjut sila rujuk Bab Dua dan Bab Tiga.

boleh dilakukan ketika itu. Jika dikaitkan dengan konteks masyarakat ketika ini, apabila ditimpa oleh sesuatu musibah atau dugaan, lazimnya manusia mudah berputus asa dan hanyut dalam arus kesedihan. Islam mengajar manusia agar menerima dugaan daripada Allah s.w.t dengan redha dan bermuhasabah diri agar lebih mendekatkan diri dengan-Nya serta dapat bangkit meneruskan kehidupan kerana setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Dugaan yang terjadi akan menjadikan manusia lebih kuat dan cekal jika dia mengikut cara yang betul dengan berlandaskan al-Quran dan sunnah. Sesuatu yang negatif boleh diubah menjadi positif jika disalurkan pada saluran yang betul seperti Shamsiah memilih untuk berjuang dan menukarkan kesedihan dan kemarahannya menjadi tenaga patriotisme untuk berjuang demi negara dan bangsa.

Perjuangan oleh Shamsiah Fakeh secara tidak langsung turut mewakili perjuangan oleh kaum perempuan. Perjuangan nasionalis sememangnya memerlukan gandingan antara lelaki dan perempuan untuk mempertahankan tanah air daripada penjajah atau musuh. Wanita merupakan sayap kiri bagi kaum lelaki, kerana wanita merupakan penolong bagi lelaki. Di dalam al-Quran banyak menjelaskan tentang peranan wanita di dalam politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya untuk membangunkan dan mempertahankan negara. Ayat di bawah menjelaskan tentang wanita yang menjadi penolong kepada kaum lelaki untuk berbuat kebaikan. Ayat tersebut ialah:-

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ  
 بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ  
 وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ  
 اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ



Maksudnya :-

*“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya penolong bagi setengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”<sup>350</sup>*

(Surah Al-Taubah : ayat 9:71)

Ayat di atas merupakan satu perintah ke atas kaum lelaki dan perempuan agar melaksanakan dan menyeru kepada kebaikan serta mencegah daripada kemungkarannya. Tanggungjawab ini meliputi segala aspek interaksi dan komunikasi baik secara lisan mahupun penulisan. Begitu juga kritikan dan teguran ke atas pemerintah seperti khalifah, raja, pemimpin dan selain daripada mereka.<sup>351</sup>

<sup>350</sup> Surah Al-Taubah : Ayat 9:71.

<sup>351</sup> ‘Abd. Al-Halim Abu Suqqah (t.t), Tahrir al-Mar’ah fi ‘Asr al-Risalah, Jil. 2, h. 442.

Penulis memetik beberapa pendapat tokoh seperti Abd Hamid al-Ansariy di dalam bukunya *al-Shu'ra wa Atharuha fi al-Dimuqratiyyah* menyebut, ada pula sesetengah pendapat yang mengatakan masalah hak wanita dalam politik ini bukanlah merupakan satu isu perundangan (yang mempunyai hukum tetap) atau permasalahan fiqh yang merujuk kepada dasar keselamatan antara lelaki dan wanita, tetapi ianya adalah bergantung kepada keadaan dan situasi sesuatu zaman hukum itu diperlukan.<sup>352</sup>

Menurut Wahbah al-Zuhayliy dalam bukunya pula, maksud perkataan “sesetengahnya penolong bagi setengah yang lain” ialah tolong-menolong dan bantu-membantu di antara kaum lelaki dan wanita Islam di dalam segenap bidang termasuklah dalam bidang jihad. Namun ianya hendaklah dilaksanakan mengikut adab-adab dan tatasusila yang dianjurkan oleh Islam.<sup>353</sup>

Hal ini jelas menunjukkan bahawa lelaki dan wanita boleh sama-sama menjalankan hak untuk menceburi diri dalam bidang ekonomi, perundangan, politik dan sebagainya untuk membangunkan negara. Namun ianya haruslah berlandaskan kepada adab-adab dan tatasusila yang dibenarkan oleh Islam.

Pada zaman millennia ini, penulis sedar akan evolusi zaman yang menuntut agar hak wanita dibela dan kesamarataan jantina diperjuangkan. Dalam Islam sendiri ukuran martabat seseorang di sisi Allah s.w.t bukanlah ditentukan oleh jantainya, tetapi oleh ketaqwaan dan amalannya. Islam memberi wanita peluang untuk bekerjaya selagi mereka menjaga batas-batas yang telah ditetapkan oleh syarak dan tidak menjejaskan

---

<sup>352</sup> Abd al-Hamid Ismail al-Ansariy (t.t), *al-Shura wa Atharuha fi al-Dimuqratiyyah*, h. 319.

<sup>353</sup> Wahbah al-Zuhayliy (t.t), *Tafsir al-Munir : fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Minhaj*, Dar al-Fikr al-Mu'asir, Bayrut, Jil. 10, h. 304.



keharmonian rumahtangga. Persoalan penulis di sini, adakah dengan memperjuangkan dan memartabatkan hak wanita maka nasib kaum wanita akan terbela? Pada pendapat penulis, hanya dengan memartabatkan Islam secara keseluruhan barulah nasib wanita juga akan terbela. Islam telah meletakkan garis panduan dan dasar-dasar yang jelas berpandukan al-Quran dan sunnah untuk diikuti. Hanya dengan benar-benar mematuhi hukum-hukum Islam barulah semua pihak akan hidup sejahtera.

Seperti yang kita ketahui bahawa sejarah telah membuktikan tentang penglibatan wanita dalam membangunkan negara bersama-sama kaum lelaki. Peranan wanita tidak dapat dinafikan lagi, bukan sekadar mengasuh dan mendidik anak di rumah tetapi mampu bersama lelaki dalam membangunkan negara. Sebagai contoh, Aisyah r.a. (678M) isteri kepada Rasulullah s.a.w juga pernah melibatkan diri dalam politik negara. Beliau pernah mengetuai perang Jammal bagi menentang parti Ali bin Abi Thalib dengan niat untuk menegakkan kebenaran membela kematian Uthman bin Affan.<sup>354</sup> Walau bagaimanapun Aisyah r.a. dikatakan menyesal dengan tindakannya itu. Hal ini telah dijelaskan semula oleh Yusuf al-Qaradawi dengan mengatakan bahawa Aisyah r.a. bukannya menyesali tindakannya keluar dari rumah dan mencampuri urusan politik negara tetapi menyesali kekeliruan pemikiran politiknya.<sup>355</sup>

Selain itu, Yusuf al-Qaradawi telah menggunakan bukti kisah ratu Balqis sebagai salah satu hujah mengharuskan penglibatan wanita dalam politik. Menurut

---

<sup>354</sup> Huzaemah T. (1993), "*Konsep Wanita Menurut Quran, Sunnah Dan Fikih*" dalam Johan Hendrik Meuleman dan Lies M.Marcoes-Natsir (ed), Jakarta : Indon-Netherland Cooperation In Islamic Studies (INIS), h. 30.

<sup>355</sup> Yusuf al-Qaradawi (1993), h. 386.

beliau al-Quran<sup>356</sup> telah menceritakan tentang ratu Balqis yang memimpin kerajaan Saba' yang terkenal pada zaman Nabi Sulaiman a.s. Beliau memimpin kerajaannya dengan pimpinan yang bijaksana, adil dan berhemah sehingga menjadi kerajaan yang berpengaruh dan terkenal pada masa itu. Walaupun pada asalnya kerajaan beliau menyembah matahari tetapi akhirnya beliau beriman kepada Allah s.w.t.<sup>357</sup> Ini telah dijelaskan dalam ayat 44, Surah an-Naml yang bermaksud :-

Maksudnya :-

*“...Ya tuhanku, sesungguhnya aku telah berbuat zalim terhadap diriku dan aku berserah diri bersama Sulaiman kepada Allah, Tuhan semesta alam.”<sup>358</sup>*

(Terjemahan Surah an-Naml : ayat 27 : 44)

Justeru, peranan wanita dalam politik tidak harus disalah ertikan oleh masyarakat. Sebagai masyarakat yang kian membangun, kita haruslah bangga dengan jasa dan pengorbanan wanita dalam membangunkan negara. Seperti mana yang dilakukan oleh Shamsiah Fakeh dan sahabat-sahabat sealiran dengannya. Walaupun ramai yang mengenali Shamsiah sebagai seorang anggota PKM dan mempunyai pandangan negatif terhadap beliau. Setiap hati tertanya-tanya , bagaimana seorang Islam seperti beliau boleh menyertai pergerakan komunis itu. Begitu juga bagi penulis, namun pandangan penulis berubah sebaik sahaja melakukan kajian terhadap perjuangan dan mendalami kisah suka duka kehidupan Shamsiah Fakeh.

---

<sup>356</sup> Lihat kisah Ratu Balqis dalam Surah an-Naml.

<sup>357</sup> Yusuf al-Qaradawi (1993), *Hadyul Islam Fatawa Al Mu'asirah*, C.2. al-Mansurah' : Dar al Wafa', h. 388.

<sup>358</sup> Surah an-Naml : Ayat 27:44.

Penglibatan Shamsiah dalam komunis adalah suatu fakta sejarah yang tidak boleh dinafikan. Dalam wawancara antara Mastika dengan Shamsiah pada 2 Oktober 2007, Shamsiah telah menyatakan bahawa beliau tidak pernah menyesal masuk ke hutan dan menyertai komunis untuk berjuang menentang penjajah. Bagi Shamsiah, beliau tidak mungkin menyertai UMNO pada masa itu kerana beliau tetap memilih untuk menentang British secara terus terang. Walaupun akhirnya beliau terpaksa hidup bertahun-tahun di China, namun beliau tidak pernah menyesal dalam perjuangannya menuntut kemerdekaan. Beribu-ribu pejuang telah berkorban harta, masa dan nyawa demi menuntut kemerdekaan, namun mereka juga tidak pernah mengharapkan apa-apa balasan atau kemewahan dari perjuangan mereka.<sup>359</sup>

Tiada manusia yang sempurna dan tidak pernah membuat kesilapan. Tetapi ketegasan dan kesungguhan Shamsiah berjuang dalam serba kekurangan untuk mendapatkan kemerdekaan dari penjajah merupakan suatu yang sewajarnya mendapat penghormatan daripada semua pihak dan wajar dijadikan contoh teladan di atas kegigihan dan ketekunan beliau. Semoga yang baik dijadikan teladan dan yang buruk dijadikan pengajaran.

---

<sup>359</sup> Shamsiah Fakeh (2007), *Op. Cit.*, h. 132-135.

# **BAB 5**

## **BAB LIMA**

### **PENUTUP**

#### **5.1 KESIMPULAN**

Sejarah menjadi saksi sejak ratusan tahun Tanah Melayu telah dijajah oleh kuasa-kuasa asing, terutamanya kuasa Barat dengan silih berganti. Bermula dari penjajahan Portugis yang kemudiannya diikuti oleh Belanda dan British, serta penjajahan oleh Siam dan Jepun, kesan daripada penjajahan ini bukan sahaja dalam bidang ekonomi dan politik, malah juga dari segi pemikiran demi memastikan rakyat Tanah Melayu terutamanya bangsa Melayu agar sentiasa bersikap bergantung terhadap kekuatan kuasa Barat.

Namun pada awal abad ke-20, perkembangan politik dunia telah menyaksikan kebangkitan rakyat peribumi yang dijajah. Gelombang arus perjuangan kemerdekaan ini turut tersebar ke Tanah Melayu. Senario politik di Tanah Melayu memperlihatkan perkembangan matlamat dan ideologi yang berbeza dalam arus perjuangan yang di cita-citakan oleh para pendokong politik. Sejak daripada zaman penjajahan lagi, kebangkitan bangsa Melayu dalam memperjuangkan kemerdekaan sentiasa mendapat tentangan dan ditafsirkan oleh pihak penjajah sebagai pencetus kekacauan. Bertitik tolak daripada senario inilah, maka munculnya satu istilah yang digelar ‘radikal’ untuk melabelkan golongan yang pada pandangan penjajah seperti British sebagai mengganggu kedudukan mereka di Tanah Melayu.

Perhubungan baik antara pihak British dengan golongan elit dan bangsawan Melayu telah memberikan kedudukan yang selesa kepada pihak British. British berpendapat golongan ini perlu dipelihara dan diberikan kemewahan bagi mengelakkan mereka turut sama dalam kebangkitan rakyat menentang kuasa penjajah. Maka golongan yang digelar sebagai radikal terpaksa berdepan dengan pelbagai tentangan dan rintangan sepanjang misi perjuangan mereka. Walaupun begitu, gelombang kebangkitan bangsa Melayu ketika itu tidak dapat dibendung lagi. Sehubungan itu, telah lahir beberapa tokoh daripada kalangan rakyat biasa yang bangun memperjuangkan politik untuk pembangunan dan kesejahteraan rakyat seperti Shamsiah Fakeh.

Kedudukan geografi pantai barat Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera yang hampir, memudahkan berlakunya penghijrahan tanpa perlu menggunakan kapal-kapal besar. Kebanyakan orang Melayu berketurunan Indonesia mengambil keputusan berhijrah ke Tanah Melayu kerana tertekan dengan dasar-dasar penindasan dan cukai yang tinggi yang dikenakan oleh pihak Belanda di Indonesia. Tambahan lagi, menurut pandangan mereka, penjajah British di Tanah Melayu tidaklah sekejam Belanda di Indonesia. Bangsa Melayu pada waktu itu dianggap sebagai serumpun tanpa mengira faktor geografi. Tanah Melayu pula merupakan salah satu penempatan rumpun Melayu di nusantara. Lantaran itu, penghijrahan dan pembukaan penempatan baru di Tanah Melayu ketika itu merupakan suatu kelaziman. Semangat perjuangan kemerdekaan Indonesia turut dibawa sekali ke Tanah Melayu lebih-lebih lagi apabila mereka yang berhijrah mendapati tiada bezanya antara penjajah Belanda dengan British. Faktor-faktor sosial inilah yang turut mempengaruhi penubuhan parti politik kiri pertama di Tanah Melayu iaitu PKMM.

Penduduk Indonesia yang bermastautin di Tanah Melayu lebih cenderung menghantar anak-anak mereka untuk menuntut ilmu di Indonesia. Ini kerana mereka tidak menyukai struktur pendidikan di Tanah Melayu ketika itu yang dikongkong oleh British. Shamsiah Fakeh sendiri dihantar belajar di Sekolah Agama Rahmah al-Yunusiah yang terletak di Madrasah Tuddimiah, Padang Panjang, Sumatera Barat, Indonesia. Shamsiah yang lahir dalam keluarga yang mempunyai pegangan agama yang kuat, walaupun miskin tetapi tetap mementingkan pelajaran. Malah di sekolah ini selain pendidikan agama Islam, sekolah tersebut juga mendidik dan menanamkan semangat nasionalisme di kalangan generasi muda yang belajar di sekolah tersebut. Di sini jugalah kebolehan berpidato Shamsiah begitu terserlah, semangat beraninya untuk berjuang berkobar-kobar dan jiwanya kini hanya dipenuhi dengan satu cita-cita besarnya iaitu memerdekakan tanah airnya daripada penjajah.

Pada tahun 1940 sekembalinya Shamsiah ke Tanah Melayu kerana ketika itu, dunia semakin bergolak dengan tanda-tanda ingin berlaku Perang Dunia Kedua. Shamsiah sendiri terbelenggu dengan masalah perkahwinan yang gagal dan tidak membawa kebahagiaan walaupun mendapat restu dari keluarga akibat sikap suami yang gagal menghayati kehidupan berkeluarga berpandukan hukum agama. Kekecewaan akibat kegagalan dua perkahwinan awalnya serta kematian anak-anaknya telah menjadi pencetus kepada semangat juang Shamsiah untuk berjuang bukan sahaja sebagai individu tetapi juga kepada bangsa dan negara.

Apabila tercetus Perang Dunia Kedua pada 1941-1945, pihak British dengan mudah dikalahkan oleh tentera Jepun. Kemenangan oleh Jepun dengan slogan 'Asia untuk Asia' telah memberikan suatu anjakan paradigma baru terhadap pandangan yang

pihak penjajah yang disangkakan ‘kebal’ sebenarnya boleh dikalahkan. Pada zaman peperangan hidup masyarakat Tanah Melayu amat menderita kerana kekurangan makanan dan dilanda wabak penyakit. Ditambah lagi dengan penindasan oleh tentera penjajah terhadap rakyat, ini telah menimbulkan kesedaran dan keinsafan tentang kepentingan mempunyai pemerintahan sendiri bagi menjamin masa depan bangsa sendiri.

Kesedaran politik ini terus menular dan dirasai oleh semua kaum di Tanah Melayu. Penyebaran maklumat berkaitan perkembangan politik di luar negara seperti isu kebangkitan perjuangan nasionalisme oleh Liga Kemerdekaan India di India telah memberi kesedaran kepada rakyat berbangsa India di Tanah Melayu. Kaum Cina pula terpengaruh dengan perjuangan komunisme dan gerakan Koumintang di China. Manakala perjuangan nasionalisme di Indonesia telah menjadi pembakar semangat kaum Melayu.

Gerakan kebangkitan rakyat telah dimulai oleh golongan radikal melalui PKMM. Perjuangan berasaskan kemerdekaan ini berjaya memikat dan menarik minat ramai anak-anak muda Melayu untuk turut serta dalam perjuangan PKMM ini. Kehadiran PKMM dan parti-parti politik radikal seangkatan dengannya telah menyedarkan rakyat akan kepentingan bersatu dan mempertahankan Tanah Melayu daripada ancaman jajahan British. Perjuangan ini terus diperhebatkan dengan penubuhan API dan AWAS. Perjuangan radikalisme kemerdekaan ini kemudiannya disokong oleh pergerakan-pergerakan bukan Melayu seperti AMCJA. Gabungan PUTERA-AMCJA berjaya memperlihatkan kerjasama politik kepada umum bahawa orang Melayu dan Cina boleh bekerjasama dalam membela nasib rakyat kelas



bawahan dan menentang penjajah. Persefahaman dan kerjasama ini amat membimbangkan pihak British.

Shamsiah Fakeh terlibat dalam gerakan nasionalisme sejak 1945 lagi. Semangat menentang penjajah membara dalam jiwanya. Bakat pidato yang dimilikinya menjadi tiket penting untuk beliau bergiat cergas dalam parti-parti politik di Tanah Melayu. Sepanjang penglibatannya dalam politik beliau cekal menghadapi pelbagai pahit manis dalam kehidupannya, khususnya sebagai pejuang kemerdekaan. Pada bulan Ogos 1945, Jepun diisytiharkan kalah. Pengalaman pahit ketika penjajahan Jepun telah meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa rakyat. Mereka perlu sedar selagi mereka tidak terlepas daripada belunggu penjajah, selama itulah mereka tidak dapat menjadi tuan dalam negara sendiri. Perang Dunia Kedua juga telah menjadi titik permulaan perubahan sikap masyarakat terhadap kaum wanita. Perjuangan wanita atau kaum ibu dalam politik bermula bersama gerakan semangat kebangsaan untuk memerdekakan tanah air. Cadangan penubuhan Malayan Union pada 1945 bagi menamatkan hak orang-orang Melayu telah membangkitkan penentangan secara besar-besaran secara terbuka termasuk daripada kaum wanita buat pertama kalinya dalam gerakan politik tanah air.

Pada tahun 1947, Shamsiah telah mengambil alih kepimpinan AWAS. AWAS merupakan 'sayap wanita' kepada parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Aktiviti-aktiviti utama AWAS termasuklah mengadakan sesi perbincangan bagi meningkatkan kesedaran nasionalisme dan persamaan hak antara lelaki dengan wanita di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, di samping bekerjasama dengan aktivis-aktivis wanita dari Indonesia dan menyediakan forum bagi mereka. Di bawah kepimpinan Shamsiah,

AWAS menjadi lebih aktif dan dinamik dalam membangkitkan kesedaran sosial dan politik.

Pada tahun 1948, darurat diisytiharkan di Tanah Melayu. Gerakan – gerakan berhaluan kiri yang dianggap radikal diharamkan oleh pihak British. Apabila darurat diisytiharkan AWAS telah diharamkan bersama-sama dengan beberapa pertubuhan berhaluan kiri yang lain. Akibatnya ramai pejuang radikal Melayu dan Cina ditangkap dan dihumban ke kem-kem tahanan politik penjajah. Tindakan ini adalah untuk menyekat proses kebangkitan rakyat di Tanah Melayu. British mengambil peluang ini untuk menghalalkan tindakan mereka menangkap dan memenjarakan para pejuang radikal dengan alasan membahayakan keselamatan negara. British juga ingin membendung kebangkitan gerakan reformasi Islam dan pengaruh komunis yang sedang berkembang dalam masyarakat Cina di Tanah Melayu.

Sepanjang tahun 1948-1955, gerakan kemerdekaan yang dipelopori golongan radikal menjadi sepi kerana ketiadaan pemimpin dan akibat ditindas oleh akta-akta penjajah British. Maka perjuangan kemerdekaan diambil alih oleh golongan elit Melayu iaitu UMNO. Perjuangan UMNO yang bersifat sederhana ini mendapat restu pihak British dan menjadi lebih mudah. Walaupun gerakan radikalisme kemerdekaan Tanah Melayu cuba dibendung oleh pihak British dengan pelbagai cara seperti memperkenalkan pelbagai akta dan undang-undang, namun gerakan menuntut kemerdekaan menjadi semakin rancak. Malah terdapat ramai pejuang radikal memilih untuk berjuang secara gerila. Satu-satunya pilihan ketika itu adalah dengan menyertai PKM. Gerakan komunis di Tanah Melayu dipelopori oleh PKM dengan sokongan kuat oleh bekas ahli-ahli PKI.

Penindasan oleh penjajah Belanda menyebabkan ahli-ahli PKI lari ke Tanah Melayu. Penubuhan PKM pusat diasaskan oleh kaum Cina di Tanah Melayu. Golongan radikal Cina ini menyokong fahaman komunis dibawah pimpinan Mao Tze Tung di China. Pada peringkat awal, fahaman komunisme kurang mendapat sambutan terutamanya di kalangan kaum Melayu kerana percanggahan dengan ajaran agama Islam, memandangkan komunisme menolak kepentingan agama dan kewujudan Tuhan. Namun terdapat juga segelintir orang Melayu yang menyertai perjuangan PKM tetapi penyertaan mereka sekadar untuk mencapai matlamat memerdekakan Tanah Melayu daripada British.

Pada tahun 1949, Rejimen ke-10 PKM ditubuhkan bagi membezakan antara komunis Cina dengan Melayu. Penubuhan Rejimen ke-10 merupakan antara langkah bijak oleh pejuang radikal Melayu bagi membezakan ideologi politik dan perjuangan mereka daripada komunis. PKM pusat kekal sebagai parti komunis berprinsipkan komunisme, manakala Rejimen ke-10 PKM adalah sebuah pertubuhan gerila Melayu yang mengambil semangat perjuangan PKM dalam melancarkan perang bersenjata terhadap British. Strategi ini digunakan oleh golongan Melayu untuk mendapatkan bantuan daripada PKM pusat terutamanya dari segi bantuan senjata, latihan dan bekalan makanan. Terdapat ramai anggota AWAS atau penyokong PKMM menyertai perjuangan bersenjata bersama-sama Rejimen Ke-10. Walaupun keseluruhan Rejimen Ke-10 ini, dari komander sampailah ke bahagian anggota militari terdiri daripada bangsa Melayu, namun kuasa mutlak adalah di bawah Jawatankuasa Pusat Parti.

Sejak Rejimen Ke-10 ditubuhkan, Shamsiah terus aktif bersama pasukan yang dipimpin oleh Wahi Anuar. Beliau pergi ke kampung-kampung untuk menemui rakyat

untuk memberi penerangan tentang perjuangan bersenjata melawan penjajah British bagi mencapai kemerdekaan dan menyatukan mereka supaya memberi sokongan kepada perjuangan. Shamsiah bersama beberapa orang pemimpin pertubuhan kebangsaan Melayu sayap kiri telah lari ke dalam hutan untuk melakukan perjuangan bersenjata atau revolusi di bawah PKM.

Undang-undang Darurat 1948 yang dilancarkan oleh British telah dapat membendung ancaman daripada pihak PKM dengan tumpuan lebih diberikan kepada pengganas Cina. Tetapi mulai 1949 sehingga tahun 1952 British mulai memikirkan tentang bagaimana pula untuk menghadapi ancaman daripada Melayu PKM. lantaran British mulai merasakan bahang ancaman daripada Rejimen Ke-10. Lantas daripada itu pihak pemerintah telah memperhebatkan lagi undang-undang yang sedia ada, dengan melantik pegawai-pegawai baru yang berkemampuan bagi memastikan Rejimen Ke-10 dapat dibenteras secara habis-habisan.

Pada tahun 1953, Markas Agung TPNM dan Jawatankuasa Pusat PKM telah membuat keputusan memindahkan Rejimen Ke-10 ke kawasan utara sebagai suatu strategi untuk membentuk satu pangkalan perang yang baru di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Bagi Rejimen Ke-10 faktor maruah dan harga diri sangat penting. Anggota-anggota tertinggi Rejimen Ke-10 seperti Abdullah C.D., Musa Ahmad, Abu Samah Kassim, Rashid Maidin dan Shamsiah Fakeh tidak akan sama sekali menyerah diri dan meninggalkan perjuangan. Pengunduran ke Selatan Thailand tidak bermakna mereka akur dan mengalah kepada British, malah sebaliknya, ia sebagai suatu strategi untuk mengatur kembali kekuatan dan menunggu masa untuk menyerang balas.

Mengenai tokoh-tokoh komunis Melayu, satu fakta yang tidak dapat kita lupakan adalah sebelum menyertai perjuangan bersenjata mereka juga telah berjuang secara damai dan secara berpelembagaan. Abdullah C.D. pernah bergerak dalam PKMM, di samping bergerak dalam Persatuan Buruh (Kesatuan Sekerja). Rashid Maidin pernah menyertai gerakan politik yang berpusat di Gunung Semanggol, di samping mengadakan ceramah bersama dengan Dr. Burhanuddin di pelbagai tempat. Musa Ahmad pernah memimpin Barisan Tani Malaya (BATAS), sementara Shamsiah memimpin AWAS yang kedua-duanya merupakan badan gabungan PKMM. Jika masa yang sama mereka bergerak di bawah tanah sebagai kader PKM, itu adalah taktik perjuangan untuk menentang penjajah yang biasa diikuti oleh pelbagai gerakan yang lain, sama ada di dalam atau luar negeri. Oleh yang demikian, berdasarkan peranan yang mereka mainkan sebelum mereka menyertai perjuangan bersenjata itu, tidak ada alasan untuk kita menafikan peranan mereka sebagai pejuang kemerdekaan. Sedikit sebanyak mereka telah menyumbangkan saham dalam perjuangan itu, dan peranan mereka memang wajar diberi pengiktirafan.

Penglibatan mereka dalam perjuangan bersenjata pula, walaupun mereka bersama dengan PKM, namun mereka masih mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah. Kebetulan pada tahun 1940-an dan 1950-an dahulu banyak pejuang kemerdekaan di negara lain yang menentang penjajah mengikut jalan revolusi. Oleh itu, tidak ada alasan yang munasabah mengapa mereka tidak diiktiraf sebagai pejuang kemerdekaan.

Shamsiah merupakan protagonist politikus wanita zamannya. Penglibatan dan peranannya dalam politik menjana inspirasi keterampilan dan kewibawaan wanita

dalam berpolitik. Keterlibatannya dalam kegiatan menentang penjajah British jelas meletakkan dirinya sebaris dengan tokoh-tokoh politikus nasionalis Melayu radikal. Menyoroti perjuangan politiknya, Shamsiah memikul kesinambungan idea kemerdekaan dari Indonesia ke Tanah Melayu. Beliau cuba memperjuangkan hak-hak wanita dalam parti yang disertainya. Sikap gigih yang tertanam dalam dirinya sejak kecil lagi melatih beliau agar tidak mudah berputus asa dalam mencapai cita-citanya. Walaupun pembelajaran Shamsiah tidak dapat diteruskan, namun beliau tetap bangun untuk mencapai cita-citanya.

Sikap idealistik beliau seiring dengan pendapat Thomas Carlyle yang mentakrifkan pemimpin itu seharusnya berpandangan jauh, di samping individu lain, berani membuat keputusan dan mempunyai pemikiran yang bebas untuk mengkritik masyarakatnya.<sup>360</sup>

Shamsiah juga berfikiran progresif dan berpandangan jauh. Semasa menjadi ketua AWAS, beliau amat peka terhadap kemunduran masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi. Selain itu, beliau juga peka terhadap penindasan yang berlaku kepada wanita. Beliau berjuang meningkatkan taraf hidup wanita dan membebaskan wanita daripada dibelenggu penindasan. Sepanjang kepimpinannya dalam AWAS, beliau sangat berpengaruh dan disegani oleh masyarakat. Beliau membantu mencapai rekod yang baik dalam parti yang disertainya. Beliau bersama-sama barisan pemimpin yang berpengaruh seperti Dr. Burhanudin al-Helmy, berjaya mengangkat sebagai parti yang berpengaruh.

---

<sup>360</sup> Ramlah Adam (1994), *Dato Onn : Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL, h.viii.

Shamsiah berpendirian tegas dalam berpolitik. Jika diperlihatkan kegiatan-kegiatan politik Shamsiah di Tanah Melayu, beliau mempunyai idea politik yang jelas. Beliau sentiasa mengetengahkan idea-idea baru dalam parti politik yang disertainya. Beliau dilihat sebagai seorang pemimpin yang sentiasa memperjuangkan hak-hak wanita menerusi parti-parti yang disertainya. Beliau cuba membangkitkan kesedaran dan mengubah kerangka pemikiran yang sempit dikalangan wanita.

Ketokohan Shamsiah sebagai politikus-nasionalis Melayu terserlah dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau merupakan tokoh politik wanita yang berfikiran positif dan berjiwa progresif, terutamanya dalam membela hak-hak politik wanita. Keberanian, kelantangan dan kejujurannya memperjuangkan hak-hak politik wanita sukar ditandingi dalam konteks sezamannya. Justeru itu, pemergiannya bukan sahaja tidak bergalang ganti, malah satu kehilangan besar dalam perkembangan politik wanita tanah air.

Penglibatan Shamsiah dalam kancah politik dan perjuangan kemerdekaan adalah semata-mata berlandaskan keikhlasan membebaskan bangsa dari cengkaman penjajahan British. Walaupun umum ketika itu menganggap Shamsiah sebagai seorang pemedato yang hebat, namun Shamsiah bukanlah seorang yang boleh dikategorikan sebagai pemimpin besar yang berpengaruh. Shamsiah hanyalah pemimpin yang dipimpin. Jika dilihat daripada awal penglibatannya dalam PKMM, kemasukan Shamsiah adalah sebagai bidan terjun. Memetik kata-katanya, “Saya bukan pandai sangat, saya seperti akar, tak ada rotan akar pun berguna. Saya cubalah belajar”.<sup>361</sup> Oleh kerana Shamsiah

---

<sup>361</sup> Lihat Fatini Yaacob, *Shamsiah mengambil alih Ketua AWAS daripada Aishah Ghani*, Dewan Masyarakat, April 1991, h. 26.

telah menunjukkan kebolehan berpidatonya dan kebetulan pada zaman itu tidak ramai wanita yang boleh keluar rumah, maka kebolehan Shamsiah dipergunakan sebaik-baiknya oleh PKMM untuk menarik lebih ramai keanggotaan dan menyedarkan orang Melayu mengenai perjuangan kemerdekaan.

Namun begitu, dalam politik, ketiga-tiga ciri yang dimiliki oleh Shamsiah seperti yang dinyatakan iaitu keberanian, kelantangan dan kejujurannya, tidak dapat menjamin masa depannya dalam parti politik. Inilah kelemahan Shamsiah sebagai politikus nasionalis Melayu. Jika dilihat dari mula penglibatan Shamsiah dalam arena politik melalui PKMM, sehingga tiba pada suatu peringkat di mana Shamsiah dipergunakan oleh PKM demi kepentingan perjuangan mereka. Shamsiah juga dipergunakan oleh British dalam propaganda untuk menjauhkan orang Melayu dari komunis. Malah setelah mencurahkan bakti terhadap perjuangan parti, akibat permainan politik dalaman, beliau bukan sahaja disingkirkan dari parti yang didukungnya, bahkan jasanya tenggelam dalam arus politik zamannya dan terpaksa hidup sebagai buangan di negara asing.

Shamsiah yang dilucutkan keanggotaan parti pada 1968 terpaksa melalui detik-detik sukar sebagai tahanan rumah selama dua tahun. Meskipun terbuang jauh di negara China, Shamsiah bersama-sama suami dan anak-anaknya berjaya mengharungi kehidupan. Dengan status yang diiktiraf sebagai individu yang mendapat perlindungan politik dan tanpa sebarang kewarganegaraan, Shamsiah meneruskan kehidupan dengan bekerja di kilang besi dan memberi khidmat kepakaran bahasa Melayu kepada Radio Beijing. Keinsafan serta keinginan untuk pulang ke Tanah air tercinta setelah berada dalam buangan selama hampir 4 dekad tidak pernah luput malah semakin kuat dari hari



ke hari. Pelbagai halangan dan kesulitan terpaksa dihadapi dalam usaha Shamsiah untuk pulang sehingga menjadikannya misi yang hampir mustahil, tetapi sikap tidak pernah mengalah dan berputus asa Shamsiah tidak pernah berubah. Tidak 46 tahun dahulu ketika beliau berjuang demi negara, dan tidak juga sekarang. Akhirnya doa, harapan dan usaha Shamsiah dimakbulkan Tuhan apabila dengan jasa pelbagai pihak, pada tanggal 12 Julai 1994 Shamsiah berjaya menjejakkan kaki dan pulang ke tanah air buat selamanya.

## **5.2 SARANAN**

1. Saranan oleh penulis, jika ingin mengenali perjuangan Shamsiah Fakeh, jangan diambil sewaktu beliau menyertai PKM tetapi harus bermula dari awal perjuangannya tatkala beliau terlibat dalam PKMM sebagai ketua Angkatan Wanita Sedar (AWAS). Shamsiah bermula dengan niat yang suci dan putih dalam perjuangan. Niat dan kesucian ini tidak tercalar sampai ke akhir nafasnya.
2. Pihak universiti khususnya Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam hendaklah menjalankan sebanyak-banyaknya kerja-kerja penyelidikan untuk mengkaji tentang tokoh-tokoh yang berjasa di Tanah Melayu tanpa mengira fahaman politik kiri atau kanan. Adalah dicadangkan supaya ditulis satu ensiklopedia lengkap biografi dan sumbangan ulama serta tokoh-tokoh tempatan yang berjasa kepada Tanah Melayu.

3. Para penuntut Institusi Pengajian Tinggi terutamanya dalam bidang pengajian Sejarah juga perlu digalakkan agar mengambil inisiatif untuk menjadikan kajian terhadap tokoh-tokoh sejarah Negara sebagai subjek penulisan tesis. Melalui pendekatan seperti ini, lebih ramai graduan yang peka dan menghargai sejarah Negara dapat dihasilkan.
4. Dicadangkan juga supaya diadakan seminar yang lebih kerap dalam mengkaji tokoh-tokoh yang banyak berjasa kepada Tanah Melayu termasuk tokoh dalam kajian ini.
5. Pihak kerajaan hendaklah menghargai jasa tokoh-tokoh di Malaysia yang sanggup memperjuangkan Tanah Melayu ini dari dijajah oleh penjajah tanpa mengira fahaman politik.
6. Pihak swasta seperti media massa juga boleh membantu memperkayakan sejarah negara dengan membuat dokumentari atau filem-filem pendek berkisar tokoh-tokoh pejuang dan nilai-nilai murni yang boleh dipelajari daripada mereka.
7. Masyarakat hendaklah sentiasa mencari maklumat, mengkaji, meneliti dan memahami dengan terperinci mengenai sejarah Malaysia dan tidak mengambil secara buta tuli di atas apa yang dilihat dan dibaca pada hari ini.

### 5.3 PENUTUP

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji dan memaparkan fakta sebenar dari suatu perspektif neutral mengenai individu bernama Shamsiah Fakeh. Selain daripada bertujuan untuk menilai sejauh mana sumbangan Shamsiah terhadap perjuangan kemerdekaan negara, kajian ini juga ingin melihat sejauh mana komunis telah berjaya mempengaruhi masyarakat Melayu beragama Islam serta faktor-faktor pendorong penglibatan masyarakat Melayu dalam perjuangan komunis.

Penulis membuat kesimpulan bahawa kegigihan dan keberanian Shamsiah Fakeh bukan sahaja ketika menentang penjajah tetapi beliau juga menentang realiti kehidupan seorang wanita pada zaman itu yang menjadi mangsa ketidakadilan sosial seperti ditindas oleh lelaki serta terkongkong oleh hukum dan adat yang tidak munasabah yang tidak berlandaskan syarak. Dalam sepanjang hidupnya Shamsiah telah mengalami keruntuhan rumah tangga sebanyak empat kali. Empat kali adalah terlalu perit dan boleh menyebabkan manusia jadi 'gila' apa lagi keruntuhan rumah tangga itu dalam keadaan tragis yang bervariasi tragedinya. Namun Shamsiah tidak pernah tewas dan mengaku kalah. Keruntuhan rumah tangga itu tidak sedikitpun melemahkan atau mengganggu semangatnya untuk berjuang memerdekakan negara. Di sinilah terletaklah kehebatan Shamsiah yang dapat memisahkan antara masalah peribadi seperti kegagalan perkahwinan dengan semangat perjuangan yang mengalir dalam tubuhnya.

Secara peribadi penulis berpendapat sejarah, latar hidup dan perjuangan Shamsiah Fakeh sungguh menarik dan penuh cabaran. Dalam kepedihan dan

kesengsaraan dihadapinya selama lebih 40 tahun berjuang, terdapat banyak pengajaran dan nilai-nilai murni yang dapat dikutip untuk diaplikasikan dalam kehidupan ini.

Penglibatan golongan radikal Melayu seperti Shamsiah Fakeh dalam PKM hanya sebagai satu bentuk perjuangan yang menerima pakai ideologi politik komunis, bukannya mengabdikan diri dan mempraktik amalan ideologi komunis tulen. Penguatkuasaan Akta Darurat 1948 telah menyekat kebebasan berpolitik secara terbuka. Kebencian terhadap penjajah menjadikan Shamsiah Fakeh berasa adalah mustahil untuknya berpolitik secara bekerjasama dengan British seperti parti UMNO. Maka dengan sebab ini, pejuang seperti Shamsiah Fakeh tidak mempunyai pilihan lain selain menyertai satu-satunya pilihan yang ada ketika itu melalui perjuangan secara gerila Rejimen Ke-10 PKM.

Daripada perjalanan hidup dan pengembaraan perjuangannya, kita dapat sumbangan dan pengorbanan Shamsiah Fakeh serta tokoh-tokoh sealiran dengan beliau yang bergelar radikal adalah amat penting di mana mereka mampu menggugat kedudukan penjajah British. Tanpa sikap radikal dan tekanan yang mereka cetuskan, belum tentu Tanah Melayu dapat mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tokoh-tokoh seperti Shamsiah Fakeh berhak mendapat pengadilan moral yang adil dan lebih terbuka daripada masyarakat atas perjuangannya.

Allahyarhamah Shamsiah Fakeh yang juga dikenali dengan nama timangan Che Yah meninggal dunia dalam usia 84 tahun di rumah anaknya di Jalan Kucai Lama, Kuala Lumpur pada 20 Oktober 2008. Tidak dinafikan, perjuangan Shamsiah Fakeh

telah mewarnai sejarah Malaysia sebelum dan selepas kemerdekaan negara. Semoga roh beliau dicucuri rahmat.

# **BIBLIOGRAFI**

## **RUJUKAN UTAMA**

Al-Quran

## **RUJUKAN BAHASA ARAB**

‘Abd. Al-Halim Abu Suqqah, Tahrir al-Mar’ah fi ‘Asr al-Risalah, Jil. 2.

Abd al-Hamid Ismail al-Ansariy, al-Shura wa Atharuha fi al-Dimuqratiyyah.

Wahbah al-Zuhayliy, Tafsir al-Munir : fi al-‘Aqidah wa al-Shari’ah wa al-Minhaj, Dar al-Fikr al-Mu’asir, Bayrut, Jil. 10.

Ahmad ‘Abd al-Aziz al-Husni (1981), al-Mar’ah wa Makanatuha fi al-Islam Qaherah : Maktabi al-Mukhtar al-Islamiah.

Sayyid Qutb (1982), al-Tafsir fi Zilal al-Quran, T.t.p : Dar al-Syuruq.

Sayyid Muhammad ‘Ali Namr (1984), I’dad al-Mar’ah al-Mualimah, Riyad : al-Dar al-Sa’udiyyah li al-Nasyr wa al-Tawzi.

Yusuf al-Qaradawi (1993), Hadyul Islam Fatawa Al Mu’asirah, C.2. al-Mansurah’ : Dar al Wafa’.

## **RUJUKAN BAHASA INGGERIS**

